JUZU' KE-13

# SURAH AR-RA'D

SURAH KE

13

# SURAH AR-RA'D

## Surah Guruh

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

43

**Dengan nama Allah**
**Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih**

**(Muqaddimah surah)**

Seringkali saya merasa gementar berdiri di hadapan nas-nas Al-Qur'an apabila saya hendak menanganinya dengan uslub insani saya yang lemah, saya merasa serba salah apabila saya hendak mencampurkannya dengan ungkapan-ungkapan insani saya sebagai manusia yang fana.

Keseluruhan surah ini - sama seperti Surah al-An'am sebelumnya - adalah di antara nas-nas Al-Qur'an yang membuat saya hampir-hampir tidak berani menanganinya dengan sesuatu pentafsiran dan pengolahan.

Tetapi apa boleh buat kita sedang berada dalam satu generasi yang perlu dikemukakan Al-Qur'an kepada mereka dengan penerangan-penerangan yang sejelas-jelasnya mengenai tabi'atnya, cara pengolahannya, pokok pembicaraannya dan arah tujuannya setelah manusia kini menjauhkan dirinya dari suasana turunnya Al-Qur'an dan dari perhatian-perhatian dan matlamat-matlamat yang diturunkan Al-Qur'an, juga setelah layu dan kaburnya pengertian-pengertian Al-Qur'an dan dimensi-dimensinya yang haqiqi dalam tanggapan dan kefahaman mereka, dan setelah istilah-istilah Al-Qur'an menyeleweng dari pengertiannya yang sebenar di dalam persepsi mereka..... Mereka hidup di zaman jahiliyah yang sama dengan zaman jahiliyah yang lampau, di mana Al-Qur'an ini diturunkan untuk menentangnya, tetapi mereka tidak bergerak dengan berpandukan Al-Qur'an untuk menentang jahiliyah itu seperti pergerakan kaum Muslimin (angkatan pertama) yang julung kali diturunkan Al-Qur'an kepada mereka. Tanpa pergerakan seperti ini, manusia tidak dapat memahami rahsia-rahsia Al-Qur'an sedikit pun, kerana rahsia-rahsia Al-Qur'an ini tidak dapat difahami oleh orang yang duduk tanpa bergerak. Pengertian-pengertian dan tujuan-tujuan Al-Qur'an tidak dapat difahami melainkan oleh orang-orang yang beriman kepadanya dan bergerak di bawah panduannya dalam perjuangan menentang jahiliyah untuk merealisasikan maksud-maksud Al-Qur'an.

Walaupun demikian, namun saya tetap merasa takut dan gementar setiap kali saya hendak menterjemahkan Al-Qur'an.

Nada dan gema secara langsung Al-Qur'an di dalam hati saya membuat saya merasa mustahil untuk menterjemahkannya dengan kata-kata dan ungkapan-ungkapan saya. Oleh sebab itulah saya selalu merasa adanya jurang yang lebar di antara apa yang saya rasakannya dari Al-Qur'an dengan apa yang saya terjemahkannya untuk orang ramai di dalam kitab Fi Zilal ini.

Kini saya dapat memahami secara mendalam perbezaan di antara generasi yang dihayati kita sekarang dengan generasi yang mula-mula menerima Al-Qur'an ini. Mereka telah dihadapkan dengan Al-Qur'an ini secara langsung dan mereka menyambut nada-nadanya, gambaran-gambarannya, bayangan-bayangannya, saranan-saranan dan isyarat-isyaratnya secara langsung di dalam hati mereka. Mereka menunjukkan emosi dan perasaan mereka secara langsung. Mereka menyahut seruannya secara langsung dan mereka terus bergerak dengan berpandukan Al-Qur'an menentang jahiliyah untuk menegakkan pengertian-pengertiannya di dalam kefahaman mereka. Justeru itulah mereka berjaya dalam masa hidup mereka yang pendek menempa kejayaan yang luar biasa berkat perubahan yang sempurna yang telah berlaku di dalam hati, perasaan dan kehidupan mereka, dan berkat perubahan yang telah dilakukan mereka dalam kehidupan masyarakat-masyrakat di sekeliling dan kedudukan negeri-negeri di dunia pada masa itu, dan seterusnya dalam garis perjalanan sejarah sehingga bumi dan penghuninya diwarisi Allah.

Mereka menimba secara langsung dari sumber Al-Qur'an tanpa sebarang pengantara, mereka merasa dan meni'mati nadanya di dalam hati mereka dari mulut terus ke telinga. Mereka menjadi matang dengan kepanasan nur Al-Qur'an, dengan pancaran sinarnya dan dengan saranan-saranannya. Dan selepas itu mereka menyesuaikan diri mereka dengan hakikat-hakikat Al-Qur'an, nilai-nilai dan kefahaman-kefahamannya.

Adapun kita pada hari ini, kita menyesuaikan diri kita dengan kefahaman-kefahaman tokoh itu dan tokoh ini mengenai alam, hidup, nilai-nilai dan peraturan-peraturan, sedangkan tokoh-tokoh itu adalah manusia-manusia yang lemah dan fana belaka.

Kemudian kita melihat pencapaian-pencapaian mereka (angkatan Muslimin pertama) yang luar biasa yang telah direalisasikan mereka dalam hidup mereka, diri mereka dan kehidupan masyarakat-masyarakat sekeliling mereka, lalu kita cuba mentafsir dan menganalisa sebab-sebabnya dengan menggunakan logik kita yang berneracakan nilai-nilai, kefahaman-kefahaman dan pengaruh-pengaruh yang berlainan dari nilai-nilai, kefahaman-kefahaman dan pengaruh-pengaruh yang berlainan dari nilai-nilai, kefahaman-kefahaman dan pendorong mereka, menyebabkan kita tidak syak lagi tersilap dalam menilaikan motif-motif, menganalisa faktor-faktor pendorong dan mentafsirkan natijahnya, kerana mereka merupakan segolongan manusia yang berlainan yang lahir dari ciptaan Al-Qur'an.

Saya menyeru para pembaca kitab Fi Zilal ini supaya mereka jangan menjadikan matlamat mereka ialah semata-mata hendak membaca kitab ini sahaja, malah hendaklah mereka membaca kitab ini dengan tujuan untuk mendekati Al-Qur'an itu sendiri, kemudian setelah mendekati Al-Qur'an, hendaklah mereka mengambil hakikat Al-Qur'an dan mencampakkan kitab Fi Zilal ini dari mereka, tetapi mereka tidak akan dapat mengambil hakikat Al-Qur'an melainkan apabila mereka memberi seluruh hidup mereka untuk merealisasikan tujuan-tujuannya dan memasuki perjuangan menentang jahiliyah atas nama Al-Qur'an dan di bawah panji-panji Al-Qur'an.

******

Inilah kata-kata selingan yang terlancar dari saya ketika berdepan dengan Surah ar-Ra'd. Seolah-olah inilah pertama kali saya membaca surah ini, sedangkan sebelum ini saya telah mendengar dan membacanya berulang-ulang kali yang tidak terhitung olehku, tetapi Al-Qur'an berbudi kepada anda mengikut sebanyak mana anda berbudi kepadanya. Ia membuka pintu hati anda dengan pancaran-pancaran sinar hidayat-hidayatnya, dengan saranan-saranan dan nada-nadanya mengikut selebar mana anda membuka pintu hati anda kepadanya, dan pada setiap kali itu ia kelihatan baru kepada anda seolah-olah inilah pertama kali anda bersua dengannya, seolah-olah anda tidak pernah membaca atau mendengar atau tidak pernah mengolahnya sebelum ini.

Surah ini merupakan salah satu dari surah-surah Al-Qur'an yang mengkagumkan. Ia mempesona kita dalam satu nafas, satu nada lagu[1], satu suasana dan satu bau harumnya dari awal hingga akhir. Ia memenuhi jiwa dan hati kita dengan berbagai-bagai gambaran, bayangan, pemandangan dan lintasan fikiran. Ia menawan dan memikat hati kita dari segenap segi. Ia merupakan satu temasya yang mempamerkan gambaran-gambaran, perasaan-perasaan, nada-nada dan pancaran-pancaran cahaya yang membawa hati kita meneroka berbagai-bagai ufuk dunia, berbagai-bagai alam dan zaman, sedangkan ia berada dalam keadaan sedar, melihat, berfikir dan menghayati segala pemandangan dan penyaran-penyaran yang wujud di sekelilingnya.

Surah ini bukannya himpunan kata-kata dan susunan-susunan kata, malah ia merupakan tukul-tukul dan paluan-paluan yang memberi gambaran-gambaran, bayangan-bayangan, pemandangan-pemandangan, lagu-lagu dan cubitan-cubitan perasaan yang tersembunyi di sana sini.

Maudhu' utama surah ini adalah sama dengan maudhu' utama Surah-surah Makkiyah yang lain[2] iaitu semuanya lebih kurang membicarakan persoalan-persoalan 'aqidah seperti tauhid Uluhiyah, tauhid Rububiyah dan tauhid Daynunah (keta'atan dan kepatuhan) kepada Allah Yang Maha Esa sahaja di dunia dan Akhirat, selepas itu persoalan wahyu dan persoalan kebangkitan selepas mati dan sebagainya.

Tetapi maudhu' yang sama yang mengandungi persoalan-persoalannya yang sama itu tidak pernah diulangkan pembicaraannya dengan cara yang sama dalam semua Surah Makkiyah dan lain-lainnya dari Surah-surah Madaniyah. Pada setiap kali diulangkan pembicaraannya ia diolahkan dengan cara yang baru dan sorotan yang baru dan turut serta dalam pengolahannya ialah semua pengaruh-pengaruh dan penyaran-penyaran yang mempunyai nada yang baru dan saranan yang baru.

Persoalan-persoalan ini tidaklah dikemukakan dalam bentuk pembincangan yang dingin dan hambar atau diterangkan dalam bentuk kata-kata yang kemudian berakhir dingin seperti persoalan-persoalan mental yang lain, malah persoalan-persoalan itu dikemukakan dengan sebuah bingkai yang melingkunginya iaitu alam buana dengan segala kejadian-kejadiannya yang mengkagumkan. Ia digunakan sebagai dalil-dalil dan bukti-bukti dalam pemikiran manusia yang jelas dan terbuka. Kejadian-kejadian alam yang mengkagum-kan ini tidak pernah habis dan tidak pernah buruk dan

---

[1] *Nada lagu di dalam Al-Qur'an tersusun dari berbagai-bagai anasir, iaitu makhraj-makhraj huruf dalam satu kalimat, keselarasan bunyi nada di antara kalimat-kalimat yang ada di dalam sesuatu ceraian, aliran madd di dalam kalimat-kalimat, aliran madd dipenghabisan ayat-ayat dan huruf pemisah (fasilah) itu sendiri (hal ini telah saya huraikan dengan panjang lebar di dalam kitab* "التصوير الفني في القرآن"*. Seluruh anasir yang membentuk nada-nada di dalam surah ini adalah satu sahaja kecuali aliran madd dan huruf fasilah di bahagian pertama sehingga ayat (5). Aliran madd fasilah dan hurufnya ialah* " خالدون, يعقلون, يتفكرون" *dan pada ayat-ayat baki Surah ialah* "بمقدار, قوم هاد المتعال بالنهار" *hingga akhir.*

[2] *Surah ini diturun di Makkah dan ini berlawanan dengan kenyataan al-Mushaf al-Amiri bahawa surah ini adalah Surah Madaniyah kerana berpegang kepada setengah-setengah riwayat. Sifat Makkiyah surah ini amat jelas sama ada dari segi maudhu' pembicaraannya atau cara pengungkapannya atau dari segi suasana umumnya yang tidak tersilap dicium oleh orang-orang yang pernah hidup beberapa waktu di bawah bayangan Al-Qur'an ini.*

lusuh. Setiap hari ia mendedah perkara baru yang dicapai oleh pemikiran manusia dan apa yang telah ditemui sebelum ini kelihatan menjadi baru pula dalam cahaya penemuan yang baru ini. Justeru itulah persoalan-persoalan itu terus hidup dalam temasya kejadian-kejadian alam buana yang mengkagumkan yang tidak pernah habis dan tidak pernah usang dan lusuh sifat kebaharuannya.

Surah ini membawa hati manusia menjelajah berbagai-bagai ruang, berbagai-bagai ufuk, berbagai-bagai zaman dan pendalaman. Ia menayangkan seluruh alam buana kepadanya di dalam berbagai-bagai ruangnya yang menarik yang terdapat pada langit-langit yang tinggi tanpa tiang, pada matahari dan bulan yang masing-masing beredar mengikut tempohnya yang tertentu, pada malam yang berganti siang, pada bumi yang terbentang sayup saujana dan segala isinya dari gunung-ganang yang gagah tersergam, dari sungai-sungai yang mengalir, dari kebun-kebun, tanaman-tanaman dan pokok-pokok kurma yang berbagai-bagai bentuk rupa, rasa dan warna yang tumbuh di petak-petak bumi yang berdekatan dan disiram dengan air yang sama, juga pada sambaran kilat yang menakut dan memberi harapan, pada guruh yang bertasbih dan bertahmid, pada para malaikat yang takut dan khusyu', pada panahan petir yang membaham sesiapa yang dikehendaki Allah, pada tompokan awan-awan yang berat, pada hujan-hujan yang turun di dataran-dataran rendah dan pada buih-buih yang hilang musnah agar apa yang berguna kepada manusia sahaja yang tinggal.

Surah ini mengikuti manusia di mana sahaja mereka pergi, ia mengikuti mereka dengan ilmu Allah yang mengetahui segala sesuatu, baik yang lari mahupun yang datang, baik yang bersembunyi, mahupun yang muncul menampakkan diri, ilmu Allah yang mengikuti setiap yang hidup dan mengira setiap lintasan fikiran dan perasaannya.

Alam ghaib yang tersembunyi dan tidak dapat difikirkan manusia adalah terdedah kepada ilmu Allah yang mengetahui kandungan setiap perempuan dan kandungan setiap rahim yang susut dan bertambah.

Surah ini mendekatkan kepada kefahaman manusia sebahagian kecil dari hakikat kekuatan agung Ilahi yang meliputi alam buana lahir dan batin, besar dan kecil, yang hadir dan yang ghaib. Dan hakikat yang sedikit yang dapat difahami oleh manusia itu adalah amat hebat dan menakutkan. Ia membuat setiap hati mereka gementar.

Di samping itu ditayangkan pula contoh-contoh yang bergambar dalam bentuk pemandangan-pemandangan yang hidup, yang penuh dengan harakat dan rasa keterharuan, juga pemandangan-pemandangan Qiamat, pemandangan-pemandangan 'azab dan ni'mat serta gambaran perasaan dan fikiran mereka yang menghadapi 'azab dan ni'mat itu, juga renungan-renungan terhadap kebinasaan-kebinasaan yang telah menimpa umat-umat yang silam dan renungan-renungan terhadap perjalanan hidup orang-orang yang telah berlalu, juga renungan terhadap Sunnatullah yang telah melanda mereka dan menyebabkan mereka semuanya binasa.

* * * * * *

Inilah maudhu'-maudhu' surah ini dan persoalan-persoalan yang dibicarakannya, dan inilah ufuk-ufuk alam yang diolahkannya serta ciri-ciri pengungkapan seni yang amat menarik yang terdapat di sebalik pengolahan-pengolahan itu. Bingkai umum yang menjadi wadah di mana dibentangkan semua persoalan-persoalan ini ialah alam buana ini sendiri sebagaimana telah kami terangkan sebelum ini serta pemandangan-pemandangan dan kejadian-kejadiannya yang aneh yang terdapat pada diri manusia dan di merata pelosok alam. Bingkai ini mempunyai suasana yang tersendiri, iaitu suasana pemandangan alam yang berpasangan, iaitu langit dan bumi, matahari dan bulan, malam dan siang, benda dan bayang, gunung-ganang yang tetap dan sungai-sungai yang mengalir, buih-buih yang hilang dan air yang tinggal, petak-petak bumi yang berdekatan yang menumbuhkan tanaman dan pokok-pokok yang berlainan, pokok kurma yang bercabang dan tidak bercabang. Justeru itulah suasana yang berpasangan ini wujud dalam semua konsep, semua harakat dan semua akibat yang dibicarakan di dalam surah ini. Ia membuat perpasangan konsep itu selaras dengan pasangan fizikal dan membuat seluruh suasana umum itu selaras belaka. Oleh sebab itulah persemayaman di atas 'Arasy dipasangkan dengan pengendalian dan penundukan matahari dan bulan, kandungan rahim yang susut dipasangkan dengan kandungan rahim yang bertambah, orang yang berbisik dipasangkan dengan orang yang bercakap dengan lantang, yang tersembunyi di waktu malam dipasangkan dengan yang menempatkan diri di waktu siang, perasaan takut melihat kilat dipasangkan dengan perasaan menaruh harapan, tasbih guruh yang memuji Allah dipasangkan dengan tasbih malaikat yang takut kepada Allah, da'wah yang benar kerana Allah dipasangkan dengan da'wah yang batil kerana sekutu-sekutu Allah, yang mengetahui dipasangkan dengan yang buta, Ahlil-Kitab yang menyambut baik Al-Qur'an dipasangkan dengan orang-orang yang mengingkarkan Al-Qur'an, pemansuhan ayat-ayat di dalam kitab suci dipasangkan dengan penglibatan ayat-ayat. Pendeknya semua konsep, semua harakat dan semua arah tujuan dipasangkan belaka untuk menyelaraskan suasana umum penyampaian.

Di sana ada lagi satu gejala yang lain dari gejala-gejala keselarasan dalam suasana penyampaian, iaitu sesuai dengan suasana alam yang terdiri dari langit dan bumi, matahari dan bulan, guruh dan kilat, petir dan hujan, hayat dan pertumbuhan tanaman, maka dibicarakan pula tentang kandungan rahim-rahim haiwan yang susut dan bertambah:

ٱللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَحْمِلُ كُلُّ أُنثَىٰ وَمَا تَغِيضُ ٱلْأَرْحَامُ وَمَا تَزْدَادُ

*"Allah mengetahui apa yang dikandung oleh setiap perempuan dan setiap kandungan rahim yang kurang dan kandungan rahim yang bertambah"(8)*

kemudian susutan dan pertambahan kandungan rahim-rahim itu selaras pula dengan pengaliran air di dataran-dataran rendah dan dengan pertumbuhan tanaman-tanaman. Itulah ciri-ciri keselarasan Al-Qur'an yang indah. [3]

Itulah sebahagian dari sebab-sebab mengapa saya gementar apabila berhadapan dengan surah ini sebagaimana saya seringkali sebelum ini berhadapan dengan surah-surah yang lain, iaitu saya merasa gementar untuk menanganinya dengan uslub insani saya yang lemah, merasa segan dan serba salah untuk mencampurkannya dengan pengungkapan-pengungkapan insani saya yang fana. Tetapi ia merupakan satu keperluan kepada generasi sekarang, yang tidak hidup di dalam suasana Al-Qur'an. Kepada Allah kami memohon pertolongan mentafsirkan Al-Qur'an dan Allah jua yang layak dipohonkan pertolongan.

**(Kumpulan ayat-ayat 1 - 18)**

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

**Dengan nama Allah**
**Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih**

الٓمٓر ۚ تِلْكَ ءَايَٰتُ ٱلْكِتَٰبِ ۗ وَٱلَّذِىٓ أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ ٱلْحَقُّ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١﴾

ٱللَّهُ ٱلَّذِى رَفَعَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ بِغَيْرِ عَمَدٍ تَرَوْنَهَا ۖ ثُمَّ ٱسْتَوَىٰ عَلَى ٱلْعَرْشِ ۖ وَسَخَّرَ ٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَ ۖ كُلٌّ يَجْرِى لِأَجَلٍ مُّسَمًّى ۚ يُدَبِّرُ ٱلْأَمْرَ يُفَصِّلُ ٱلْءَايَٰتِ لَعَلَّكُم بِلِقَآءِ رَبِّكُمْ تُوقِنُونَ ﴿٢﴾

وَهُوَ ٱلَّذِى مَدَّ ٱلْأَرْضَ وَجَعَلَ فِيهَا رَوَٰسِىَ وَأَنْهَٰرًا ۖ وَمِن كُلِّ ٱلثَّمَرَٰتِ جَعَلَ فِيهَا زَوْجَيْنِ ٱثْنَيْنِ ۖ يُغْشِى ٱلَّيْلَ ٱلنَّهَارَ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٣﴾

وَفِى ٱلْأَرْضِ قِطَعٌ مُّتَجَٰوِرَٰتٌ وَجَنَّٰتٌ مِّنْ أَعْنَٰبٍ وَزَرْعٌ وَنَخِيلٌ صِنْوَانٌ وَغَيْرُ صِنْوَانٍ يُسْقَىٰ بِمَآءٍ وَٰحِدٍ وَنُفَضِّلُ بَعْضَهَا عَلَىٰ بَعْضٍ فِى ٱلْأُكُلِ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿٤﴾

وَإِن تَعْجَبْ فَعَجَبٌ قَوْلُهُمْ أَءِذَا كُنَّا تُرَٰبًا أَءِنَّا لَفِى خَلْقٍ جَدِيدٍ ۗ أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِرَبِّهِمْ ۖ وَأُو۟لَٰٓئِكَ ٱلْأَغْلَٰلُ فِىٓ أَعْنَاقِهِمْ ۖ وَأُو۟لَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِ ۖ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٥﴾

وَيَسْتَعْجِلُونَكَ بِٱلسَّيِّئَةِ قَبْلَ ٱلْحَسَنَةِ وَقَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِهِمُ ٱلْمَثُلَٰتُ ۗ وَإِنَّ رَبَّكَ لَذُو مَغْفِرَةٍ لِّلنَّاسِ عَلَىٰ ظُلْمِهِمْ ۖ وَإِنَّ رَبَّكَ لَشَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٦﴾

وَيَقُولُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَوْلَآ أُنزِلَ عَلَيْهِ ءَايَةٌ مِّن رَّبِّهِۦٓ ۗ إِنَّمَآ أَنتَ مُنذِرٌ ۖ وَلِكُلِّ قَوْمٍ هَادٍ ﴿٧﴾

ٱللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَحْمِلُ كُلُّ أُنثَىٰ وَمَا تَغِيضُ ٱلْأَرْحَامُ وَمَا تَزْدَادُ ۖ وَكُلُّ شَىْءٍ عِندَهُۥ بِمِقْدَارٍ ﴿٨﴾

عَٰلِمُ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ ٱلْكَبِيرُ ٱلْمُتَعَالِ ﴿٩﴾

*"Alif, Laam, Miim, Raa'. Itulah ayat-ayat kitab (Al-Qur'an). Dan apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu itu adalah benar, tetapi kebanyakan manusia tidak beriman(1). Allahlah yang mengangkatkan langit tanpa tiang yang dapat dilihat oleh kamu, kemudian Dia bersemayam di atas 'Arasy. Dan Dialah yang menundukkan matahari dan bulan, masing-masing beredar mengikut masa yang telah ditentukan. Dialah yang mentadbirkan segala urusan, menjelaskan ayat-ayat dengan terperinci supaya kamu yakin terhadap pertemuan dengan Tuhan kamu(2). Dan Dialah yang membentangkan bumi dan menciptakan padanya gunung-ganang dan sungai-sungai. Dan dari setiap buah-buahan Dia ciptakan jantan betina dua sepasang. Dialah yang menjadikan malam dan siang saling menyelubungi. Sesungguhnya dalam kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang berfikir(3). Dan di bumi terdapat ruang-ruang tanah yang berdampingan dan kebun-kebun anggur, tanaman-tanaman dan pokok-pokok kurma yang bercabang dan yang tidak bercabang yang disirami dengan air yang sama dan Kami lebihkan satu sama lain dari segi rasa. Sesungguhnya dalam kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti (kekuasaan Allah)*

---

[3] *Lihat bab* " التناسق الفنى " *dalam kitab* " التصوير الفني في القرآن ".

*bagi golongan orang-orang yang mengerti(4). Dan jika engkau merasa hairan, maka yang wajar dihairankan lagi ialah perkataan mereka: Seandainya jika kami telah menjadi tanah apakah kami akan diciptakan semula? Merekalah orang-orang yang mengingkarkan Tuhan mereka dan merekalah orang-orang yang dipasang belenggu-belenggu di leher mereka dan merekalah penghuni Neraka, di mana mereka kekal abadi(5). Dan mereka telah meminta kepadamu supaya dipercepatkan 'azab sebelum mereka (meminta) rahmat, sedangkan sebelum mereka telah pun berlaku berbagai-bagai contoh teladan, dan sesungguhnya Tuhanmu itu sentiasa memberi keampunan kepada manusia walaupun mereka zalim, dan sesungguhnya Tuhanmu itu amat berat balasan-Nya(6). Dan berkatalah orang-orang yang kafir: Mengapakah tidak diturunkan kepadanya suatu bukti (mu'jizat) dari Tuhannya? Sesungguhnya engkau hanya seorang Rasul yang memberi amaran dan setiap kaum mempunyai Rasul yang memberi hidayat(7). Allah mengetahui apa yang dikandung setiap perempuan dan setiap kandungan rahim yang kurang dan kandungan rahim yang bertambah. Dan segala sesuatu (diatur) di sisi-Nya dengan ukuran yang rapi(8). Allah Maha Mengetahui segala yang tersembunyi dan segala yang ketara, dan Dia Maha Besar dan Maha Tinggi."(9)*

سَوَآءٌ مِّنكُم مَّنْ أَسَرَّ ٱلْقَوْلَ وَمَن جَهَرَ بِهِۦ وَمَنْ هُوَ مُسْتَخْفٍۭ بِٱلَّيْلِ وَسَارِبٌۢ بِٱلنَّهَارِ ١٠

لَهُۥ مُعَقِّبَٰتٌ مِّنۢ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِۦ يَحْفَظُونَهُۥ مِنْ أَمْرِ ٱللَّهِ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا۟ مَا بِأَنفُسِهِمْ ۗ وَإِذَآ أَرَادَ ٱللَّهُ بِقَوْمٍ سُوٓءًا فَلَا مَرَدَّ لَهُۥ ۚ وَمَا لَهُم مِّن دُونِهِۦ مِن وَالٍ ١١

هُوَ ٱلَّذِى يُرِيكُمُ ٱلْبَرْقَ خَوْفًا وَطَمَعًا وَيُنشِئُ ٱلسَّحَابَ ٱلثِّقَالَ ١٢

وَيُسَبِّحُ ٱلرَّعْدُ بِحَمْدِهِۦ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةُ مِنْ خِيفَتِهِۦ وَيُرْسِلُ ٱلصَّوَٰعِقَ فَيُصِيبُ بِهَا مَن يَشَآءُ وَهُمْ يُجَٰدِلُونَ فِى ٱللَّهِ وَهُوَ شَدِيدُ ٱلْمِحَالِ ١٣

لَهُۥ دَعْوَةُ ٱلْحَقِّ ۖ وَٱلَّذِينَ يَدْعُونَ مِن دُونِهِۦ لَا يَسْتَجِيبُونَ لَهُم بِشَىْءٍ إِلَّا كَبَٰسِطِ كَفَّيْهِ إِلَى ٱلْمَآءِ لِيَبْلُغَ فَاهُ وَمَا هُوَ بِبَٰلِغِهِۦ ۚ وَمَا دُعَآءُ ٱلْكَٰفِرِينَ إِلَّا فِى ضَلَٰلٍ ١٤

وَلِلَّهِ يَسْجُدُ مَن فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَظِلَٰلُهُم بِٱلْغُدُوِّ وَٱلْءَاصَالِ ١٥

قُلْ مَن رَّبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ قُلِ ٱللَّهُ ۚ قُلْ أَفَٱتَّخَذْتُم مِّن دُونِهِۦٓ أَوْلِيَآءَ لَا يَمْلِكُونَ لِأَنفُسِهِمْ نَفْعًا وَلَا ضَرًّا ۚ قُلْ هَلْ يَسْتَوِى ٱلْأَعْمَىٰ وَٱلْبَصِيرُ أَمْ هَلْ تَسْتَوِى ٱلظُّلُمَٰتُ وَٱلنُّورُ ۗ أَمْ جَعَلُوا۟ لِلَّهِ شُرَكَآءَ خَلَقُوا۟ كَخَلْقِهِۦ فَتَشَٰبَهَ ٱلْخَلْقُ عَلَيْهِمْ ۚ قُلِ ٱللَّهُ خَٰلِقُ كُلِّ شَىْءٍ وَهُوَ ٱلْوَٰحِدُ ٱلْقَهَّٰرُ ١٦

أَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَسَالَتْ أَوْدِيَةٌۢ بِقَدَرِهَا فَٱحْتَمَلَ ٱلسَّيْلُ زَبَدًا رَّابِيًا ۚ وَمِمَّا يُوقِدُونَ عَلَيْهِ فِى ٱلنَّارِ ٱبْتِغَآءَ حِلْيَةٍ أَوْ مَتَٰعٍ زَبَدٌ مِّثْلُهُۥ ۚ كَذَٰلِكَ يَضْرِبُ ٱللَّهُ ٱلْحَقَّ وَٱلْبَٰطِلَ ۚ فَأَمَّا ٱلزَّبَدُ فَيَذْهَبُ جُفَآءً ۖ وَأَمَّا مَا يَنفَعُ ٱلنَّاسَ فَيَمْكُثُ فِى ٱلْأَرْضِ ۚ كَذَٰلِكَ يَضْرِبُ ٱللَّهُ ٱلْأَمْثَالَ ١٧

لِلَّذِينَ ٱسْتَجَابُوا۟ لِرَبِّهِمُ ٱلْحُسْنَىٰ ۚ وَٱلَّذِينَ لَمْ يَسْتَجِيبُوا۟ لَهُۥ لَوْ أَنَّ لَهُم مَّا فِى ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا وَمِثْلَهُۥ مَعَهُۥ لَٱفْتَدَوْا۟ بِهِۦٓ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ سُوٓءُ ٱلْحِسَابِ وَمَأْوَىٰهُمْ جَهَنَّمُ ۖ وَبِئْسَ ٱلْمِهَادُ ١٨

*"Sama sahaja (kepada Allah) sesiapa dari kamu yang menyembunyikan perkataannya dan sesiapa yang mengucapkannya dengan lantang dan sesiapa yang bersembunyi di malam hari dan yang muncul di hari siang(10). Setiap manusia mempunyai malaikat-malaikat pengiring dari urusan Allah yang mengikutinya dari hadapan dan dari belakangnya untuk mengawasinya. Sesungguhnya Allah tidak mengubahkan keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubahkan keadaan yang ada pada diri mereka sendiri, dan apabila Allah menghendaki sesuatu keburukan terhadap sesuatu kaum, maka tiada siapa yang dapat menolakkannya, dan tiada siapa yang dapat menjadi pelindung mereka selain daripada-Nya (11). Dialah yang memperlihatkan kilat kepada kamu untuk menimbulkan ketakutan dan harapan dan Dialah yang menciptakan awan-awan yang berat(12). Dan guruh bertasbih memuji-Nya dan malaikat juga (bertasbih) kerana takut kepada-Nya dan Dialah yang melepaskan halilintar lalu mengenai sesiapa yang dikehendaki-Nya, sedangkan mereka mempertikaikan tentang Allah dan Dia amat berat penyeksaan-Nya(13). Do'a yang sebenar itu ialah kepada Allah, sedangkan tuhan-tuhan palsu yang mereka berdo'a kepadanya selain Allah itu tidak dapat memperkenankan sedikit pun do'a mereka melainkan seperti seorang yang menghulurkan kedua telapak tangannya ke dalam air supaya air sampai ke mulutnya dan*

*tentulah ia tidak akan sampai ke mulutnya. Dan tiada do'a orang-orang yang kafir itu melainkan semuanya berada dalam kesia-siaan belaka (14). Dan hanya kepada Allah jua sujudnya sekalian penghuni langit dan bumi sama ada secara sukarela atau terpaksa, dan bayang-bayang mereka (juga turut sujud) di waktu pagi dan petang(15). Katakanlah: Siapakah Tuhan langit dan bumi? Jawablah: Allah. Katakanlah: Apakah patut kamu mengambil selain Allah pelindung-pelindung yang tidak terdaya menentukan manfa'at dan mudharat kepada diri mereka sendiri? Katakanlah: Apakah sama orang yang buta dengan orang yang celik atau apakah sama gelap-gelita dengan cahaya yang terang? Atau apakah mereka mengadakan bagi Allah sekutu-sekutu yang berkuasa mencipta sama seperti ciptaan-Nya sehingga ia mengelirukan mereka? Katakanlah: Hanya Allah sahaja yang berkuasa menciptakan segala sesuatu dan Dia Maha Esa dan Maha Gagah Perkasa(16). Dialah yang telah menurunkan hujan dari langit lalu mengalir di wadi-wadi menurut kadar yang ditentukan-Nya, kemudian banjir membawa buih-buih yang kembang, dan dari logam-logam yang mereka leburkannya di dalam api untuk membuat perhiasan dan perkakas-perkakas itu juga terdapat buih-buih yang sama dengannya. Demikianlah Allah membuat perbandingan di antara kebenaran dan kebatilan. Adapun buih, maka ia akan hilang lenyap terbuang dan adapun yang berguna kepada manusia, maka ia akan tetap di bumi. Demikian Allah membuat perbandingan-perbandingan (17). Bagi orang-orang yang menyahut seruan Tuhan mereka (dikurniakan) balasan yang terbaik, dan bagi orang-orang yang tidak menyahut seruan itu (disediakan 'azab), dan jika mereka memiliki kekayaan yang ada di bumi ini dan (ditambahkan pula) sebanyak itu lagi bersamanya nescaya mereka akan menebuskan diri mereka dengannya. Merekalah yang akan menghadapi hisab yang berat dan tempat kediaman mereka ialah Neraka Jahannam seburuk-buruk tempat kediaman."(18)*

Surah ini dimulakan dengan membentangkan satu persoalan umum dari persoalan-persoalan 'aqidah iaitu persoalan wahyu Al-Qur'an dan kebenaran yang dibawanya. Ia merupakan landasan bagi persoalan-persoalan 'aqidah yang lain seperti persoalan tauhid, kepercayaan kepada kebangkitan selepas mati dan persoalan amalan yang soleh dalam hidup dunia. Seluruh persoalan merupakan cabang-cabang dari keimanan bahawa pihak yang menyuruh melakukan perkara-perkara ini ialah Allah dan bahawa Al-Qur'an ini adalah wahyu dari-Nya kepada Rasul-Nya s.a.w.:

**(Pentafsiran ayat 1)**

الٓمٓرۚ تِلۡكَ ءَايَٰتُ ٱلۡكِتَٰبِۗ وَٱلَّذِىٓ أُنزِلَ إِلَيۡكَ مِن رَّبِّكَ ٱلۡحَقُّ وَلَٰكِنَّ أَكۡثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يُؤۡمِنُونَ ١

*"Alif, Laam, Miim, Raa'. Itulah ayat-ayat kitab (Al-Qur'an). Dan apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu itu adalah benar, tetapi kebanyakan manusia tidak beriman."(1)*

الٓمٓرۚ تِلۡكَ ءَايَٰتُ ٱلۡكِتَٰبِۗ

*"Alif, Laam, Miim, Raa'. Itulah ayat-ayat kitab Al-Qur'an"*

Yakni itulah ayat-ayat Al-Qur'an ini atau itulah bukti-bukti kitab ini yang menunjukkan ianya wahyu dari Allah, kerana penggubahannya dari bahan-bahan huruf-huruf ini menunjukkan ianya wahyu dari Allah bukannya dari gubahan mana-mana makhluk yang lain.

***Wahyu Merupakan Keperluan Hidup Manusia***

وَٱلَّذِىٓ أُنزِلَ إِلَيۡكَ مِن رَّبِّكَ ٱلۡحَقُّ

*"Dan apa yang diturun kepadamu dari Tuhanmu itu adalah benar."*

Yakni kebenaran sejati, kebenaran yang tulen yang tidak dapat dikeburukan dengan kebatilan, kebenaran yang tidak dapat menerima keraguan dan kesangsian. Huruf-huruf itu merupakan bukti bahawa Al-Qur'an itu benar. Ia merupakan bukti bahawa Al-Qur'an itu dari Allah dan tiada yang datang dari Allah melainkan yang benar tanpa sebarang keraguan.

*"Tetapi kebanyakan manusia tidak beriman."*

Yakni mereka tidak percaya bahawa Al-Qur'an itu diwahyukan dari Allah dan tidak pula percaya kepada persoalan-persoalan yang terbit dari hasil keimanan kepada wahyu ini seperti persoalan mentauhidkan Allah, persoalan memberi keta'atan dan kepatuhan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, persoalan kebangkitan selepas mati dan persoalan amalan yang soleh di dalam hidup.

* * * * * *

**(Pentafsiran ayat-ayat 2 -7)**

Inilah ayat-ayat pembukaan yang mengintisarikan seluruh maudhu' surah dan mengisyaratkan kepada sejumlah persoalan-persoalannya. Ia dimulakan dengan membentangkan bukti-bukti qudrat kuasa Allah, menayangkan keajaiban alam yang menunjukkan qudrat kuasa hikmat kebijaksanaan dan tadbir-Nya yang rapi yang menyarankan bahawa di antara kehendak-kehendak kebijaksaan itu ialah di sana harus adanya wahyu untuk memberi panduan yang jelas kepada manusia dan harus adanya kebangkitan semula selepas mati untuk menghisabkan amalan-amalan manusia, dan di antara kehendak-kehendak qudrat kuasa Allah itu pula ialah keupayaan-Nya untuk membangkitkan manusia selepas mati dan memulangkan mereka kepada Allah yang telah memulakan penciptaan mereka dan seluruh alam buana sebelum mereka serta menundukkan kejadian-kejadian alam itu kepada mereka untuk menguji mereka bagaimana mereka menyambut pengurniaan-pengurniaan-Nya kepada mereka.

Mula-mula pena Al-Qur'an yang penuh mu'jizat itu melukiskan pemandangan-pemandangan alam buana yang besar. Ia membuat coretan kejadian-kejadian langit dan bumi di samping membuat coretan pemandangan-pemandangan di bumi dan rahsia-rahsia hayat yang tersembunyi.

Kemudian ia menyatakan kehairanan terhadap orang-orang yang mengingkarkan kebangkitan

selepas mati setelah mereka melihat bukti-bukti kekuasaan Allah yang besar itu, kemudian mereka mencabar supaya disegerakan 'azab Allah yang dijanjikan kepada mereka serta menuntut bukti mu'jizat selain dari bukti-bukti yang ada ini:

ٱللَّهُ ٱلَّذِى رَفَعَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ بِغَيْرِ عَمَدٍ تَرَوْنَهَا ۖ ثُمَّ ٱسْتَوَىٰ عَلَى ٱلْعَرْشِ ۖ وَسَخَّرَ ٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَ ۖ كُلٌّ يَجْرِى لِأَجَلٍ مُّسَمًّى ۚ يُدَبِّرُ ٱلْأَمْرَ يُفَصِّلُ ٱلْءَايَٰتِ لَعَلَّكُم بِلِقَآءِ رَبِّكُمْ تُوقِنُونَ ﴿٢﴾

وَهُوَ ٱلَّذِى مَدَّ ٱلْأَرْضَ وَجَعَلَ فِيهَا رَوَٰسِىَ وَأَنْهَٰرًا ۖ وَمِن كُلِّ ٱلثَّمَرَٰتِ جَعَلَ فِيهَا زَوْجَيْنِ ٱثْنَيْنِ ۖ يُغْشِى ٱلَّيْلَ ٱلنَّهَارَ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٣﴾

وَفِى ٱلْأَرْضِ قِطَعٌ مُّتَجَٰوِرَٰتٌ وَجَنَّٰتٌ مِّنْ أَعْنَٰبٍ وَزَرْعٌ وَنَخِيلٌ صِنْوَانٌ وَغَيْرُ صِنْوَانٍ يُسْقَىٰ بِمَآءٍ وَٰحِدٍ وَنُفَضِّلُ بَعْضَهَا عَلَىٰ بَعْضٍ فِى ٱلْأُكُلِ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿٤﴾

وَإِن تَعْجَبْ فَعَجَبٌ قَوْلُهُمْ أَءِذَا كُنَّا تُرَٰبًا أَءِنَّا لَفِى خَلْقٍ جَدِيدٍ ۗ أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِرَبِّهِمْ ۖ وَأُو۟لَٰٓئِكَ ٱلْأَغْلَٰلُ فِىٓ أَعْنَاقِهِمْ ۖ وَأُو۟لَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِ ۖ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٥﴾

وَيَسْتَعْجِلُونَكَ بِٱلسَّيِّئَةِ قَبْلَ ٱلْحَسَنَةِ وَقَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِهِمُ ٱلْمَثُلَٰتُ ۗ وَإِنَّ رَبَّكَ لَذُو مَغْفِرَةٍ لِّلنَّاسِ عَلَىٰ ظُلْمِهِمْ ۖ وَإِنَّ رَبَّكَ لَشَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٦﴾

وَيَقُولُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَوْلَآ أُنزِلَ عَلَيْهِ ءَايَةٌ مِّن رَّبِّهِۦٓ ۗ إِنَّمَآ أَنتَ مُنذِرٌ ۖ وَلِكُلِّ قَوْمٍ هَادٍ ﴿٧﴾

*"Allahlah yang mengangkatkan langit tanpa tiang yang dapat dilihat oleh kamu, kemudian Dia bersemayam di atas 'Arasy. Dan Dialah yang menundukkan matahari dan bulan, masing-masing beredar mengikut masa yang telah ditentukan. Dialah yang mentadbirkan segala urusan, menjelaskan ayat-ayat dengan terperinci supaya kamu yakin terhadap pertemuan dengan Tuhan kamu(2). Dan Dialah yang membentangkan bumi dan menciptakan padanya gunung-ganang dan sungai-sungai. Dan dari setiap buah-buahan Dia ciptakan jantan betina dua sepasang. Dialah yang menjadikan malam dan siang saling menyelubungi. Sesungguhnya dalam kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang berfikir(3). Dan di bumi terdapat ruang-ruang tanah yang berdampingan dan kebun-kebun anggur, tanaman-tanaman dan pokok-pokok kurma yang bercabang dan yang tidak bercabang yang disirami dengan air yang sama dan Kami lebihkan satu sama lain dari segi rasa. Sesungguhnya dalam kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang mengerti(4). Dan jika engkau merasa hairan, maka yang wajar dihairankan lagi ialah perkataan mereka: Seandainya jika kami telah menjadi tanah apakah kami akan diciptakan semula? Merekalah orang-orang yang mengingkarkan Tuhan mereka dan merekalah orang-orang yang dipasang belenggu-belenggu di leher mereka dan merekalah penghuni Neraka, di mana mereka kekal abadi(5). Dan mereka telah meminta kepadamu supaya dipercepatkan 'azab sebelum mereka (meminta) rahmat, sedangkan sebelum mereka telah pun berlaku berbagai-bagai contoh-contoh teladan dan sesungguhnya Tuhanmu itu sentiasa memberi keampunan kepada manusia walaupun mereka zalim, dan sesungguhnya Tuhanmu itu amat berat balasan-Nya(6). Dan berkatalah orang-orang yang kafir: Mengapakah tidak diturunkan kepadanya suatu bukti (mu'jizat) dari Tuhannya? Sesungguhnya engkau hanya seorang Rasul yang memberi amaran, dan setiap kaum mempunyai Rasul yang memberi hidayat."(7)*

### *Pemandangan-pemandangan Alam Yang Agung*

Kejadian langit - dengan apa sahaja pengertiannya dan bagaimana sahaja pengertiannya yang difahami manusia dari kata-kata "langit" itu di dalam berbagai-bagai zaman - adalah tersergam jelas di hadapan mata mereka. Tidak syak lagi bahawa langit itu adalah suatu kejadian yang amat besar apabila manusia merenungi dan menelitinya di sa'at-sa'at kesunyian diri. Ia kelihatan beginilah selama-lamanya, tidak berpegang pada sesuatu apa, ia kelihatan tinggi sayup saujana tanpa tiang dan dapat dipandang dengan jelas.

Itulah coretan pertama Al-Qur'an mengenai kejadian alam buana dan coretan ini sendiri merupakan sentuhan pertama kepada hati nurani seseorang apabila ia berdiri merenungi pemandangan langit yang amat besar itu dan apabila ia insafi tiada siapa pun yang berkuasa mengangkatkan langit itu tanpa tiang atau dengan tiang kecuali Allah. Setinggi-tinggi yang dapat diangkatkan manusia dengan tiang atau tanpa tiang ialah bangunan-bangunan kecil dan kerdil yang tegak di mana-mana sudut bumi yang sempit tidak lebih dari itu, kemudian mereka sibuk bercakap-cakap memperkatakan tentang kehebatan, kekukuhan, kecantikan dan kesenian bangunan-bangunan itu hingga membuat mereka lupakan langit yang memayungi dan menyelubungi mereka, iaitu langit yang tinggi sayup saujana tanpa sebarang tiang

itu, juga membuat mereka lupakan qudrat yang sebenar dan kehebatan yang sebenar di sebalik kejadian langit itu, juga kecantikan dan kesenian yang tidak dapat dicapai oleh daya khayal manusia.

Dari langit yang amat besar yang dapat dilihat oleh manusia, ia berpindah pula kepada kejadian ghaib yang lebih besar yang tidak dapat dicapai oleh daya faqir dan kekuatan penglihatan manusia iaitu kejadian 'Arasy.

ثُمَّ ٱسۡتَوَىٰ عَلَى ٱلۡعَرۡشِۖ

*"Kemudian Dia bersemayam di atas 'Arasy."(2)*

***Ketinggian 'Arasy Dan Pentadbiran Yang Rapi***

Jika langit itu tinggi, maka 'Arasy lebih tinggi lagi dan jika langit itu besar, maka 'Arasy lebih besar lagi. Ketinggian 'Arasy merupakan satu ketinggian yang mutlak yang dilukiskan oleh Al-Qur'an mengikut caranya yang tersendiri yang dapat mendekatkan perkara-perkara yang mutlak kepada kefahaman manusia yang terbatas.

Itulah satu lagi coretan yang amat hebat dari coretan-coretan pena Al-Qur'an yang penuh mu'jizat itu, iaitu coretan yang menggambarkan kedudukan penguasaan Allah yang mutlak di samping coretan pertama yang menggambarkan ketinggian langit yang dapat dilihat. Kedua pemandangan itu kelihatan berdampingan dan selaras dalam penerangan itu.

Dari kedudukan penguasaan Allah yang mutlak itu ia berpindah pula kepada persoalan kedudukan makhluk yang ditunduk dan dikuasai seperti penundukan matahari dan bulan, dan penundukan langit tinggi yang diperlihatkan kepada manusia dengan segala kehebatan dan keagungannya yang menarik hati mereka dalam coretannya yang pertama lagi, kemudian seluruh kejadian itu ditundukkan kepada Allah Yang Maha Besar dan Maha Tinggi.

Sekarang marilah kita berdiri sejenak di hadapan kejadian-kejadian yang berpasang-pasangan yang wujud di dalam pemandangan ini sebelum kita pergi bersama ayat sehingga akhir. Kini kita berada di hadapan ketinggian angkasa yang dapat dilihat yang dipasangkan dengan ketinggian 'Arasy di alam ghaib yang majhul, kemudian kita berdepan dengan kedudukan penguasaan Allah yang dipasangkan dengan kehidupan makhluk yang ditundukkan kepada penguasaan Allah, dan kini kita berdepan dengan matahari dan bulan yang berlainan jenis, iaitu satu bintang dan satu pula planet dan berlainan masa, iaitu malam dan siang.

Kemudian kita berjalan terus bersama ayat yang berikut dan di sana kita dapati bahawa di sebalik keunggulan dan penundukan (penguasaan) itu terdapat hikmat kebijaksanaan dan tadbir Allah yang rapi:

كُلّٞ يَجۡرِي لِأَجَلٖ مُّسَمّٗىۚ

*"Masing-masing beredar mengikut masa yang telah ditentukan"(2)*

hingga ke batas-batas masa yang tertentu mengikut undang-undang yang telah ditentukan sama ada di dalam peredaran tahunan dan harian keduanya atau dalam peredaran kedua-nya dalam lingkungan orbitnya masing-masing yang tidak pernah melampaui atau menyimpang darinya atau dalam peredaran keduanya menuju ke masa yang telah ditentukan sebelum diubahkan alam buana yang dapat dilihat ini.

يُدَبِّرُ ٱلۡأَمۡرَ

*"Dialah yang mentadbirkan segala urusan."(2)*

Yakni seluruh urusan ditadbirkan Allah sedemikian rupa, di mana Dia menundukkan matahari dan bulan, supaya masing-masing beredar mengikut masa yang telah ditentukannya, dan memegang bintang-bintang dan jirim yang menerangi angkasa raya dan memperedarkannya mengikut masa yang telah ditetapkan kepada masing-masing tanpa melampaui batasnya. Tidak syak lagi bahawa pentadbiran dan perencanaan yang sedemikian amatlah besar.

Di antara pentadbiran-Nya lagi ialah:

يُفَصِّلُ ٱلۡأٓيَٰتِ

*"Menjelaskan ayat-ayat dengan terperinci."(2)*

Yakni mengatur, menyusun dan membentangkannya tepat pada waktunya dan sesuai dengan sebab dan matlamatnya.

لَعَلَّكُم بِلِقَآءِ رَبِّكُمۡ تُوقِنُونَ ٢

*"Supaya kamu yakin terhadap pertemuan dengan Tuhan kamu"(2)*

sesudah kamu melihat ayat-ayat itu dihurai dan dijelas dengan teratur. Dan di sebaliknya terdapat pula ayat-ayat (kejadian-kejadian) alam buana yang diciptakan Allah bagi pertama kalinya, di mana Al-Qur'an menggambarkan keindahan tadbir dan takdir dan keindahan keteguhan dan kerapian susunan kejadian-kejadian itu kepada kamu. Semuanya menyaran dan membayangkan bahawa manusia pasti kembali semula kepada Khaliqnya setelah menjalani hidup dunia ini agar amalan-amalan mereka dinilai dan diberi balasan. Inilah kehendak kesempurnaan tadbir yang membayangkan hikmat penciptaan pertama manusia (dalam dunia) yang telah dirancang dengan bijaksana dan dengan pentadbiran yang rapi.

Kemudian garis penggambaran yang hebat di langit itu diturunkan pula ke bumi untuk melukiskan pemandangannya yang lebar:

وَهُوَ ٱلَّذِي مَدَّ ٱلۡأَرۡضَ وَجَعَلَ فِيهَا رَوَٰسِيَ وَأَنۡهَٰرٗاۖ وَمِن كُلِّ ٱلثَّمَرَٰتِ جَعَلَ فِيهَا زَوۡجَيۡنِ ٱثۡنَيۡنِۖ يُغۡشِي ٱلَّيۡلَ ٱلنَّهَارَۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَأٓيَٰتٖ لِّقَوۡمٖ يَتَفَكَّرُونَ ٣

*"Dan Dialah yang membentangkan bumi dan menciptakan padanya gunung-ganang dan sungai-sungai. Dan dari setiap*

*buah-buahan Dia ciptakan jantan betina dua sepasang. Dialah yang menjadikan malam dan siang saling menyelubungi. Sesungguhnya dalam kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang berfikir."(3)*

Garis-garis besar di dalam pemandangan bumi ialah kedudukannya yang terbentang sayup saujana di hadapan mata. Tentang bagaimanakah rupa bentuk bumi yang sebenar adalah tidak penting, yang pentingnya bumi itu terhampar luas dan saujana, itulah coretan pertama dalam lukisan itu, kemudian ia melukiskan pula garis-garis yang menggambarkan gunung-ganang yang teguh, sungai yang mengalir di bumi dan dengan ini sempurnalah garis-garis kasar yang pertama bagi pemandangan bumi yang kelihatan selaras dan seimbang.

Di antara garis-garis umum ini ialah ciri-ciri umum yang terdapat pada kejadian-kejadian yang terdapat di bumi juga kejadian-kejadian dan ciri-ciri umum yang sesuai dengan kehidupan di bumi. Ciri umum yang pertama dapat dilihat pada kejadian tumbuh-tumbuhan.

### *Ciri Pasangan*

وَمِن كُلِّ ٱلثَّمَرَٰتِ جَعَلَ فِيهَا زَوۡجَيۡنِ ٱثۡنَيۡنِۖ

*"Dan dari setiap buah-buahan Dia ciptakan jantan betina dua sepasang."(3)*

Dan ciri umum yang kedua dapat dilihat pada gejala hari malam dan hari siang:

يُغۡشِي ٱلَّيۡلَ ٱلنَّهَارَۚ

*"Dialah yang menjadiku malam dan siang saling menyelubungi."(3)*

Pemandangan yang pertama mengandungi satu hakikat yang baru sahaja diketahui manusia melalui ilmu pengetahuan dan kajian mereka, iaitu setiap hidup-hidupan terutama tumbuh-tumbuhan adalah terdiri dari jantan dan betina sehingga tumbuhan yang selama ini difikirkan tidak ada jenis jantan juga ternyata bahawa jenis betina itu sendiri mengandungi jenis jantan, di mana anggota-anggota yang menentukan jenis jantan dan betina terkumpul dalam satu bunga atau terpisah dalam satu ranting. Hakikat ini berkerjasama dengan pemandangan itu dalam menggerak dan merangsangkan fikiran manusia supaya merenungi rahsia-rahsia penciptaan Allah setelah meni'mati pandangan-pandangannya yang lahir.

Pemandangan yang kedua ialah pemandangan malam dan siang yang bersilih ganti. Malam menyelubungi siang dan siang menyelubungi malam dalam satu pusingan yang amat teratur. Pertukaran malam siang itu sendiri merangsangkan menungan di dalam pemandangan alam. Kedatangan malam dan pengunduran siang atau terbitnya cahaya fajar dan beransur hilangnya cahaya malam merupakan peristiwa yang tidak banyak meninggalkan kesan di dalam hati kerana terlalu biasa, tetapi peristiwa itu sendiri merupakan gejala yang amat menakjubkan bagi mereka yang tidak dipengaruhi kehambaran dan kelembapan kebiasaan, iaitu orang-orang yang menyambut kedatangannya dengan hati yang mempunyai perasaan yang sentiasa membaharui dan tidak membeku kerana terlalu kerap berulang peraturan pusingan dan peredaran cekerawala yang teratur rapi dan tidak pernah mungkir itu, juga merangsangkan renungan terhadap alam buana dan menggerakkan akal memikirkan qudrat Ilahi yang mengatur dan memeliharanya:

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَأٓيَٰتٖ لِّقَوۡمٖ يَتَفَكَّرُونَ ٣

*"Sesungguhnya dalam kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang berfikir."(3)*

Di sini juga marilah kita berhenti sejenak di hadapan pasangan-pasangan yang seni di dalam pemandangan ini sebelum kita melewati di sebaliknya, iaitu gunung-ganang yang teguh dipasangkan dengan sungai-sungai yang mengalir, sepasang buah dipasangkan dengan sepasang buah yang lain, malam dipasangkan dengan siang, pemandangan bumi dipasangkan dengan pemandangan langit. Kedua-duanya seia sepadu di alam buana yang besar yang merangkulinya dan kedua-duanya merupakan bahagian-bahagian yang membentuk alam buana.

Kemudian pena seni Al-Qur'an terus melukiskan permukaan bumi dengan garis-garis kecilnya yang lebih halus dari garis-garis kasar yang pertama tadi:

وَفِي ٱلۡأَرۡضِ قِطَعٞ مُّتَجَٰوِرَٰتٞ وَجَنَّٰتٞ مِّنۡ أَعۡنَٰبٖ وَزَرۡعٞ وَنَخِيلٞ صِنۡوَانٞ وَغَيۡرُ صِنۡوَانٖ يُسۡقَىٰ بِمَآءٖ وَٰحِدٖ وَنُفَضِّلُ بَعۡضَهَا عَلَىٰ بَعۡضٖ فِي ٱلۡأُكُلِۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَأٓيَٰتٖ لِّقَوۡمٖ يَعۡقِلُونَ ٤

*"Dan di bumi terdapat ruang-ruang tanah yang berdampingan dan kebun-kebun anggur, tanaman-tanaman dan pokok-pokok kurma yang bercabang dan yang tidak bercabang yang disirami dengan air yang sama dan Kami lebih satu sama lain dari segi rasa. Sesungguhnya dalam kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang mengerti."(4)*

Ramai yang melihat pemandangan-pemandangan bumi, tetapi ia tidak menimbulkan apa-apa perasaan pada mereka walaupun perasaan kepingin untuk menelitinya, kecuali jika jiwa seorang kembali kepada fitrah yang aktif dan berhubung rapat dengan alam buana yang merupakan sebahagian dari alam buana di mana jiwa berpisah sebentar dari alam untuk merenunginya dan kemudian ia kembali bercantum dengannya.

### *Ruang-ruang Tanah Yang Mena'jubkan*

وَفِي ٱلْأَرْضِ قِطَعٌ مُّتَجَٰوِرَٰتٌ

*"Dan di bumi terdapat ruang-ruang tanah yang berdampingan."(4)*

Yakni ruang-ruang tanah yang berlainan sifat dan warna. Oleh sebab itulah ia disifatkan sebagai ruang-ruang tanah dan seandainya ruang-ruang tanah itu serupa belaka tentulah ia dinamakan seruang tanah, yakni di sana ada ruang-ruang tanah yang baik dan subur, ada ruang-ruang tanah yang tidak subur dan mengeluarkan hasil yang sedikit, ada ruang-ruang tanah yang kering dan gersang, ada ruang-ruang tanah yang berbatu pejal dan setiap ruang tanah ini pula mempunyai berbagai-bagai jenis dan darjat kesuburan-nya, ada yang mendatangkan hasil yang makmur dan ada yang tidak mendatangkan hasil, ada yang ditanam dan ada yang terbiar, ada tanah basah dan ada tanah kering dan sebagainya. Semua tanah-tanah ini terdapat di bumi dan terletak berhampiran dan berdampingan satu sama lain.

Inilah lukisan kasar pertama yang menggambarkan perincian (jenis-jenis tanah) kemudian diikuti pula dengan perincian-perincian berikut:

وَجَنَّٰتٌ مِّنْ أَعْنَٰبٍ وَزَرْعٌ وَنَخِيلٌ

*"Dan kebun-kebun anggur, tanaman-tanaman dan pokok-pokok kurma."(4)*

Perincian ini menggambarkan tiga jenis tumbuhan-tumbuhan, iaitu anggur sebagai tumbuhan-tumbuhan yang melata, kurma sebagai tumbuhan yang berpokok tinggi dan tanaman-tanaman terdiri dari pokok-pokok sayuran dan bunga-bungaan dan sebagainya yang boleh mempelbagaikan pemandangan-pemandangan dan memenuhi ruang gambar lukisan alam yang menunjukkan berbagai-bagai jenis tumbuh-tumbuhan.

Di sana pula terdapat pokok-pokok kurma yang bercabang dan yang tidak bercabang, ada pula tumbuhan yang berbatang satu dan ada yang berbatang dua atau lebih dan seluruh tumbuhan-tumbuhan itu...

يُسْقَىٰ بِمَآءٍ وَٰحِدٍ

*"Disirami dengan air yang sama"(4)*

dan pada tanah yang sama, tetapi buah-buahannya mempunyai berbagai-bagai rasa yang berlainan:

وَنُفَضِّلُ بَعْضَهَا عَلَىٰ بَعْضٍ فِي ٱلْأُكُلِ

*"Dan Kami lebihkan satu sama lain dari segi rasa."(4)*

Siapakah selain Allah Pencipta, Pentadbir yang berkuasa yang bebas mengadakan tumbuh-tumbuhan yang seperti ini.

Siapakah di antara kita yang tidak pernah merasa aneka rasa pada buah-buahan yang ditanam di tempat yang sama?

Siapakah di antara kita yang berupaya membuat perhatian seperti perhatian yang diarahkan oleh Al-Qur'an kepada akal dan hati manusia? Dengan perhatian yang sedemikian rupa Al-Qur'an kekal menjadi baru buat selama-lamanya, kerana ia dapat membaharukan perasaan-perasaan manusia dengan pemandangan-pemandangan alam buana dan gambaran-gambaran keadaan jiwa yang tidak pernah kehabisan dan tidak mampu dikaji sepenuhnya oleh seorang atau oleh umat manusia dalam usia mereka yang terbatas.

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَأَيَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿٤﴾

*"Sesungguhnya dalam kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang mengerti."(4)*

Sekali lagi marilah kita berhenti sejenak di hadapan pasangan-pasangan yang seni dalam lukisan Al-Qur'an itu iaitu pasangan-pasangan yang wujud pada ruang-ruang tanah yang berdampingan tetapi berlainan sifatnya, pasangan pokok-pokok kurma yang bercabang dengan pokok kurma yang tidak bercabang, pasangan-pasangan yang wujud pada aneka rasa buah-buahan yang berlainan, pasangan yang wujud pada tanaman-tanaman (sayuran-sayuran dan bunga-bungaan), pada pokok kurma dan anggur.

### *Hati-hati Yang Terbelenggu*

Itulah satu penjelajahan yang besar di pelosok-pelosok alam buana yang luas dan selepas penjelajahan ini Al-Qur'an kembali pula menyatakan kehairanannya terhadap segolongan manusia yang berhati mati. Seluruh bukti kekuasaan Allah yang terdapat di merata pelosok alam tidak dapat menyedarkan hati mereka dan tidak dapat menggerakkan akal mereka. Mereka tidak dapat melihat tadbir dan qudrat Ilahi di sebalik bukti-bukti itu seolah-olah akal dan hati mereka terbelenggu dan terikat hingga tidak bebas lagi untuk merenungi dan memikirkan bukti-bukti itu:

وَإِن تَعْجَبْ فَعَجَبٌ قَوْلُهُمْ أَءِذَا كُنَّا تُرَٰبًا أَءِنَّا لَفِي خَلْقٍ جَدِيدٍ ۗ أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِرَبِّهِمْ ۖ وَأُو۟لَٰٓئِكَ ٱلْأَغْلَٰلُ فِيٓ أَعْنَاقِهِمْ ۖ وَأُو۟لَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِ ۖ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٥﴾

*"Dan jika engkau merasa hairan, maka yang wajar dihairankan lagi ialah perkataan mereka: Seandainya jika kami telah menjadi tanah apakah kami akan diciptakan semula? Merekalah orang-orang yang mengingkarkan Tuhan mereka dan merekalah orang-orang yang dipasang belenggu-belenggu di leher mereka dan merekalah penghuni Neraka, di mana mereka kekal abadi."(5)*

Itulah satu pernyataan aneh yang patut dita'jubkan, yang dikemukakan oleh segolongan manusia sesudah

di-tayangkan kepada mereka kejadian-kejadian alam yang besar:

أَءِذَا كُنَّا تُرَٰبًا أَءِنَّا لَفِى خَلْقٍ جَدِيدٍ

*"Jika kami telah menjadi tanah apakah kami akan diciptakan semula?"(5)*

Tentulah Allah yang berkuasa menciptakan alam buana yang besar ini dan mentadbirkannya dengan sedemikian rapi tentulah berkuasa pula menciptakan kembali manusia yang telah mati itu. Pernyataan itu adalah terbit dari kekufuran mereka terhadap Allah yang telah mencipta dan mentadbirkan urusan mereka. Itulah pernyataan yang lahir dari akal dan hati yang terbelenggu. Mereka dibalaskan dengan keseksaan belenggu-belenggu yang mengikat leher mereka supaya seimbang di antara pembelengguan akal dengan pem-belengguan leher. Balasan mereka yang setimpal ialah api Neraka yang kekal abadi, kerana mereka tidak menggunakan nilai-nilai insani yang kerananya mereka dimuliakan Allah. Mereka tersungkur dalam kehidupan dunia dan kerana itu di Akhirat mereka akan menerima akibatnya dalam bentuk kehidupan yang lebih hina dari kehidupan dunia yang telah dihayati mereka dengan akal fikiran dan perasaan yang kosong.

Mereka merasa ta'jub memikirkan bahawa Allah berkuasa menghidupkan mereka kembali dan keta'juban mereka merupakan satu perkara yang amat dihairankan. Mereka mencabar engkau (Muhammad) supaya disegerakan 'azab Allah ke atas mereka bukannya meminta hidayat dan mengharapkan rahmat dari-Nya:

وَيَسْتَعْجِلُونَكَ بِٱلسَّيِّئَةِ قَبْلَ ٱلْحَسَنَةِ

*"Dan mereka telah meminta kepadamu supaya dipercepatkan 'azab sebelum mereka (meminta) rahmat."(6)*

Sebagaimana mereka tidak pernah merenungi bukti-bukti kekuasaan Allah di merata pelosok alam buana, di langit dan di bumi, mereka juga tidak pernah merenungi kebinasaankebinasaan yang telah menimpa umat-umat yang terdahulu yang juga pernah meminta disegerakan 'azab Allah ke atas mereka lalu Allah timpakan 'azab itu ke atas mereka dan menjadikan mereka satu teladan yang dapat dicontohi oleh orang-orang kemudian:

وَقَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِهِمُ ٱلْمَثُلَٰتُ

*"Sedangkan sebelum mereka telah pun berlalu berbagai-bagai contoh teladan."(6)*

Mereka sentiasa berada di dalam kelalaian sehingga mereka tidak mengambil contoh teladan dari kebinasaan umat-umat yang dahulu dari mereka, sedangkan di sana terdapat contoh-contoh bagi mereka yang ingin mengambil pengajaran:

وَإِنَّ رَبَّكَ لَذُو مَغْفِرَةٍ لِّلنَّاسِ عَلَىٰ ظُلْمِهِمْ

*"Dan sesungguhnya Tuhanmu itu sentiasa memberi keampunan kepada manusia walaupun mereka zalim."(6)*

Allah sentiasa bersifat pengasih terhadap para hamba-Nya walaupun mereka telah melakukan kezaliman dalam tempoh yang tertentu. Allah sentiasa membuka pintu keampunan supaya dimasuki mereka melalui taubat, tetapi Allah akan mengenakan 'azab yang amat berat ke atas mereka yang degil dan enggan masuk menerusi pintu yang terbuka itu:

وَإِنَّ رَبَّكَ لَشَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٦﴾

*"Dan sesungguhnya Tuhanmu itu amat berat balasan-Nya."(6)*

Ayat ini mendahulukan keampunan Allah dari penyeksaan-Nya untuk disesuaikan dengan kegopohan orang-orang yang lalai yang meminta agar mereka segera ditimpakan 'azab bukannya segera mencari hidayat supaya ternyata adanya perbezaan yang besar di antara rahmat kebaikan yang dikehendaki Allah untuk mereka dengan kejahatan dan keburukan yang dikehendaki mereka terhadap diri mereka sendiri. Dan di sebalik itu ketaralah kebutaan mata hati mereka dan kesongsangan hidup mereka yang wajar diseksakan di dasar Neraka.

Ayat yang berikut terus menyatakan kehairanan terhadap golongan manusia yang tidak dapat memahami segala bukti-bukti kekuasaan Allah yang terdapat di merata pelosok alam buana, lalu mereka menuntut lagi satu bukti mu'jizat yang lain supaya Allah turunkannya kepada Rasul-Nya. Mereka menuntut satu mu'jizat yang lain, sedangkan di sekeliling mereka tersergam alam buana yang seluruhnya merupakan mu'jizat belaka:

وَيَقُولُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَوْلَآ أُنزِلَ عَلَيْهِ ءَايَةٌ مِّن رَّبِّهِۦٓ ۗ إِنَّمَآ أَنتَ مُنذِرٌ ۖ وَلِكُلِّ قَوْمٍ هَادٍ ﴿٧﴾

*"Dan berkatalah orang-orang yang kafir: Mengapakah tidak diturunkan kepadanya suatu bukti (mu'jizat) dari Tuhannya? Sesungguhnya engkau hanya seorang Rasul yang memberi amaran dan setiap kaum mempunyai Rasul yang memberi hidayat."(7)*

Mereka menuntut mu'jizat, sedangkan mu'jizat-mu'jizat itu bukanlah dari ciptaan dan iktisas seorang Rasul, malah Allahlah yang memberi mu'jizat kepada Rasul-Nya yang dibangkit apabila mu'jizat itu benar-benar diperlukan menurut pertimbangan kebijaksanaan-Nya:

إِنَّمَآ أَنتَ مُنذِرٌ

*"Engkau hanya seorang Rasul yang pemberi amaran."(7)*

Yakni memberi peringatan dan kesedaran. Oleh sebab itu kedudukan engkau (Muhammad) adalah sama dengan kedudukan para rasul sebelum engkau. Allah telah mengutuskan para rasul kepada berbagai-bagai umat untuk memberi hidayat kepada mereka:

وَلِكُلِّ قَوْمٍ هَادٍ ﴿٧﴾

*"Dan setiap kaum mempunyai Rasul yang memberi hidayat."(7)*

Adapun bukti-bukti mu'jizat, maka urusannya adalah terserah kepada Allah yang mentadbirkan alam buana dan para hamba-Nya.

* * * * * *

**(Pentafsiran ayat-ayat 8 - 11)**

Dengan ini berakhirlah penjelajahan pertama di merata pelosok alam buana bersama-sama dengan kata-kata ulasan dan kesimpulan-kesimpulannya, kemudian ayat yang berikut memulakan satu penjelajahan yang baru di dalam satu bidang yang lain pula, iaitu bidang jiwa, perasaan dan hidup-hidupan:

ٱللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَحْمِلُ كُلُّ أُنثَىٰ وَمَا تَغِيضُ ٱلْأَرْحَامُ
وَمَا تَزْدَادُ ۖ وَكُلُّ شَىْءٍ عِندَهُۥ بِمِقْدَارٍ ﴿٨﴾
عَٰلِمُ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ ٱلْكَبِيرُ ٱلْمُتَعَالِ ﴿٩﴾
سَوَآءٌ مِّنكُم مَّنْ أَسَرَّ ٱلْقَوْلَ وَمَن جَهَرَ بِهِۦ
وَمَنْ هُوَ مُسْتَخْفٍۭ بِٱلَّيْلِ وَسَارِبٌۢ بِٱلنَّهَارِ ﴿١٠﴾
لَهُۥ مُعَقِّبَٰتٌ مِّنۢ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِۦ
يَحْفَظُونَهُۥ مِنْ أَمْرِ ٱللَّهِ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ
يُغَيِّرُوا۟ مَا بِأَنفُسِهِمْ ۗ وَإِذَآ أَرَادَ ٱللَّهُ بِقَوْمٍ سُوٓءًا
فَلَا مَرَدَّ لَهُۥ ۚ وَمَا لَهُم مِّن دُونِهِۦ مِن وَالٍ ﴿١١﴾

*"Allah mengetahui apa yang dikandung setiap perempuan dan setiap kandungan rahim yang kurang dan kandungan rahim yang bertambah. Dan segala sesuatu (diatur) di sisi-Nya dengan ukuran yang rapi(8). Allah Maha Mengetahui segala yang tersembunyi dan segala yang ketara, dan Dia Maha Besar dan Maha Tinggi(9). Sama sahaja (kepada Allah) sesiapa dari kamu yang menyembunyi perkataannya dan sesiapa yang mengucapkannya dengan lantang dan sesiapa yang bersembunyi di malam hari dan yang muncul di hari siang(10). Setiap manusia mempunyai malaikat-malaikat pengiring dari urusan Allah yang mengikutinya dari hadapan dan dari belakangnya untuk mengawasi-nya. Sesungguhnya Allah tidak mengubahkan keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubahkan keadaan yang ada pada diri mereka sendiri, dan apabila Allah menghendaki sesuatu keburukan terhadap sesuatu kaum, maka tiada siapa yang dapat menolakkannya dan tiada siapa yang dapat menjadi pelindung mereka selain daripada-Nya."(11)*

***Perincian Ilmu Allah Yang Syumul***

Hati kita berdiri kaget dan gementar di bawah tekanan kesan singgungan-singgungan (ayat-ayat ini) yang memberi gambaran yang amat mendalam ini dan di bawah alunan nada pengungkapan yang melahirkan lagu yang menarik ini, hati kita berdiri kaget ketika mengikuti liku-liku ilmu Allah dan tempat-tempatnya, ketika mengikuti kandungan-kandungan yang tersembunyi di dalam rahim, rahsia-rahsia yang tersemat di dalam hati, dan pergerakan-pergerakan yang sulit di malam hari iaitu pergerakan setiap yang bersembunyi dan setiap yang menampakkan diri, setiap bisikan dan setiap perkataan yang lantang. Semuanya terdedah dengan jelas di bawah mikroskop Ilahi yang terang dan dikesan oleh cahaya ilmu Allah dan para malaikat Hafazah untuk mencatat fikiran-fikiran dan niat-niatnya. Orang-orang yang beriman kepada Allah tentulah mengetahui bahawa ilmu Allah itu meliputi segalanya, tetapi kesan persoalan umum ini di dalam hati tidak sama dengan kesan perinciannya sebagaimana yang dijelaskan sebahagiannya dalam ayat-ayat tadi dengan gambaran yang amat menarik.

Tiada pernyataan abstrak dan pernyataan hakikat umum mengenai ilmu Allah yang dapat dibandingkan dengan pernyataan firman Allah yang berikut:

ٱللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَحْمِلُ كُلُّ أُنثَىٰ وَمَا تَغِيضُ ٱلْأَرْحَامُ
وَمَا تَزْدَادُ ۖ وَكُلُّ شَىْءٍ عِندَهُۥ بِمِقْدَارٍ ﴿٨﴾

*"Allah mengetahui apa yang dikandung setiap perempuan dan setiap kandungan rahim yang kurang dan kandungan rahim yang bertambah. Dan segala sesuatu (diatur) di sisi-Nya dengan ukuran yang rapi"(8)*

ketika daya imaginasi keluar mengesan setiap betina/perempuan di alam yang sayup saujana ini, di desa dan di bandar, di rumah-rumah, di gua-gua, di lubang-lubang dan di hutan-hutan untuk menggambarkan ilmu Allah yang mengetahui setiap kandungan yang dikandung oleh rahim betina-betina/perempuan-perempuan ini dan mengetahui setiap titik darah yang kurang atau bertambah di dalam rahim-rahim itu.

Tiada pernyataan abstrak dan peryataan hakikat umum mengenai ilmu Allah yang dapat dibandingkan dengan pernyataan firman Allah yang berikut:

سَوَآءٌ مِّنكُم مَّنْ أَسَرَّ ٱلْقَوْلَ وَمَن جَهَرَ بِهِۦ
وَمَنْ هُوَ مُسْتَخْفٍۭ بِٱلَّيْلِ وَسَارِبٌۢ بِٱلنَّهَارِ ﴿١٠﴾

*"Sama sahaja (kepada Allah) sesiapa dari kamu yang menyembunyikan perkataannya dan sesiapa yang mengucapkannya dengan lantang dan sesiapa yang bersembunyi di malam hari dan yang muncul di hari siang."(10)*

لَهُۥ مُعَقِّبَٰتٌ مِّنۢ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِۦ
يَحْفَظُونَهُۥ

*"Setiap manusia mempunyai malaikat-malaikat peng-iring dari urusan Allah yang mengikutinya dari hadapan dan dari belakangnya untuk mengawasinya."(11)*

ketika daya imaginasi keluar mengesan setiap yang berbisik, setiap yang bercakap lantang, setiap yang bersembunyi dan setiap yang muncul di alam buana yang luas ini untuk menggambarkan ilmu Allah yang mengikuti jejak setiap individu dari hadapan dan belakangnya dan mencatatkan segala yang terbit darinya di sepanjang malam dan siang.

Sentuhan-sentuhan ayat-ayat pertama mengenai alam buana yang luas ini tidaklah sehebat dan sedalam sentuhan-sentuhan ayat-ayat yang akhir ini yang memperkatakan tentang alam jiwa, alam ghaib dan alam rahsia, tetapi sentuhan-sentuhan ini adalah setanding dengan sentuhan ayat-ayat pertama dalam aspek menjelaskan ciri perpasangan dan perbandingan.

### *Pengungkapan-pengungkapan Yang Indah*

Marilah kita tinjau sebahagian kecil dari ungkapan-ungkapan dan gambaran yang indah di dalam ayat-ayat itu:

ٱللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَحْمِلُ كُلُّ أُنثَىٰ وَمَا تَغِيضُ ٱلْأَرْحَامُ وَمَا تَزْدَادُ وَكُلُّ شَىْءٍ عِندَهُۥ بِمِقْدَارٍ ﴿٨﴾

*"Allah mengetahui apa yang dikandung setiap perempuan dan setiap kandungan rahim yang kurang dan kandungan rahim yang bertambah. Dan segala sesuatu (diatur) di sisi-Nya dengan ukuran yang rapi."(8)*

Setelah ia menggambarkan ilmu Allah yang mengetahui setiap darah yang kurang dan bertambah di dalam kandungan rahim, ia iringi pula dengan pernyataan bahawa segala sesuatu di sisi Allah adalah diatur dengan sukatan dan ukuran yang rapi. Ciri keseimbangan di sini amat jelas di antara kata "ukuran" dengan kata-kata "kurang" dan "bertambah". Seluruh persoalan ini dari segi maudhu'nya mempunyai hubungan dengan persoalan penciptaan semula selepas mati yang telah dibicarakan sebelum ini, dan persoalan ini dari segi bentuk mempunyai hubungan dengan pembicaraan selepasnya mengenai pengaliran air di wadi-wadi menurut kadarnya yang telah ditentukan, begitu juga dalam kenyataan kurang dan bertambah itu mengandungi ciri perpasangan yang lumrah di dalam seluruh suasana surah ini.

عَٰلِمُ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ ٱلْكَبِيرُ ٱلْمُتَعَالِ ﴿٩﴾

*"Allah Maha Mengetahui segala yang tersembunyi dan segala yang ketara dan Dia Maha Besar dan Maha Tinggi."(9)*

Kata-kata "al-Kabir" (Yang Maha Besar) dan kata-kata "al-Muta'al" (Yang Maha Tinggi) kedua-duanya masing-masing memberi bayangan pengertiannya di dalam hati, tetapi sukar untuk digambarkan bayangan-bayangan itu dengan kata-kata yang lain, kerana setiap makhluk yang baru mempunyai sesuatu kekurangan yang mengecilkannya. Mana-mana makhluk Allah yang disifatkan besar atau mana-mana perkara yang disifatkan besar atau mana-mana perbuatan yang dikatakan besar semuanya menjadi kecil dan kerdil apabila disebutkan kebesaran Allah. Begitu juga kata-kata "al-Muta'al" (Yang Maha Tinggi). Apakah anda faqir saya boleh mengemukakan sesuatu mengenai kata-kata ini? Tidak, malah mana-mana ahli tafsir Al-Qur'an yang lain juga terpaksa berhenti kaget di hadapan kata-kata al-Kabir dan al-Muta'al!

سَوَآءٌ مِّنكُم مَّنْ أَسَرَّ ٱلْقَوْلَ وَمَن جَهَرَ بِهِۦ وَمَنْ هُوَ مُسْتَخْفٍۭ بِٱلَّيْلِ وَسَارِبٌۢ بِٱلنَّهَارِ ﴿١٠﴾

*"Sama sahaja (kepada Allah) sesiapa dari kamu yang menyembunyikan perkataannya dan sesiapa yang meng-ucapkannya dengan lantang dan sesiapa yang bersem-bunyi di malam hari dan yang muncul di hari siang."(10)*

Ciri perpasangan di sini amat jelas dan yang menarik perhatian kami ialah kata-kata "**سارب**" (muncul pergi) ia hampir-hampir memberi bayangan makna sebaliknya, kerana ia membayangkan pergerakan yang tersembunyi atau hampir-hampir tersembunyi. Kata-kata "**السارب**" pula bererti "yang muncul pergi" pergerakan pergi dalam kata-kata ini memang dimaksudkan di sini sebagai pasangan kepada bersembunyi. Kelembutan bunyi pada sebutan kata "**سارب**" dan bayangannya memang dimaksudkan di sini supaya ia tidak merosakkan suasana, iaitu suasana ilmu Ilahi yang amat halus, seni, yang bergerak di belakang kandungan-kandungan rahim yang tersembunyi, di belakang rahsia sulit, di belakang segala sesuatu yang bersembunyi di waktu malam dan seterusnya di belakang para malaikat pengiring yang menurut jejak manusia yang tidak dapat dilihat oleh mata. Kata-kata "**سارب**" ini dipilih untuk memberi makna yang menjadi pasangan kepada kata-kata "**مستخف**" (bersembunyi) iaitu pergi dengan lembut, halus dan hampir tersembunyi!

لَهُۥ مُعَقِّبَٰتٌ مِّنۢ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِۦ يَحْفَظُونَهُۥ

*"Setiap manusia mempunyai malaikat-malaikat pengiring dari urusan Allah yang mengikutinya dari hadapan dan dari belakangnya untuk mengawasinya."(11)*

Ayat ini tidak menyebut apa-apa sifat dan takrif mengenai malaikat-malaikat pengiring atau malaikat Hafazah yang menurut jejak setiap manusia, yang mengawasi setiap fikiran yang keluar dan yang datang, di samping mengawasi setiap perasaan dan setiap emosi mereka. Ayat ini tidak menyebut apa-apa mengenai para malaikat ini selain dari pernyataan bahawa mereka adalah dari urusan Allah. Oleh itu

kami juga tidak mahu membuat apa-apa ulasan mengenainya. Siapakah malaikat-malaikat itu? Bagaimana sifatnya? Bagaimana ia menurut jejak manusia? Dan di mana dia berada? Kami tidak mahu menghapuskan suasana ketersembunyian, ketakutan dan langkah-langkah menurut jejak yang dibayangkan oleh ayat ini, kerana semuanya itu memang dimaksudkan di sini. Al-Qur'an telah mengemukakan perkara ini sekadar ini sahaja dan ia tidak pula mengemukakannya begini secara serampangan sahaja. Setiap orang yang mempunyai adirasa (zuk) mengenai suasana-suasana pengungkapan Al-Qur'an merasa gementar untuk merosakkan suasana yang sulit ini dengan penerangan dan penjelasan.

### *Hubungan Tindakan Manusia Dengan Tindakan Kehendak Masyi'ah Allah*

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا۟ مَا بِأَنفُسِهِمْ ۗ

*"Sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubahkan keadaan yang ada pada diri mereka sendiri."(11)*

Allah mengikuti jejak-jejak manusia dengan para malaikat pengiring dari urusan-Nya untuk mengawasi perubahan-perubahan yang dilakukan mereka terhadap diri dan keadaan-keadaan hidup mereka dan mengaturkan tindakan-tindakannya terhadap mereka. Allah tidak mengubah sesuatu ni'mat atau sesuatu penderitaan, Allah tidak mengubah sesuatu kemuliaan atau sesuatu kehinaan melainkan apabila manusia itu sendiri mengubahkan perasaan mereka, amalan-amalan mereka dan realiti hidup mereka dan ketika itulah Allah akan mengubahkan keadaan mereka mengikut perubahan yang berlaku kepada keadaan jiwa dan amalan-amalan mereka. Walaupun Allah mengetahui apa yang akan berlaku kepada mereka sebelum ia berlaku, tetapi segala apa yang berlaku ke atas mereka adalah mengikut keadaan dan realiti yang terbit dari mereka, iaitu ia berlaku selepas masa perubahan itu dibandingkan kepada manusia.

Itulah suatu hakikat yang meletakkan tanggungjawab yang berat ke atas manusia. Kehendak dan undang-undang Allah telah menetapkan bahawa masyi'ah Allah terhadap manusia adalah bergantung kepada tindakan mereka sendiri, dan undang-undang Allah akan berlaku kepada mereka mengikut bagaimana cara mereka melayani undang-undang ini dengan tindak-tanduk mereka. Nas ini cukup terang dan jelas mengenai hakikat ini dan tidak dapat ditakwilkan lagi. Di samping tanggungjawab yang berat itu, nas ini juga merupakan bukti penghormatan Allah kepada manusia, di mana masyi'ah-Nya telah menetapkan bahawa amalan dan tindakan mereka merupakan alat penguatkuasaan masyi'ah Allah terhadapnya.

Setelah menjelaskan prinsip ini, ayat yang berikut menjelaskan pula - mengikut mafhum ayat - bagaimana Allah mengubahkan keadaan sesuatu kaum kepada keburukan kerana mereka mengubahkan keadaan diri mereka kepada keadaan yang lebih buruk lalu iradat Allah bertindak menimpakan akibat yang buruk terhadap mereka:

وَإِذَآ أَرَادَ ٱللَّهُ بِقَوْمٍ سُوٓءًا فَلَا مَرَدَّ لَهُۥ ۚ وَمَا لَهُم مِّن دُونِهِۦ مِن وَالٍ ﴿١١﴾

*"Dan apabila Allah menghendaki sesuatu keburukan terhadap sesuatu kaum, maka tiada siapa yang dapat menolaknya dan tiada siapa yang dapat menjadi pelindung mereka selain daripada-Nya."(11)*

Ayat ini menonjolkan bahagian keburukan tidak bahagian kebaikan kerana ayat ini membicarakan orang-orang yang menggesa supaya disegerakan 'azab keburukan ke atas mereka bukannya menggesa supaya diturunkan rahmat kebaikan. Dalam ayat yang terdahulu Allah mendahulukan keampunan di atas 'azab keseksaan untuk menonjolkan kelalaian mereka. Dan dalam ayat ini Allah menonjolkan akibat yang buruk sahaja untuk memberi amaran kepada mereka bahawa tiada siapa yang dapat menolak 'azab Allah yang wajar ditimpakan ke atasnya dengan sebab keburukan yang ada pada diri mereka dan tiada seorang pelindung pun yang dapat menolong dan membela mereka dari 'azab itu.

* * * * * *

## (Pentafsiran ayat-ayat 12 - 16)

### *Di Sebalik Fenomena-fenomena Alam Yang Besar*

Kemudian ayat berikut membawa kita ke dalam satu penjelajahan di suatu wadi yang lain yang bersambung dengan wadi yang kita telah jelajahi tadi, iaitu sebuah wadi, di mana terkumpulnya pemandangan-pemandangan alam dan perasaan-perasaan yang mempunyai gambaran bayangan dan nada yang saling merangkumi dan selaras serta diselubungi ketakutan, rendah diri, kepenatan dan kebimbangan. Sementara hati tertunggu-tunggu berwaspada dan terharu:

هُوَ ٱلَّذِى يُرِيكُمُ ٱلْبَرْقَ خَوْفًا وَطَمَعًا وَيُنشِئُ ٱلسَّحَابَ ٱلثِّقَالَ ﴿١٢﴾

وَيُسَبِّحُ ٱلرَّعْدُ بِحَمْدِهِۦ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةُ مِنْ خِيفَتِهِۦ وَيُرْسِلُ ٱلصَّوَٰعِقَ فَيُصِيبُ بِهَا مَن يَشَآءُ وَهُمْ يُجَٰدِلُونَ فِى ٱللَّهِ وَهُوَ شَدِيدُ ٱلْمِحَالِ ﴿١٣﴾

لَهُۥ دَعْوَةُ ٱلْحَقِّ ۖ وَٱلَّذِينَ يَدْعُونَ مِن دُونِهِۦ لَا يَسْتَجِيبُونَ لَهُم بِشَىْءٍ إِلَّا كَبَٰسِطِ كَفَّيْهِ إِلَى ٱلْمَآءِ لِيَبْلُغَ فَاهُ وَمَا هُوَ بِبَٰلِغِهِۦ ۚ وَمَا دُعَآءُ ٱلْكَٰفِرِينَ إِلَّا فِى ضَلَٰلٍ ﴿١٤﴾

وَلِلَّهِ يَسْجُدُ مَن فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَظِلَٰلُهُم بِٱلْغُدُوِّ وَٱلْأَصَالِ ﴿١٥﴾

قُلْ مَن رَّبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ قُلِ ٱللَّهُ قُلْ أَفَٱتَّخَذْتُم مِّن دُونِهِۦٓ أَوْلِيَآءَ لَا يَمْلِكُونَ لِأَنفُسِهِمْ نَفْعًا وَلَا ضَرًّا قُلْ هَلْ يَسْتَوِى ٱلْأَعْمَىٰ وَٱلْبَصِيرُ أَمْ هَلْ تَسْتَوِى ٱلظُّلُمَٰتُ وَٱلنُّورُ أَمْ جَعَلُوا۟ لِلَّهِ شُرَكَآءَ خَلَقُوا۟ كَخَلْقِهِۦ فَتَشَٰبَهَ ٱلْخَلْقُ عَلَيْهِمْ قُلِ ٱللَّهُ خَٰلِقُ كُلِّ شَىْءٍ وَهُوَ ٱلْوَٰحِدُ ٱلْقَهَّٰرُ ﴿١٦﴾

*"Dialah yang memperlihatkan kilat kepada kamu untuk menimbulkan ketakutan dan harapan dan Dialah yang menciptakan awan-awan yang berat(12). Dan guruh bertasbih memuji-Nya dan malaikat juga (bertasbih) kerana takut kepada-Nya dan Dialah yang melepaskan halilintar lalu mengenai sesiapa yang dikehendaki-Nya, sedangkan mereka mempertikaikan tentang Allah dan Dia amat berat penyeksaan-Nya(13). Do'a yang sebenar itu ialah kepada Allah, sedangkan tuhan-tuhan palsu yang mereka berdo'a kepadanya selain Allah tidak dapat memperkenankan sedikit pun do'a mereka melainkan seperti seorang yang menghulurkan kedua telapak tangannya ke dalam air supaya air sampai ke mulutnya dan tentulah ia tidak akan sampai ke mulutnya. Dan tiada do'a orang-orang yang kafir itu melainkan semuanya berada dalam kesia-siaan belaka(14). Dan hanya kepada Allah jua sujudnya sekalian penghuni langit dan bumi sama ada secara sukarela atau terpaksa, dan bayang-bayang mereka (juga turut sujud) di waktu pagi dan petang(15). Katakanlah: Siapakah Tuhan langit dan bumi? Jawablah: Allah. Katakanlah: Apakah patut kamu mengambil selain Allah pelindung-pelindung yang tidak terdaya menentukan manfa'at dan mudharat kepada diri mereka sendiri? Katakanlah: Apakah sama orang yang buta dengan orang yang celik atau apakah sama gelap-gelita dengan cahaya yang terang? Atau apakah mereka mengadakan bagi Allah sekutu-sekutu yang berkuasa mencipta sama seperti ciptaan-Nya sehingga ia mengelirukan mereka? Katakanlah: Hanya Allah sahaja yang berkuasa menciptakan segala sesuatu dan Dia Maha Esa dan Maha Gagah Perkasa."(16)*

Kilat, guruh dan awan merupakan pemandangan-pemandangan yang dikenali umum begitu juga pemandangan petir-petir yang kadang-kadang menyertainya merupakan pemandangan-pemandangan yang memberi kesan di dalam hati manusia, sama ada pada mereka yang banyak mengetahui tentang tabi'at kejadian-kejadian ini atau pada mereka yang tidak mengetahui langsung tentang Allah. Semua kejadian-kejadian itu terkumpul di dalam ayat ini dan ditokok pula dengan keterangan-keterangan mengenai malaikat, bayang-bayang, tasbih, sujud, takut, harapan, do'a yang sebenar dan do'a yang tidak mustajab, kemudian ditambahkan pula dengan satu gambaran keadaan seorang yang tertalu kepingin kepada air di mana ia menghulur dua tapak tangannya untuk mendapatkan air sambil membuka mulutnya mengharapkan setitik air.

Semuanya itu tidak terkumpul dalam ayat-ayat ini secara kebetulan atau serampangan sahaja, malah ia terkumpul untuk memberi bayangan kepada pemandangan dan untuk menyelubunginya dengan suasana cemas, tertunggu-tunggu, takut, berangan-angan, rendah diri dan gementar dalam penjelasan ayat yang menggambarkan kuasa Allah yang mutlak, yang merupakan satu-satunya kuasa yang menunduk dan memberi manfa'at dan mudharat, dan penjelasan ini adalah bertujuan untuk menolak sekutu-sekutu yang didakwa oleh manusia dan menakutkan mereka terhadap akibat mempersekutukan Allah.

هُوَ ٱلَّذِى يُرِيكُمُ ٱلْبَرْقَ خَوْفًا وَطَمَعًا

*"Dialah yang memperlihatkan kilat kepada kamu untuk menimbulkan ketakutan dan harapan".(12)*

Yakni Allahlah yang memperlihatkan fenomema alam ini kepada kamu dan ia terjadi dari tabi'at alam yang dijadikan Allah sedemikian rupa dengan ciri-ciri dan fenomenafenomenanya yang istimewa, di antaranya ialah kilat yang diperlihatkan kepada kamu mengikut undang-undang-Nya dan menyebabkan kamu merasa takut kerana sinarannya menggoncangkan saraf kamu, dan kadang-kadang ia berubah menjadi petir dan kadang-kadang menjadi tanda amaran banjir besar yang menjahanamkan sebagaimana kamu mengetahuinya dari pengalaman-pengalaman kamu. Kilat juga menimbulkan harapan di sebaliknya kerana kadang-kadang selepas kilat turunnya hujan lebat yang menyuburkan tanah-tanah yang mati dan menambahkan pengaliran air sungai-sungai.

وَيُنشِئُ ٱلسَّحَابَ ٱلثِّقَالَ ﴿١٢﴾

*"Dan Dialah yang menciptakan awan-awan yang berat."(12)*

Yakni Allah mengadakan awan-awan yang penuh sarat dengan air. Ia terjadi mengikut undang-undang Allah yang telah mencipta dan menyusun alam ini sebegitu rupa. Kemudian awan-awan itu menurunkan hujan. Seandainya Allah tidak menjadikan alam dengan rupa bentuknya yang ada sekarang tentulah awan tidak wujud dan hujan tidak turun. Pengetahuan kita tentang bagaimana terbentuknya awan dan bagaimana turunnya hujan tidak menghilangkan sedikit pun kehebatan dan keindahan fenomena alam itu, juga tidak sedikit pun menghilangkan kepentingannya yang besar. Awan-awan itu terbentuk mengikut struktur alam yang khusus yang tiada siapa dapat menciptakannya melainkan Allah, juga mengikut satu undang-undang yang mengendalikan struktur itu, yang tiada siapa pun dari para hamba Allah yang turut serta mengaturkan undang-undang itu sebagaimana alam tidak menciptakan dirinya sendiri dan tidak pula mengaturkan undang-undangnya.

Guruh selaku fenomena yang ketiga bagi suasana hujan, kilat dan bunyi guruh yang gemuruh itu merupakan salah satu dari kesan-kesan undang-undang alam buana yang diciptakan Allah. Walau apa pun tabi'at dan sebab-sebab guruh itu, namun ia tetap merupakan suatu gema yang diciptakan Allah di alam ini. Guruh merupakan pernyataan pujian dan tasbih terhadap qudrat Ilahi yang mengaturkan undang-undang alam ini sebagaimana setiap buatan yang cantik dan indah itu bertasbih dan mengumumkan pujiannya terhadap tukang yang membuatnya kerana kecantikan dan keindahan hasil pertukangannya. Mungkin juga yang dimaksudkan dengan tasbih di sini ialah tasbih dalam ertikatanya yang sebenar, dengan erti guruh itu benar-benar memuji Allah. Hakikat ghaib yang dilindungi Allah dari manusia itu pastilah diterima dengan tasdiq dan taslim, kerana mereka tidak mengetahui urusan alam dan hakikat diri mereka melainkan sebahagian kecil darinya sahaja.

Ungkapan ayat ini menjelaskan bahawa guruh itu memuji Allah. Ini sesuai dengan methodologi penggambaran Al-Qur'an dalam penjelasan ayat yang seperti ini. Ungkapan ayat ini menyalutkan sifat-sifat hidup dan harakatnya kepada pemandangan-pemandangan alam yang senyap itu supaya turut mengambil bahagian di dalam pemandangan itu dengan harakat yang sama dengan harakat seluruh pemandangan itu - sebagaimana saya telah huraikan dalam buku التصوير الفني في القرآن . Pemandangan di sini ialah pemandangan makhluk-makhluk hidup dalam suasana tabi'i, di mana digambarkan para malaikat bertasbih kerana takut kepada Allah, do'a yang ditujukan kepada Allah dan do'a yang ditujukan kepada sekutu-sekutu (tuhan-tuhan palsu), di samping digambarkan seorang manusia yang menghulurkan dua telapak tangannya ke air supaya sampai ke mulutnya dan tentulah air itu tidak akan sampai ke mulutnya. Dan di tengah-tengah pemandangan makhluk yang berdo'a, beribadat kepada Allah dan bergerak inilah guruh turut serta bersama makhluk hidup yang lain melepaskan tangannya bertasbih dan berdo'a.

Kemudian suasana takut, berdo'a, kilat, guruh dan awan-awan berat yang membawa hujan disempurnakan dengan petir-petir yang menyambar siapa sahaja yang dikehendaki Allah. Petir-petir juga merupakan satu fenomena alam yang terjadi dari struktur alam yang diciptakan sedemikian rupa. Kadang-kadang Allah melepaskan petir itu ke atas orang-orang yang mengubahkan keadaan diri mereka sesuai dengan kehendak kebijaksanaannya supaya mereka tidak diberi tempoh lagi kerana Allah mengetahui bahawa penempohan itu tidak akan memberi apa-apa kebaikan kepada mereka. Oleh sebab itulah mereka wajar dibinasakan.

Tetapi yang anehnya dalam suasana kilat, guruh dan petir yang ngeri, dalam gegak gempita tasbih guruh memuji Allah, gema tasbih malaikat yang takut kepada Allah dan dalam tiupan ribut badai yang menyatakan kemarahan Alah.dalam suasana-suasana yang ngeri dan hebat ini masih bergema suara-suara manusia yang mempertikaikan (kewujudan dan keesaan) Allah yang memiliki seluruh kekuatan itu dan mencetuskan segala bunyi guruh dan petir yang mengatasi suara segala pertikaian dan segala penyeksaan:

وَهُمْ يُجَٰدِلُونَ فِى ٱللَّهِ وَهُوَ شَدِيدُ ٱلْمِحَالِ ﴿١٣﴾

*"Sedangkan mereka mempertikaikan tentang Allah dan Dia amat berat penyeksaan-Nya."(13)*

Demikianlah lenyapnya suara-suara mereka yang lemah itu di dalam suasana yang menakutkan ini, di mana bergemanya suara do'a dan permohonan-permohonan, suara guruh dan petir yang berdentuman, dan semuanya mengakui kewujudan dan keesaan Allah yang dipertikaikan mereka, juga mengakui bahawa segala tasbih dan tahmid itu adalah terpulang kepada Allah Maha Esa sahaja dari fenomena-fenomena alam yang paling besar dan dari para malaikat yang bertasbih kerana takut kepada-Nya. Di sini kesan ketakutan itu benar-benar dirasakan. Ia tidak dapat dibandingkan dengan seluruh suara manusia yang lemah yang mempertikaikan (kewujudan dan keesaan) Allah, sedangkan penyeksaan-Nya amat berat.

Mereka mempertikaikan (keesaan) Allah dan menghubungkan kepada-Nya berbagai-bagai sekutu yang dipohonkan mereka bersama Allah. Berdo'a kepada Allah Maha Esa itulah yang benar dan berdo'a kepada yang lain dari Allah adalah karut belaka dan orang yang berdo'a kepadanya tidak memperolehi apa-apa selain dari kepenatan:

لَهُۥ دَعْوَةُ ٱلْحَقِّ ۖ وَٱلَّذِينَ يَدْعُونَ مِن دُونِهِۦ لَا يَسْتَجِيبُونَ لَهُم بِشَىْءٍ إِلَّا كَبَٰسِطِ كَفَّيْهِ إِلَى ٱلْمَآءِ لِيَبْلُغَ فَاهُ وَمَا هُوَ بِبَٰلِغِهِۦ ۚ وَمَا دُعَآءُ ٱلْكَٰفِرِينَ إِلَّا فِى ضَلَٰلٍ ﴿١٤﴾

*"Do'a yang sebenar itu ialah kepada Allah, sedangkan tuhan-tuhan palsu yang mereka berdo'a kepadanya selain Allah tidak dapat memperkenankan sedikit pun do'a mereka melainkan seperti seorang yang menghulurkan kedua telapak tangannya ke dalam air supaya air sampai ke mulutnya dan tentulah ia tidak akan sampai ke mulut-nya. Dan tiada do'a orang-orang yang kafir itu melainkan semuanya berada dalam kesia-siaan belaka."(14)*

### *Berdo'a Kepada Allah Dan Berdo'a Kepada Tuhan-tuhan Palsu*

Pemandangan di sini amat jelas, hidup dan bergerak, letih lesu dan kempunan. Do'a yang benar hanya satu sahaja, do'a inilah sahaja yang diterima dan diperkenankan. Itulah do'a kepada Allah, bertawajjuh kepada-Nya, memohon pertolongan, rahmat dan hidayat dari-Nya. Selain dari itu adalah batil dan sia-sia belaka. Tidakkah anda lihat keadaan orang-orang yang berdo'a kepada yang lain dari Allah yang terdiri dari berbagai-bagai sekutu? Lihatlah salah

seorang dari mereka. Dia kelihatan begitu kempunan dan dahaga. Dia menghulurkan dua tangannya dan membuka dua telapak tangannya, sedangkan mulutnya terbuka mengumat-ngamitkan do'a meminta air sampai ke mulutnya, sedangkan air tidak akan sampai ke mulutnya walaupun setelah dia bersusah payah dan berada dalam keadaan kempunan. Beginilah kesudahan do'a orang-orang yang kafir terhadap Allah apabila mereka berdo'a kepada tuhan-tuhan palsu:

وَمَا دُعَآءُ ٱلۡكَٰفِرِينَ إِلَّا فِي ضَلَٰلٖ ١٤

*"Dan tiada do'a orang-orang yang kafir itu melainkan semuanya berada di dalam kesia-siaan belaka."(14)*

Dalam suasana apakah orang yang berdo'a yang kempunan ini tidak mendapat setitis air itu? Dalam suasana kilat, guruh dan awan-awan mendung yang berlari di sana dengan perintah Allah Yang Maha Esa dan Maha Perkasa.

Ketika orang-orang yang kecewa yang bertuhankan tuhan-tuhan palsu itu meletakkan harapan dan berdo'a kepada mereka, tiba-tiba (dalam ayat berikut) seluruh penghuni alam tunduk kepada Allah. Seluruh mereka diperintah dengan iradat Allah, patuh kepada peraturan-Nya dan dipaksa mengikut undang-undang-Nya; yang beriman tunduk kerana ta'at dan yakin, dan yang tidak beriman tunduk kerana terpaksa. Tiada siapa pun yang dapat keluar dari lingkungan iradat Allah dan tiada siapa pun yang dapat hidup di luar undang-undang Allah yang diatur untuk mengendalikan kehidupan mereka:

وَلِلَّهِ يَسۡجُدُ مَن فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ طَوۡعٗا وَكَرۡهٗا وَظِلَٰلُهُم بِٱلۡغُدُوِّ وَٱلۡأٓصَالِ ۩ ١٥

*"Dan hanya kepada Allah jua sujudnya sekalian penghuni langit dan bumi sama ada secara sukarela atau terpaksa, dan bayang-bayang mereka (juga turut sujud) di waktu pagi dan petang."(15)*

Oleh sebab suasana di sini suasana ibadat dan do'a, maka ayat ini mengungkapkan kepatuhan kepada masyi'ah Allah itu dengan harakat sujud yang melambangkan kemuncak 'Ubudiyah atau kehambaan, kemudian ia menggabungkan tubuh-tubuh penghuni langit dan bumi dengan bayang-bayangnya masing-masing, iaitu bayang-bayang mereka di waktu pagi dan di waktu petang ketika sinaran matahari meneduh dan bayang-bayang memanjang, ia menggabungkan bayang-bayang ini dengan tubuh-tubuh itu agar bersama-sama sujud kepada Allah merendahkan diri dan menjunjung perintah Allah. Bayang-bayang itu sendiri merupakan suatu hakikat kerana bayang-bayang itu mengikut tubuh, kemudian hakikat ini melontarkan bayangan ke atas pemandangan itu dan menjadikannya satu pemandangan yang amat menarik, di mana berlangsungnya dua sujud iaitu sujud tubuh dan sujud bayang. Ia membuat seluruh alam buana termasuk tubuh-tubuh dan bayang-bayang melutut patuh sama ada melalui keimanan atau tidak melalui keimanan, semuanya sujud kepada Allah, sedangkan golongan manusia yang hampa terus menyembah tuhan-tuhan palsu selain Allah.

***Pertanyaan-pertanyaan Yang Memalukan***

Dalam suasana pemandangan yang menarik ini Allah mencabar mereka dengan pertanyaan-pertanyaan yang menghina, kerana tidak ada yang lebih wajar di dalam suasana seperti ini melainkan ejekan dan sendaan:

قُلۡ مَن رَّبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ قُلِ ٱللَّهُۚ قُلۡ أَفَٱتَّخَذۡتُم مِّن دُونِهِۦٓ أَوۡلِيَآءَ لَا يَمۡلِكُونَ لِأَنفُسِهِمۡ نَفۡعٗا وَلَا ضَرّٗاۚ قُلۡ هَلۡ يَسۡتَوِي ٱلۡأَعۡمَىٰ وَٱلۡبَصِيرُ أَمۡ هَلۡ تَسۡتَوِي ٱلظُّلُمَٰتُ وَٱلنُّورُۗ أَمۡ جَعَلُواْ لِلَّهِ شُرَكَآءَ خَلَقُواْ كَخَلۡقِهِۦ فَتَشَٰبَهَ ٱلۡخَلۡقُ عَلَيۡهِمۡۚ قُلِ ٱللَّهُ خَٰلِقُ كُلِّ شَيۡءٖ وَهُوَ ٱلۡوَٰحِدُ ٱلۡقَهَّٰرُ ١٦

*"Katakanlah: Siapakah Tuhan langit dan bumi? Jawablah: Allah. Katakanlah: Apakah patut kamu mengambil selain Allah pelindung-pelindung yang tidak terdaya menentukan manfa'at dan mudharat kepada diri mereka sendiri? Katakanlah: Apakah sama orang yang buta dengan orang yang celik atau apakah sama gelap-getita dengan cahaya yang terang? Atau apakah mereka mengadakan bagi Allah sekutu-sekutu yang berkuasa mencipta sama seperti ciptaan-Nya sehingga ia mengelirukan mereka? Katakanlah: Hanya Allah sahaja yang berkuasa menciptakan segala sesuatu dan Dia Maha Esa dan Maha Gagah Perkasa."(16)*

Yakni tanyalah mereka - sesudah ternyata bahawa seluruh penghuni langit dan bumi adalah tertakluk kepada qudrat dan iradat Allah belaka sama ada suka atau tidak suka - siapakah lagi Tuhan langit dan bumi? Pertanyaan ini bukannya untuk dijawab oleh mereka kerana ayat yang lepas telah pun memberi jawapannya dan mereka telah pun mendengar jawapan itu dalam bentuk perkataan dan pemandangan:

قُلِ ٱللَّهُۚ

*"Jawablah: Allah."(16)*

Kemudian tanya lagi:

أَفَٱتَّخَذۡتُم مِّن دُونِهِۦٓ أَوۡلِيَآءَ لَا يَمۡلِكُونَ لِأَنفُسِهِمۡ نَفۡعٗا وَلَا ضَرّٗاۚ

*"Apakah patut kamu mengambil selain Allah pelindung-pelindung yang tidak terdaya menentukan manfa'at dan mudharat kepada diri mereka sendiri?"(16)*

Pertanyaan ini bertujuan untuk mengecam mereka kerana mereka sebenarnya telah pun mengambil

pelindung-pelindung yang lain dari Allah. Yakni tanyalah mereka, sedangkan persoalan ini amat jelas dan perbezaan di antara kebenaran dan kebatilan juga amat jelas, iaitu sejelas perbezaan di antara buta dan celik, di antara gelap dan cerah. Kata-kata "orang yang buta dan orang yang celik" itu ditujukan kepada mereka dan kepada para Mu'minin. Kebutaan matahati itulah satu-satunya sebab yang menghalangkan mereka dari melihat kebenaran yang amat jelas, yang dirasai kesannya oleh seluruh penghuni langit dan bumi. Kata "gelap-gelita dan cahaya yang terang" dituju untuk menggambarkan keadaan mereka dan keadaan para Mu'minin. Keadaan-keadaan yang gelap-gelita yang menutup pemandangan itulah yang menyelubungi dan menahan mereka dari memahami kebenaran yang amat jelas itu.

Apakah mereka melihat tuhan-tuhan palsu yang disembah mereka selain dari Allah itu telah menciptakan makhluk-makhluk yang sama dengan makhluk-makhluk yang telah diciptakan Allah sehingga menyebabkan mereka keliru di antara makhluk-makhluk yang diciptakan Allah dengan makhluk-makhluk yang diciptakan tuhan-tuhan palsu itu? Seandainya benar begini tentulah mereka boleh dimaafkan jika mereka menyembah tuhan-tuhan palsu itu, kerana tuhan-tuhan ini juga mempunyai sifat-sifat Allah, iaitu sifat berkuasa mencipta yang melayakkan mereka disembah. Dan tanpa sifat ini mereka tidak syak lagi tidak wajar disembah.

Inilah kecaman yang amat pahit terhadap golongan manusia yang melihat segala sesuatu yang diciptakan Allah dan melihat tuhan-tuhan palsu yang disembah mereka tidak menciptakan sesuatu apa dan tidak akan menciptakan sesuatu apa. Mereka hanya makhluk-makhluk Allah belaka, namun demikian mereka masih menyembah tuhan-tuhan palsu itu dan memberi keta'atannya yang tidak berbelah bagi. Itulah serendah-rendah tahap pemikiran yang dicapaikan akal mereka.

(Ayat berikut) merupakan kata-kata kesimpulan terhadap kecaman yang pedas yang tidak dapat ditolak dan dipertikaikan itu setelah diajukan pertanyaan tadi:

قُلِ ٱللَّهُ خَٰلِقُ كُلِّ شَيْءٍ وَهُوَ ٱلْوَٰحِدُ ٱلْقَهَّٰرُ ﴿١٦﴾

*"Katakanlah: Hanya Allah sahaja yang berkuasa menciptakan segala sesuatu dan Dia Maha Esa dan Maha Gagah Perkasa."(16)*

Itulah konsep Wahdaniyah dalam penciptaan dan konsep Wahdaniyah dalam penguatkuasaan yang melambangkan kemuncak kekuasaan. Demikianlah persoalan sekutu-sekutu atau tuhan-tuhan palsu itu dari permulaan lagi dikepung dengan pemandangan sujud, di mana seluruh penghuni langit dan bumi dan bayang-bayang mereka sujud kepada Allah sama ada suka atau tidak suka, dan pada akhirnya dikepung dengan pemandangan penguatkuasaan Allah, di mana segala sesuatu di langit dan di bumi tunduk kepada Allah belaka, dan sebelum ini ia telah didahului oleh pemandangan kilat-kilat, guruh-guruh, petir-petir, tasbih dan tahmid yang menyatakan ketakutan dan pengharapan kepada Allah. Tiada lagi hati yang sanggup menghadapi keadaan-keadaan yang menakutkan ini, melainkan hati yang buta yang hidup di dalam gelap-gelita sehingga ia dibinasakan.

Sebelum kita meninggal wadi ini, eloklah kita sentuhkan ciri perpasangan-perpasangan yang dapat diperhatikan di dalam gaya pengungkapan, di mana ketakutan dipasangkan dengan pengharapan, kilat yang menyambar dipasangkan dengan awan yang berat. Kata-kata "berat" di sini di samping dihubungkan kepada air turut dijadikan pasangan kepada kilat yang ringan dan menyambar, tasbih guruh yang memuji Allah dipasangkan dengan tasbih malaikat yang takut kepada Allah, do'a yang benar dipasangkan dengan do'a yang penat dan hampa, langit dipasangkan dengan bumi, sujud secara sukarela dipasangkan dengan sujud secara terpaksa, tubuh-tubuh dipasangkan dengan bayang-bayang, Khaliq yang berkuasa dipasangkan dengan tuhan-tuhan palsu yang tidak berkuasa menciptakan suatu apa dan tidak pula berkuasa menentukan manfa'at dan mudharat terhadap diri mereka sendiri. Demikianlah penjelasan ayat-ayat itu berlangsung mengikut gaya dan caranya yang halus, gemilang dan teratur rapi.

* * * * * *

**(Pentafsiran ayat-ayat 17 - 18)**

***Di Antara Hakikat Dan Buih-buih***

Kemudian marilah kita ikuti penjelasan ayat berikut yang membuat perbandingan di antara kebenaran dengan kebatilan, da'wah yang kekal dengan da'wah yang hilang bersama angin, kebaikan yang tenang dengan kejahatan yang kacau. Perbandingan yang dibuat di sini memperlihatkan kekuatan Allah Yang Maha Esa dan Maha Gagah Perkasa, juga memperlihatkan tadbir Allah yang rapi yang menentukan segala sesuatu. Perbandingan ini adalah dari jenis pemandangan-pemandangan alam yang mengsuasanakan penjelasan ayat-ayat ini.

أَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَسَالَتْ أَوْدِيَةٌۢ بِقَدَرِهَا فَٱحْتَمَلَ ٱلسَّيْلُ زَبَدًا رَّابِيًا ۚ وَمِمَّا يُوقِدُونَ عَلَيْهِ فِى ٱلنَّارِ ٱبْتِغَآءَ حِلْيَةٍ أَوْ مَتَٰعٍ زَبَدٌ مِّثْلُهُۥ ۚ كَذَٰلِكَ يَضْرِبُ ٱللَّهُ ٱلْحَقَّ وَٱلْبَٰطِلَ ۚ فَأَمَّا ٱلزَّبَدُ فَيَذْهَبُ جُفَآءً ۖ وَأَمَّا مَا يَنفَعُ ٱلنَّاسَ فَيَمْكُثُ فِى ٱلْأَرْضِ ۚ كَذَٰلِكَ يَضْرِبُ ٱللَّهُ ٱلْأَمْثَالَ ﴿١٧﴾

*"Dialah yang telah menurunkan hujan dari langit lalu mengalir di wadi-wadi menurut kadar yang ditentukan-Nya,*

*kemudian banjir membawa buih-buih yang kembang, dan dari logam-logam yang mereka leburkannya di dalam api untuk membuat perhiasan dan perkakas-perkakas itu juga terdapat buih-buih yang sama dengannya. Demikianlah Allah membuat perbandingan di antara kebenaran dan kebatilan. Adapun buih, maka ia akan hilang lenyap terbuang, dan adapun yang berguna kepada manusia, maka ia akan tetap di bumi. Demikianlah Allah membuat perbandingan-perbandingan."(17)*

Penurunan hujan dari langit hingga memenuhi wadi-wadi itu adalah seimbang dengan suasana kilat, guruh dan awan-awan yang berat yang wujud di dalam pemandangan yang silam. Ia juga menjadi sebahagian dari pemandangan alam yang besar, di mana dibicarakan persoalan-persoalan surah dan maudhu'-maudhu'nya di samping membuktikan qudrat Allah Yang Maha Esa dan Gagah Perkasa. Air yang mengalir di wadi-wadi mengikut kadar yang tertentu itu adalah sama dengan segala sesuatu yang lain yang ditentukan mengikut kadar tenaga dan keperluannya masing-masing dan ia juga menjadi bukti betapa rapinya pentadbiran Allah yang menentukan segala-galanya. Ia merupakan salah satu persoalan yang dibicarakan oleh surah ini. Semuanya itu menjadi latar belakang bagi perbandingan yang hendak disampaikan Allah kepada manusia, iaitu perbandingan yang diambil dari sesuatu yang dilihat dalam hidup mereka dan dilalui mereka tanpa perhatian.

Air yang turun dari langit itu mengalir memenuhi wadi-wadi dan di tengah jalannya ia mengumpulkan buih-buih kotor yang terapung-apung di permukaan air hingga kadang-kadang ia melindungi air. Buih-buih itu mengembang dan bertambah banyak, tetapi ia tetap buih yang kotor juga, sedangkan air di bawahnya mengalir tenang, tetapi ia adalah air yang membawa rahmat dan hayat. Buih-buih seperti itu berlaku juga pada logam-logam yang dilebur untuk dibuat perhiasan seperti emas dan perak atau untuk dibuat bejana-bejana atau alat-alat yang berguna dalam kehidupan seperti besi dan timah, di sana buih-buih yang kotor itu timbul di permukaan cecair logam itu hingga kadang-kadang menutupi logam asli, tetapi ia tetap merupakan buih-buih kotor yang akan hilang lenyap dan yang tetap tinggal ialah logam yang bersih.

Itulah perbandingan di antara kebenaran dan kebatilan di dalam hidup ini, di mana yang batil timbul, mengembang dan terapung-apung seperti buih-buih yang kotor dan tidak lama kemudian ia hilang lenyap dan terbuang kerana ia tidak mempunyai hakikat dan daya tahan yang padu, sedangkan yang benar tetap tenang walaupun kadang-kadang disangkakan orang ia tersorok, tenggelam, hilang atau mati, namun ia tetap teguh di bumi seperti air dan logam yang tulen yang berguna kepada manusia.

كَذَٰلِكَ يَضْرِبُ ٱللَّهُ ٱلْأَمْثَالَ ﴿١٧﴾

*"Demikianlah Allah membuat perbandingan-perbandingan?"(17)*

Dan demikianlah juga Allah menjelaskan nasib kesudahan da'wah-da'wah, nasib kesudahan kepercayaan-kepercayaan dan akibat-akibat segala amalan dan perkataan. Dialah Allah Yang Maha Esa, Yang Maha Gagah Perkasa, yang mengendalikan urusan alam buana dan hayat, yang mengetahui lahir dan batin, yang benar dan yang batil, yang kekal dan yang hilang.

Siapa yang menyahut da'wah Allah akan mendapat kesudahan yang paling baik, dan, siapa yang tidak menyahut da'wah Allah akan bertemu dengan 'azab yang amat dahsyat yang akan membuat seorang itu sanggup menebuskan diri darinya dengan seluruh harta kekayaan di bumi ini jika ia memilikinya, namun dia tidak akan mungkin menebuskan dirinya. Dia tetap akan dihisab dan dia tetap memperolehi Neraka Jahannam sebagai tempat kediamannya, itulah seburuk-buruk tempat kediaman:

لِلَّذِينَ ٱسْتَجَابُوا۟ لِرَبِّهِمُ ٱلْحُسْنَىٰ ۚ وَٱلَّذِينَ لَمْ يَسْتَجِيبُوا۟ لَهُۥ لَوْ أَنَّ لَهُم مَّا فِى ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا وَمِثْلَهُۥ مَعَهُۥ لَٱفْتَدَوْا۟ بِهِۦٓ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ سُوٓءُ ٱلْحِسَابِ وَمَأْوَىٰهُمْ جَهَنَّمُ ۖ وَبِئْسَ ٱلْمِهَادُ ﴿١٨﴾

*"Bagi orang-orang yang menyahut seruan Tuhan mereka (dikurniakan) balasan yang terbaik dan bagi orang-orang yang tidak menyahut seruan itu (disediakan 'azab), dan jika mereka memiliki kekayaan yang ada di bumi ini dan (ditambahkan pula) sebanyak itu lagi bersamanya nescaya mereka akan menebuskan diri mereka dengannya. Merekalah yang akan menghadapi hisab yang berat dan tempat kediaman mereka ialah Neraka Jahannam seburuk-buruk tempat kediaman."(18)*

Di sini orang-orang yang menyahut da'wah Allah dipasangkan dengan orang-orang yang tidak menyahut da'wah Allah, balasan yang paling baik dipasangkan dengan 'azab yang amat dahsyat, dengan Neraka Jahannam dan dengan seburuk-buruk tempat kediaman.

**(Kumpulan ayat-ayat 19 - 43)**

أَفَمَن يَعْلَمُ أَنَّمَآ أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ ٱلْحَقُّ كَمَنْ هُوَ أَعْمَىٰٓ ۚ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُو۟لُوا۟ ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿١٩﴾

ٱلَّذِينَ يُوفُونَ بِعَهْدِ ٱللَّهِ وَلَا يَنقُضُونَ ٱلْمِيثَٰقَ ﴿٢٠﴾

وَٱلَّذِينَ يَصِلُونَ مَآ أَمَرَ ٱللَّهُ بِهِۦٓ أَن يُوصَلَ وَيَخْشَوْنَ رَبَّهُمْ وَيَخَافُونَ سُوٓءَ ٱلْحِسَابِ ﴿٢١﴾

وَالَّذِينَ صَبَرُوا ابْتِغَاءَ وَجْهِ رَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنْفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً وَيَدْرَءُونَ بِالْحَسَنَةِ السَّيِّئَةَ أُولَٰئِكَ لَهُمْ عُقْبَى الدَّارِ ﴿٢٢﴾

جَنَّاتُ عَدْنٍ يَدْخُلُونَهَا وَمَنْ صَلَحَ مِنْ آبَائِهِمْ وَأَزْوَاجِهِمْ وَذُرِّيَّاتِهِمْ ۖ وَالْمَلَائِكَةُ يَدْخُلُونَ عَلَيْهِمْ مِنْ كُلِّ بَابٍ ﴿٢٣﴾

سَلَامٌ عَلَيْكُمْ بِمَا صَبَرْتُمْ ۚ فَنِعْمَ عُقْبَى الدَّارِ ﴿٢٤﴾

وَالَّذِينَ يَنْقُضُونَ عَهْدَ اللَّهِ مِنْ بَعْدِ مِيثَاقِهِ وَيَقْطَعُونَ مَا أَمَرَ اللَّهُ بِهِ أَنْ يُوصَلَ وَيُفْسِدُونَ فِي الْأَرْضِ ۙ أُولَٰئِكَ لَهُمُ اللَّعْنَةُ وَلَهُمْ سُوءُ الدَّارِ ﴿٢٥﴾

اللَّهُ يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَنْ يَشَاءُ وَيَقْدِرُ ۚ وَفَرِحُوا بِالْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا فِي الْآخِرَةِ إِلَّا مَتَاعٌ ﴿٢٦﴾

وَيَقُولُ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْلَا أُنْزِلَ عَلَيْهِ آيَةٌ مِنْ رَبِّهِ ۚ قُلْ إِنَّ اللَّهَ يُضِلُّ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي إِلَيْهِ مَنْ أَنَابَ ﴿٢٧﴾

الَّذِينَ آمَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ ۗ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ ﴿٢٨﴾

الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ طُوبَىٰ لَهُمْ وَحُسْنُ مَآبٍ ﴿٢٩﴾

كَذَٰلِكَ أَرْسَلْنَاكَ فِي أُمَّةٍ قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِهَا أُمَمٌ لِتَتْلُوَ عَلَيْهِمُ الَّذِي أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ وَهُمْ يَكْفُرُونَ بِالرَّحْمَٰنِ ۚ قُلْ هُوَ رَبِّي لَا إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَإِلَيْهِ مَتَابِ ﴿٣٠﴾

وَلَوْ أَنَّ قُرْآنًا سُيِّرَتْ بِهِ الْجِبَالُ أَوْ قُطِّعَتْ بِهِ الْأَرْضُ أَوْ كُلِّمَ بِهِ الْمَوْتَىٰ ۗ بَلْ لِلَّهِ الْأَمْرُ جَمِيعًا ۗ أَفَلَمْ يَيْأَسِ الَّذِينَ آمَنُوا أَنْ لَوْ يَشَاءُ اللَّهُ لَهَدَى النَّاسَ جَمِيعًا ۗ وَلَا يَزَالُ الَّذِينَ كَفَرُوا تُصِيبُهُمْ بِمَا صَنَعُوا قَارِعَةٌ أَوْ تَحُلُّ قَرِيبًا مِنْ دَارِهِمْ حَتَّىٰ يَأْتِيَ وَعْدُ اللَّهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يُخْلِفُ الْمِيعَادَ ﴿٣١﴾

*"Apakah orang yang mengetahui bahawa apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu itu adalah benar sama dengan orang yang buta? Hanya orang yang berakal sahaja yang dapat mengambil pengajaran(19). Iaitu orang yang memenuhi janji Allah dan tidak membatalkan perjanjian(20). Dan orang-orang yang menyambungkan apa yang diperintahkan Allah supaya disambungkannya dan mereka takut kepada Tuhan mereka dan takut kepada hisab yang buruk(21). Dan orang-orang yang sabar kerana mencari keredhaan Tuhan mereka dan mendirikan solat dan membelanjakan sebahagian dari rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka secara sembunyi-sembunyi dan secara terang-terangan serta menolak kejahatan dengan kebaikan. Merekalah orang-orang yang akan mendapat tempat kesudahan yang baik(22). Iaitu Syurga yang akan dimasuki mereka bersama-sama dengan orang-orang yang soleh dari bapa-bapa mereka, isteri-isteri mereka dan anak cucu mereka, sedangkan para malaikat pula akan masuk mengunjungi mereka dari segenap pintu(23). (Sambil mengucapkan): Selamat sejahtera ke atas kamu! Dengan berkat kesabaran kamu, maka (inilah Syurga) sebaik-baik tempat kesudahan(24). Dan orang-orang yang membatalkan janji setelah diikatkannya dengan teguh dan memutuskan hubungan yang diperintahkan Allah supaya disambungkannya dan melakukan kerosakan di bumi. Merekalah orang-orang yang mendapat kutukan Allah dan akan memperolehi seburuk-buruk tempat kesudahan(25). Allahlah yang melapangkan rezeki dan menyempitkannya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Mereka bergembira dengan kehidupan dunia, sedangkan kehidupan dunia itu dibandingkan dengan kehidupan Akhirat hanya sekelumit keni'matan sahaja(26). Dan orang-orang kafir berkata: Mengapa tidak diturunkan kepadanya (Muhammad) suatu bukti (mu'jizat) dari Tuhannya? Katakanlah: Sesungguhnya Allah menyesatkan siapa yang dikehendaki-Nya dan memberi hidayat kepada siapa yang bertaubat kepada-Nya(27). Iaitu orang-orang yang beriman dan hati mereka tenteram dengan mengingati Allah. Ingatlah! Hanya dengan mengingati Allah hati menjadi tenang tenteram(28). Orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh akan memperolehi kebahagiaan dan tempat kembali yang baik (29). Demikianlah, Kami telah mengutuskan engkau di kalangan satu umat yang telah berlalu sebelumnya beberapa umat yang lain supaya engkau membaca kepada mereka (Al-Qur'an) yang telah Kami wahyukan kepadamu, sedangkan mereka mengingkarkan Allah Yang Maha Penyayang. Katakanlah: Dialah Tuhanku dan tiada Tuhan yang lain melainkan hanya Dia, kepada-Nya aku bertawakkal dan kepada-Nya aku bertaubat(30). Dan sekiranya ada Qur'an yang dapat menggoncangkan gunung-ganang atau membelahkan bumi atau menjadikan orang-orang yang telah mati dapat bercakap, (maka itulah Al-Qur'anul-Karim), malah seluruh urusan terpulang kepada Allah. Tidakkah (sampai masanya kepada) orang-orang yang beriman itu berputus asa (terhadap keimanan kaum Musyrikin). Sesungguhnya jika Allah kehendaki tentulah Dia memberi hidayat kepada semua manusia. Dan orang-orang yang kafir itu sentiasa ditimpa malapetaka kerana perbuatan mereka yang kufur atau malapetaka itu jatuh berhampiran dengan tempat tinggal mereka sehingga tibalah janji Allah. Sesungguhnya Allah tidak memungkiri janji-Nya."(31)*

وَلَقَدِ ٱسْتُهْزِئَ بِرُسُلٍ مِّن قَبْلِكَ فَأَمْلَيْتُ لِلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ثُمَّ أَخَذْتُهُمْ ۖ فَكَيْفَ كَانَ عِقَابِ ﴿٣٢﴾

أَفَمَنْ هُوَ قَآئِمٌ عَلَىٰ كُلِّ نَفْسٍۭ بِمَا كَسَبَتْ ۗ وَجَعَلُوا۟ لِلَّهِ شُرَكَآءَ قُلْ سَمُّوهُمْ ۚ أَمْ تُنَبِّـُٔونَهُۥ بِمَا لَا يَعْلَمُ فِى ٱلْأَرْضِ أَم بِظَـٰهِرٍ مِّنَ ٱلْقَوْلِ ۗ بَلْ زُيِّنَ لِلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مَكْرُهُمْ وَصُدُّوا۟ عَنِ ٱلسَّبِيلِ ۗ وَمَن يُضْلِلِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِنْ هَادٍ ﴿٣٣﴾

لَّهُمْ عَذَابٌ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ وَلَعَذَابُ ٱلْـَٔاخِرَةِ أَشَقُّ ۖ وَمَا لَهُم مِّنَ ٱللَّهِ مِن وَاقٍ ﴿٣٤﴾

مَّثَلُ ٱلْجَنَّةِ ٱلَّتِى وُعِدَ ٱلْمُتَّقُونَ ۖ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَـٰرُ ۖ أُكُلُهَا دَآئِمٌ وَظِلُّهَا ۚ تِلْكَ عُقْبَى ٱلَّذِينَ ٱتَّقَوا۟ ۖ وَّعُقْبَى ٱلْكَـٰفِرِينَ ٱلنَّارُ ﴿٣٥﴾

وَٱلَّذِينَ ءَاتَيْنَـٰهُمُ ٱلْكِتَـٰبَ يَفْرَحُونَ بِمَآ أُنزِلَ إِلَيْكَ ۖ وَمِنَ ٱلْأَحْزَابِ مَن يُنكِرُ بَعْضَهُۥ ۚ قُلْ إِنَّمَآ أُمِرْتُ أَنْ أَعْبُدَ ٱللَّهَ وَلَآ أُشْرِكَ بِهِۦٓ ۚ إِلَيْهِ أَدْعُوا۟ وَإِلَيْهِ مَـَٔابِ ﴿٣٦﴾

وَكَذَٰلِكَ أَنزَلْنَـٰهُ حُكْمًا عَرَبِيًّا ۚ وَلَئِنِ ٱتَّبَعْتَ أَهْوَآءَهُم بَعْدَ مَا جَآءَكَ مِنَ ٱلْعِلْمِ مَا لَكَ مِنَ ٱللَّهِ مِن وَلِىٍّ وَلَا وَاقٍ ﴿٣٧﴾

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلًا مِّن قَبْلِكَ وَجَعَلْنَا لَهُمْ أَزْوَٰجًا وَذُرِّيَّةً ۚ وَمَا كَانَ لِرَسُولٍ أَن يَأْتِىَ بِـَٔايَةٍ إِلَّا بِإِذْنِ ٱللَّهِ ۗ لِكُلِّ أَجَلٍ كِتَابٌ ﴿٣٨﴾

يَمْحُوا۟ ٱللَّهُ مَا يَشَآءُ وَيُثْبِتُ ۖ وَعِندَهُۥٓ أُمُّ ٱلْكِتَـٰبِ ﴿٣٩﴾

وَإِن مَّا نُرِيَنَّكَ بَعْضَ ٱلَّذِى نَعِدُهُمْ أَوْ نَتَوَفَّيَنَّكَ فَإِنَّمَا عَلَيْكَ ٱلْبَلَـٰغُ وَعَلَيْنَا ٱلْحِسَابُ ﴿٤٠﴾

أَوَلَمْ يَرَوْا۟ أَنَّا نَأْتِى ٱلْأَرْضَ نَنقُصُهَا مِنْ أَطْرَافِهَا ۚ وَٱللَّهُ يَحْكُمُ لَا مُعَقِّبَ لِحُكْمِهِۦ ۚ وَهُوَ سَرِيعُ ٱلْحِسَابِ ﴿٤١﴾

وَقَدْ مَكَرَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ فَلِلَّهِ ٱلْمَكْرُ جَمِيعًا ۖ يَعْلَمُ مَا تَكْسِبُ كُلُّ نَفْسٍ ۗ وَسَيَعْلَمُ ٱلْكُفَّـٰرُ لِمَنْ عُقْبَى ٱلدَّارِ ﴿٤٢﴾

وَيَقُولُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَسْتَ مُرْسَلًا ۚ قُلْ كَفَىٰ بِٱللَّهِ شَهِيدًۢا بَيْنِى وَبَيْنَكُمْ وَمَنْ عِندَهُۥ عِلْمُ ٱلْكِتَـٰبِ ﴿٤٣﴾

*"Dan sesungguhnya para rasul sebelummu juga pernah dipersenda-sendakan lalu Aku memberi tempoh kepada orang-orang yang kafir itu kemudian Aku binasakan mereka, maka bagaimanakah dahsyatnya 'azab keseksaan-Ku itu?(32). Siapakah yang mengawasi setiap individu terhadap apa yang dilakukannya? Dan mereka mengadakan berbagai-bagai sekutu kepada Allah. Katakanlah: Sebutkanlah nama mereka. Atau apakah kamu hendak memberitahu kepada Allah sesuatu yang tidak diketahui-Nya di bumi ini atau (kamu mendakwa-nya) dengan cakap-cakap yang dangkal sahaja, malah orang-orang kafir itu telah dipesonakan tipu daya mereka sendiri dan mereka telah dihalangkan dari jalan Allah, dan barang siapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang dapat memberi hidayat ke padanya(33). Mereka mendapat 'azab dalam kehidupan dunia, dan sesungguhnya 'azab Akhirat itu lebih dahsyat lagi, dan mereka tidak akan mendapat sesiapa pun yang akan menjadi pelindung mereka dari 'azab Allah(34). Sifat Syurga yang dijanjikan kepada orang-orang yang bertaqwa ialah (taman-taman) yang mengalir di bawahnya aneka sungai, buah-buahannya sentiasa mewah dan bayang-bayangnya sentiasa teduh. Itulah tempat kesudahan orang-orang yang bertaqwa, sedangkan tempat kesudahan orang-orang yang kafir pula ialah api Neraka(35). Dan orang-orang yang telah Kami kurniakan kitab kepada mereka adalah bergembira dengan wahyu yang telah diturunkan kepadamu (Muhammad) dari Tuhanmu, dan di antara golongan-golongan (Ahlil-Kitab dan Musyrikin) ada yang mengingkari sebahagian darinya. Katakanlah: Sesungguhnya aku diperintah menyembah Allah dan jangan mempersekutukan-Nya. Kepada Allah aku berseru dan kepada-Nya juga aku kembali(36). Dan demikianlah Kami turunkan Al-Qur'an sebagai hukum-hukum (Allah) di dalam bahasa Arab, dan jika engkau (Muhammad) mengikut kehendak hawa nafsu mereka setelah datang kepadamu pengetahuan yang benar (dari Allah), maka tiada lagi penolong dan pelindung (yang dapat menyelamatkan engkau) dari 'azab Allah(37). Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan rasul-rasul sebelum engkau (Muhammad) dan Kami jadikan untuk mereka isteri-isteri dan zuriat keturunan, dan tiada sebarang kuasa bagi seorang Rasul untuk mengadakan sesuatu mu'jizat melainkan dengan keizinan Allah. Bagi setiap zaman diturunkan kitab yang tertentu(38). Allah menghapus dan menetapkan hukum-hukum yang dikehendaki-Nya dan di sisi-Nya tersimpan kitab induk (39). Sama ada Kami memperlihatkan kepadamu (wahai Muhammad) sebahagian dari 'azab yang Kami janjikan untuk mereka (orang kafir) atau Kami wafatkanmu sebelum melihatnya, (maka itu*

*bukan urusanmu), kerana sesungguhnya tugasmu ialah menyampaikan da'wah dan tugas Kami ialah menjalankan hisab(40). Apakah tidak mereka melihat bahawa Kami menyerang negeri (orang-orang kafir) lalu Kami kurangkan daerah-daerah perbatasannya (sedikit demi sedikit). Allahlah yang menentukan keputusan dan tiada siapa yang boleh menolak keputusan-Nya dan Dialah yang amat cepat menjalankan hisab(41). Sesungguhnya orang-orang (kafir) sebelum mereka juga pernah mengaturkan rancangan jahat mereka, tetapi semua tipu daya itu adalah dalam kekuasaan Allah. Dia mengetahui apa sahaja yang dilakukan seseorang, dan orang-orang kafir akan mengetahui untuk siapakah tempat kesudahan yang baik itu(42). Dan orang-orang yang kafir itu berkata: Engkau bukanlah seorang Rasul. Katakanlah (kepada mereka): Cukuplah Allah sendiri menjadi saksi di antaraku dengan kamu, juga mereka yang mempunyai ilmu al-kitab."(43)*

Selepas menayangkan berbagai pemandangan yang besar di merata pelosok alam buana, di pendalaman-pendalaman alam ghaib dan di pendalaman-pendalaman jiwa manusia yang dihuraikan oleh bahagian pertama surah ini, maka bahagian yang kedua surah ini pula membuat sentuhan-sentuhan yang merangsangkan perasaan dan akal dan memberi gambaran yang halus di sekitar persoalan wahyu dan kerasulan, persoalan tauhid dan tuhan-tuhan palsu, persoalan menuntut mu'jizat dan mencabar supaya disegerakan 'azab yang dijanjikan Allah. Ini merupakan satu pusingan yang baru di sekitar persoalan-persoalan itu di dalam surah ini.

Pusingan ini dimulai dengan menyentuh hakikat keimanan dan hakikat kekufuran. Keimanan merupakan hasil dari ilmu pengetahuan yang benar, sedangkan kekufuran merupakan hasil dari kebutaan matahati, juga menyentuh tabi'at dan ciri-ciri orang-orang yang beriman dan orang-orang yang kafir kemudian diiringi dengan sebuah pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat yang menggambarkan ni'mat-ni'mat yang diperolehi oleh orang-orang yang beriman dan 'azab seksa yang diterima orang-orang yang kafir. Ia juga menyinggung persoalan keluasan dan kesempitan rezeki dan memulangkan kedua-duanya kepada budi bicara Allah, kemudian diikuti pula dengan suatu pusingan yang lain mengenai hati orang-orang yang beriman dan tenteram berkat mengingati Allah. Setelah itu ia menyifatkan Al-Qur'an sebagai mempunyai daya kekuatan yang hampir-hampir dapat menggoncangkan gunung-ganang, membelahkan bumi dan menjadikan orang-orang yang mati dapat bercakap, kemudian menyentuh tentang malapetaka-malapetaka yang ditimpa ke atas orang-orang kafir atau yang menimpa berhampiran dengan tempat kediaman mereka, kemudian dengan satu perdebatan yang bertujuan mengecam mereka, iaitu perdebatan di sekitar tuhan-tuhan palsu dan seterusnya menyentuh kebinasaan-kebinasaan umat-umat yang silam dan penaklukan yang mengurangkan daerah-daerah perbatasan negeri mereka dari satu masa ke satu masa, dan pada akhirnya ditamatkan dengan memberi ancaman kepada orang-orang yang mendustakan kerasulan Rasulullah s.a.w. dengan membiarkan mereka menerima nasib kesudahan yang dimaklumi umum.

Justeru itu nada-nada pernyataan dan ketukan-ketukan yang bertubi-tubi di dalam bahagian pertama surah ini menyedarkan perasaan dan menjadikannya siap sedia untuk menghadapi persoalan-persoalan yang dibangkitkan di dalam bahagian yang kedua ini. Kedua-dua bahagian itu merupakan bahagian-bahagian yang sepadu, di mana setiap bahagian masing-masing menyampaikan ketukan-ketukan dan saranan-saranan untuk satu matlamat yang sama dan satu persoalan yang sama.

* * * * * *

**(Pentafsiran ayat-ayat 19 - 26)**

Persoalan yang pertama ialah persoalan wahyu. Persoalan ini telah pun dibangkitkan di permulaan surah dan di sini ia dibangkitkan sekali lagi dengan gaya yang baru:

أَفَمَن يَعْلَمُ أَنَّمَآ أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ ٱلْحَقُّ كَمَنْ هُوَ أَعْمَىٰٓ ۚ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُو۟لُوا۟ ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿١٩﴾

*"Apakah orang yang mengetahui bahawa apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu itu adalah benar sama dengan orang yang buta? Hanya orang yang berakal sahaja yang dapat mengambil pengajaran."(19)*

***Di Antara Si Buta Dengan Si Celik***

Yang dijadikan lawan bagi orang yang mengetahui bahawa apa yang diturunkan Allah itulah yang benar bukannya orang yang tidak mengetahui hakikat ini, malah yang dijadikan lawannya ialah orang yang buta. Ini adalah satu uslub yang menarik untuk mencubit hati dan membesarkan perbezaan-perbezaan. Uslub ini sendiri merupakan satu uslub yang benar, tidak keterlaluan, tidak berlebihan dan tidak pula menyelewengkan persoalan. Hanya kebutaan matahati sahaja yang melahirkan kejahilan terhadap hakikat agung yang amat jelas. Ia tidak tersembunyi melainkan kepada orang yang buta. Ada dua jenis manusia dalam menghadapi hakikat yang agung ini, iaitu manusia celik, merekalah golongan yang mengetahui. Dan manusia buta, merekalah golongan yang tidak mengetahui. Dan yang dimaksudkan dengan buta di sini ialah buta matahati, hilang daya berfikir, tertutup pintu hati, padam cahaya ma'rifat di dalam roh dan terasing dari sumber pancaran nur hidayat.

*"Hanya orang yang berakal sahaja yang dapat mengambil pengajaran."(19)*

Yakni orang-orang yang mempunyai akal dan hati yang sedar dapat mengambil pengajaran apabila diperingatkan dengan kebenaran, dan dapat berfikir apabila diperingatkan dengan bukti-bukti kebenaran.

Itulah sifat-sifat orang-orang yang berakal:

ٱلَّذِينَ يُوفُونَ بِعَهْدِ ٱللَّهِ وَلَا يَنقُضُونَ ٱلْمِيثَٰقَ ﴿٢٠﴾

*"Iaitu orang yang memenuhi janji Allah dan tidak membatalkan perjanjian."(20)*

Janji Allah merupakan satu janji umum yang merangkumi segala janji, dan perjanjian Allah merupakan satu perjanjian umum yang merangkumi segala perjanjian. Janji yang paling agung ialah janji yang menjadi tapak asas bagi segala janji iaitu janji beriman, dan perjanjian yang paling agung ialah perjanjian yang menjadi induk bagi segala perjanjian, iaitu perjanjian untuk menunjukkan komitmen-komitmen yang dituntut oleh keimanan ini.

Janji iman itu ialah janji yang lama dan yang baru. Ia merupakan janji lama dengan fitrah manusia yang berhubung rapat dengan undang-undang seluruh alam buana, dan memahami secara langsung terhadap keesaan iradat Ilahi yang melahirkan alam buana ini, juga keesaan Pencipta yang memiliki iradat Ilahi itu dan Dialah satu-satunya Tuhan yang layak disembah. Itulah perjanjian yang diambil dari benih-benih zuriat manusia semasa berada dalam sulbi anak-anak 'Adam lagi mengikut pentafsiran yang telah dipersetujui kami. Kemudian ia merupakan janji baru dengan para rasul yang diutuskan Allah. Mereka diutus bukannya untuk mengadakan janji iman, malah untuk membaharui janji itu, untuk mengingatkan manusia terhadap janji itu dan untuk menjelaskan perincian dari janji itu dan menerangkan komitmen-komitmen janji itu seperti melahirkan keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan mencabut keta'atan kepada yang lain dari Allah, di samping mengerjakan amalan yang soleh dan berkelakuan dengan tingkahlaku yang lurus serta bertawajjuh kepada Allah Yang Maha Esa sahaja yang telah mengikat janji yang lama itu.

Dan dari janji Ilahi dan perjanjian Rabbani inilah lahirnya semua janji dan perjanjian dengan manusia sama ada dengan Rasul atau dengan orang ramai, sama ada dengan kaum kerabat atau dengan orang-orang asing, sama ada dengan individu-individu atau dengan kelompok-kelompok, kerana seorang yang mematuhi janji yang pertama itu harus mematuhi semua janji-janji yang lain, kerana mematuhi janji itu merupakan satu kewajipan yang wajib ditunaikan dan seseorang yang melaksanakan tugas-tugas perjanjian yang pertama bererti ia melaksanakan segala tugas-tugas yang dituntut darinya terhadap orang ramai kerana ini termasuk di dalam tugas-tugas perjanjian.

Itulah prinsip agung yang pertama yang menjadi landasan bagi keseluruhan bangunan kehidupan yang diungkapkan dengan kalimat-kalimat yang pendek:

وَٱلَّذِينَ يَصِلُونَ مَآ أَمَرَ ٱللَّهُ بِهِۦٓ أَن يُوصَلَ وَيَخْشَوْنَ رَبَّهُمْ وَيَخَافُونَ سُوٓءَ ٱلْحِسَابِ ﴿٢١﴾

*"Dan orang-orang yang menyambungkan apa yang diperintahkan Allah supaya disambungkannya dan mereka takut kepada Tuhan mereka dan takut kepada hisab yang buruk."(21)*

### *Tugas Memelihara Kesinambungan*

Demikianlah diterangkan dengan ringkas, yakni dia menyambung segala apa sahaja yang telah diperintahkan Allah supaya disambungkannya, iaitu menyambung keta'atan yang sempurna dan kejujuran yang berterusan, menyambung perjalanan mengikut peraturan dan undang-undang Allah tanpa penyelewengan. Ia menerangkan hal ini begitu ringkas tanpa menghuraikan butir-butir perincian apakah perkara-perkara yang diperintah Allah supaya disambungkannya itu, kerana perincian itu memang panjang dan ini bukannya menjadi tujuan ayat ini, malah yang menjadi tujuannya ialah untuk menggambarkan sikap kejujuran yang sempurna yang tidak menyeleweng, keta'atan yang sempurna yang tidak berbelah bagi dan hubungan yang sempurna yang tidak putus-putus. Di akhir ayat ini menggambarkan perasaan yang berganding dengan keta'atan yang sempurna di dalam hati mereka itu:

وَيَخْشَوْنَ رَبَّهُمْ وَيَخَافُونَ سُوٓءَ ٱلْحِسَابِ ﴿٢١﴾

*"Dan mereka takut kepada Tuhan mereka dan takut kepada hisab yang buruk."(21)*

Itulah perasaan takut kepada Allah dan kepada balasan yang buruk pada hari pertemuan dengan Allah yang sangat menggentarkan itu, dan selaku orang-orang yang berakal mereka sentiasa memikirkan hisab Allah sebelum tibanya hari hisab itu.

وَٱلَّذِينَ صَبَرُوا۟ ٱبْتِغَآءَ وَجْهِ رَبِّهِمْ

*"Dan orang-orang yang sabar kerana mencari keredhaan Tuhan mereka."(22)*

Kesabaran itu bermacam-macam dan mempunyai komitmen-komitmen yang tertentu iaitu kesabaran memikul tugas-tugas perjanjian dalam bentuk amalan-amalan, jihad, da'wah, ijtihad dan sebagainya dan kesabaran menghadapi kesenangan dan kesusahan. Di sana terdapat sedikit sahaja orang-orang yang sabar menghadapi godaan kesenangan tanpa bertindak melampau dan kufur terhadap Allah, juga kesabaran menghadapi ketololan dan kejahilan-kejahilan manusia yang menyusahkan hati, di samping berbagai-bagai kesabaran yang lain. Semua kesabaran itu dilakukan untuk mencari keredhaan Allah bukan kerana segan dikatakan orang "dia pengecut", dan bukan pula kerana menghebatkan diri supaya dikatakan orang "dia sabar", dan bukan pula kerana mengharapkan sesuatu faedah di sebalik kesabaran itu, dan bukan pula bertujuan untuk mengelak sesuatu yang tidak baik akibat dari kehilangan kesabaran dan seterusnya bukan kerana mencapai sesuatu tujuan selain dari mencari keredhaan Allah. Kesabaran dalam menghadapi ni'mat-ni'mat dan ujian-ujian-Nya ialah kesabaran

menerima keputusan-keputusan Allah, dan berserah diri kepada kehendak masyi'ah-Nya serta redha dan berpuas hati.

وَأَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ

*"Dan mendirikan solat."(22)*

Mendirikan solat termasuk di dalam tugas mematuhi perjanjian dengan Allah, tetapi ia ditonjolkan di sini kerana solat merupakan rukun pertama dari kepatuhan itu dan merupakan bukti yang lahir yang menunjukkan tawajjuh yang tulen dan sempurna seseorang terhadap Allah, juga kerana solat merupakan hubungan yang zahir di antara hamba dengan Allah, iaitu hubungan semata-mata kerana Allah; tiada suatu harakat dan tiada suatu ucapan di dalam solat yang ditujukan kepada yang lain dari Allah.

وَأَنفَقُوا۟ مِمَّا رَزَقْنَـٰهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً

*"Dan membelanjakan sebahagian dari rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka secara sembunyi-sembunyi dan secara terang-terangan."(22)*

Infaq ini juga termasuk dalam tugas menyambung apa yang diperintahkan Allah supaya disambungkannya, juga termasuk dalam tugas mematuhi perjanjian dengan Allah, tetapi ia ditonjolkan di sini kerana infaq merupakan tali hubungan di antara para hamba Allah yang bersatupadu kerana Allah dalam bidang kehidupan, juga kerana infaq itu dapat membersihkan hati para pemberinya dari sifat bakhil dan membersihkan hati para penerimanya dari perasaan dendam. Infaq menjadikan bentuk hidup dalam masyarakat Islam satu bentuk hidup yang layak dengan golongan manusia yang saling membantu dan bertakaful dengan hati yang murah kerana Allah. Infaq itu ditunaikan sama ada secara sembunyi-sembunyi atau secara terang-terangan. Infaq secara sembunyi-sembunyi itu bertujuan untuk memelihara kehormatan dan maruah dan untuk mengelakkan dari perasaan malu dan segan apabila dilakukan secara terang-terangan, sedangkan infaq secara terang-terangan pula bertujuan untuk dijadikan contoh teladan, untuk menunjukkan pelaksanaan syari'at Allah dan kepatuhan kepada undang-undang Allah, dan kedua-dua cara infaq itu masing-masing mempunyai tempatnya dalam kehidupan.

وَيَدْرَءُونَ بِٱلْحَسَنَةِ ٱلسَّيِّئَةَ

*"Serta menolak kejahatan dengan kebaikan."(22)*

Maksudnya, mereka membalas perbuatan yang jahat dengan perbuatan yang baik di dalam pergaulan dan muamalah seharian mereka bukannya di dalam urusan agama Allah. Tetapi ungkapan ayat ini terus sahaja menyebut natijah tanpa menyebut muqaddimahnya iaitu langkah membalas perbuatan yang jahat dengan perbuatan yang baik boleh mematahkan kegelojohan nafsu dan membimbingnya ke arah kebaikan, juga boleh memadamkan bara-bara api kejahatan dan menepiskan godaan syaitan, dan justeru itu perbuatan yang baik itu pada akhirnya berjaya menolak perbuatan yang jahat. Natijah yang akhir inilah yang segera disebutkan ungkapan ayat ini dan menjadikannya sebagai permulaan ayat untuk menggalakkan manusia supaya membalas perbuatan yang jahat itu dengan perbuatan yang baik dan untuk mendapatkan natijahnya yang baik yang ditunggu-tunggu itu.

Kemudian ayat ini juga memberi isyarat yang halus supaya membalas perbuatan yang jahat dengan perbuatan yang baik itu (patut dilakukan) apabila difikirkan bahawa tindakan ini boleh menolak dan menghapuskan kejahatan itu bukannya membawa kepada menambahkan ketamakan dan keghairahan melakukan kejahatan. Tetapi jika perbuatan yang jahat itu perlu ditahan dan dibendung, maka tidak wajar lagi dibalas dengan tindakan yang baik supaya kejahatan itu tidak berkembang dan bermaharajalela.

Dasar menolak perbuatan yang jahat dengan perbuatan yang baik biasa dilakukan dalam pergaulan atau muamalah-muamalah peribadi di antara pihak yang setanding. Adapun dalam perkara-perkara yang menyentuh agama Allah, maka dasar ini tidak lagi boleh dipakai, kerana penceroboh yang zalim itu tidak dapat ditahan melainkan dengan tindakan yang tegas. Golongan manusia yang melakukan kerosakan di bumi ini tidak berguna dilayani melainkan hanya dengan tindakan-tindakan yang tegas sahaja. Oleh itu arahan-arahan Al-Qur'an adalah diserahkan kepada budi bicara memahami kedudukan-kedudukan yang sebenar dan diserahkan kepada mesyuarat di antara para bijak pandai kemudian mengambil tindakan yang difikir lebih baik dan betul.

أُو۟لَـٰٓئِكَ لَهُمْ عُقْبَى ٱلدَّارِ ﴿٢٢﴾

*"Merekalah orang-orang yang akan mendapat tempat kesudahan yang baik."(22)*

جَنَّـٰتُ عَدْنٍ يَدْخُلُونَهَا وَمَن صَلَحَ مِنْ ءَابَآئِهِمْ وَأَزْوَٰجِهِمْ وَذُرِّيَّـٰتِهِمْ ۖ وَٱلْمَلَـٰٓئِكَةُ يَدْخُلُونَ عَلَيْهِم مِّن كُلِّ بَابٍ ﴿٢٣﴾

*"Iaitu Syurga yang akan dimasuki mereka bersama-sama dengan orang-orang yang soleh dari bapa-bapa mereka, isteri-isteri mereka dan anak cucu mereka, sedangkan para malaikat pula akan masuk mengunjungi mereka dari segenap pintu."(23)*

سَلَـٰمٌ عَلَيْكُم بِمَا صَبَرْتُمْ ۚ فَنِعْمَ عُقْبَى ٱلدَّارِ ﴿٢٤﴾

*"(Sambil mengucapkan): Selamat sejahtera ke atas kamu! Dengan berkat kesabaran kamu, maka (inilah Syurga) sebaik-baik tempat kesudahan."(24)*

أُو۟لَـٰٓئِكَ

*"Merekalah."(22)*

Yakni mereka yang berada di maqam yang tinggi itu akan memperolehi tempat kesudahan yang baik. Iaitu Syurga 'Adni tempat kediaman yang kekal abadi. Dan

di dalam Syurga inilah akan berkumpul kembali semua keluarga mereka bersama-sama para solehin dari ibubapa-ibubapa, isteri-isteri dan zuriat keturunan mereka. Mereka memasuki Syurga dengan kesolehan dan kelayakan yang ditunjuk oleh mereka masing-masing, tetapi mereka dimuliakan dengan mengumpulkan kembali keluarga mereka yang berselerak itu dan menemukan mereka dengan orang-orang yang disayangi mereka di dunia. Itulah suatu keni'matan yang menambahkan keni'matan perasaan berada di dalam Syurga.

Dalam suasana pertemuan itu, para malaikat turut serta mengalu-ngalu dan meraikan, mereka. Pergerakan mereka begitu sibuk keluar masuk (mengunjungi mereka):

يَدْخُلُونَ عَلَيْهِم مِّن كُلِّ بَابٍ ﴿٢٣﴾

*"Sedangkan para malaikat pula akan masuk mengunjungi mereka dari segenap pintu."(23)*

Ayat ini membiarkan kita melihat pemandangan ini seolah-olah berlaku di hadapan mata kita, seolah kita melihat dan mendengar ucapan selamat dari para malaikat yang datang rombongan demi rombongan:

سَلَٰمٌ عَلَيْكُم بِمَا صَبَرْتُمْ ۚ فَنِعْمَ عُقْبَى ٱلدَّارِ ﴿٢٤﴾

*"(Sambil mengucapkan): Selamat sejahtera ke atas kamu! Dengan berkat kesabaran kamu, maka (inilah Syurga) sebaik-baik tempat kesudahan."(24)*

Ia merupakan suatu temasya yang penuh dengan pertemuan, ucapan selamat, pergerakan yang sibuk dan keraian.

Sementara di tebing sebelah lagi terdapat pula golongan yang tidak berakal dan tidak mengerti mengambil pengajaran. Mereka tidak bermatahati yang dapat berfikir. Mereka berlainan dalam segala-galanya dengan golongan yang berakal:

وَٱلَّذِينَ يَنقُضُونَ عَهْدَ ٱللَّهِ مِنۢ بَعْدِ مِيثَٰقِهِۦ وَيَقْطَعُونَ مَآ أَمَرَ ٱللَّهُ بِهِۦٓ أَن يُوصَلَ وَيُفْسِدُونَ فِى ٱلْأَرْضِ أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمُ ٱللَّعْنَةُ وَلَهُمْ سُوٓءُ ٱلدَّارِ ﴿٢٥﴾

*"Dan orang-orang yang membatalkan janji Allah setelah diikatkannya dengan teguh dan memutuskan hubungan yang diperintahkan Allah supaya disambungkannya dan melakukan kerosakan di bumi. Merekalah orang-orang yang mendapat kutukan Allah dan akan memperolehi seburuk-buruk tempat kesudahan."(25)*

Mereka merombakkan perjanjian Allah yang dimeteraikan dengan fitrah mereka dalam bentuk undang-undang azali dan selepas itu mereka membatalkan segala perjanjian yang lain. Oleh itu apabila seseorang itu membatalkan perjanjian yang pertama, maka segala perjanjian yang lain yang ditegakkan di atasnya akan turut dibatalkan. Seorang yang tidak memelihara perjanjian Allah, tidak akan memelihara sebarang janji dan perjanjian yang lain. Mereka memutuskan segala apa yang diperintahkan Allah supaya disambungkannya dan melakukan kerosakan di bumi, iaitu bertentangan dengan sifat-sifat orang-orang yang berakal yang sabar, mendirikan solat, mengorbankan harta untuk kebajikan secara diam-diam dan secara terang-terangan, menolak perbuatan yang jahat dengan perbuatan yang baik. Semua amalan ini adalah bertentangan dengan perbuatan melakukan kerosakan di bumi, dan meninggalkan sesuatu dari semua amalan ini bererti menimbulkan kerosakan atau mendorong ke arah kerosakan.

أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمُ ٱللَّعْنَةُ

*"Merekalah orang-orang yang mendapat kutukan Allah."(25)*

Yakni orang-orang yang dijauh dan diusirkan dari rahmat Allah akan mendapat kutukan Allah. Pengusiran di sini dipasangkan dengan keraian dan penghormatan di sana:

وَلَهُمْ سُوٓءُ ٱلدَّارِ ﴿٢٥﴾

*"Dan akan memperolehi seburuk-buruk tempat kesudahan"(25)*

dan ia tidak perlu disebutkan kerana ia boleh diketahui dari lawannya di sana.

Mereka bergembira dengan kehidupan dunia dan dengan keni'matan-keni'matannya yang fana dan tidak lagi memasang cita-cita mereka kepada Akhirat dan ni'mat-ni'matnya yang kekal abadi, sedangkan Allah itulah yang menentukan rezeki mereka, Dialah yang meluas dan menyempitkan rezeki mereka. Segala urusan adalah terserah kepada iradat-Nya sama ada di dunia mahupun di Akhirat. Dan seandainya mereka mencari Akhirat, maka Allah tidak akan mengharamkan keni'matan dunia kepada mereka kerana Dialah yang mengurniakan keni'matan itu kepada mereka:

ٱللَّهُ يَبْسُطُ ٱلرِّزْقَ لِمَن يَشَآءُ وَيَقْدِرُ ۚ وَفَرِحُوا۟ بِٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا وَمَا ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَا فِى ٱلْءَاخِرَةِ إِلَّا مَتَٰعٌ ﴿٢٦﴾

*"Allahlah yang melapangkan rezeki dan menyempitkannya kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Mereka bergembira dengan kehidupan dunia, sedangkan kehidupan dunia itu dibandingkan dengan kehidupan Akhirat hanyalah sekelumit keni'matan."(26)*

* * * * * *

**(Pentafsiran ayat-ayat 27 - 32)**

Dahulu telah pun disebutkan tentang wujudnya perbezaan yang besar di antara orang yang mengetahui - bahawa segala apa yang diturunkan Allah kepada Rasul-Nya itulah yang benar - dengan orang yang buta. Kini ayat yang berikut mengisahkan

pula tentang kebutaan matahati orang-orang yang tidak nampak bukti-bukti kekuasaan Allah di alam buana ini dan tentang orang-orang yang merasa tidak cukup dengan mu'jizat Al-Qur'an lalu menuntut satu mu'jizat yang lain. Sebelum ini Al-Qur'an telah pun mengisahkan perkara yang seperti ini di bahagian pertama surah ini kemudian ia iringkan dengan sebuah pernyataan bahawa tugas Rasul itu hanya memberi amaran dan peringatan sahaja dan urusan mu'jizat-mu'jizat itu adalah urusan Allah. Sekarang Al-Qur'an mengisahkan perkara ini kemudian diiringkan dengan sebuah ulasan yang menerangkan punca-punca hidayat dan punca-punca kesesatan, di samping menayangkan gambaran hati yang tenang kerana mengingati Allah, iaitu hati yang tidak gelisah dan tidak menuntut mu'jizat-mu'jizat untuk beriman setelah mu'jizat Al-Qur'an terbentang di hadapannya. Mu'jizat Al-Qur'an mempunyai pengaruh dan kesan yang amat mendalam. Ia boleh menggoncangkan gunung-ganang, membelah bumi dan membuat orang yang mati boleh berbicara kerana isi kandungannya mempunyai kuasa, kekuatan, daya pendorong dan tenaga yang dinamis. Kemudian Al-Qur'an mengakhiri cerita orang-orang yang masih menuntut mu'jizat-mu'jizat yang lain dengan mematahkan harapan orang-orang Mu'min terhadap keimanan golongan ini dan menyuruh mereka supaya melihat contoh teladan dari akibat yang berlaku kepada umat-umat sebelum mereka dan melihat malapetaka yang menimpa para pendusta di sekeliling mereka dari satu masa ke satu masa:

وَيَقُولُ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ لَوْلَآ أُنزِلَ عَلَيْهِ ءَايَةٌ مِّن رَّبِّهِۦ ۚ قُلْ
إِنَّ ٱللَّهَ يُضِلُّ مَن يَشَآءُ وَيَهْدِىٓ إِلَيْهِ مَنْ أَنَابَ ﴿٢٧﴾
ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُم بِذِكْرِ ٱللَّهِ ۗ أَلَا بِذِكْرِ ٱللَّهِ
تَطْمَئِنُّ ٱلْقُلُوبُ ﴿٢٨﴾
ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ طُوبَىٰ لَهُمْ وَحُسْنُ
مَـَٔابٍ ﴿٢٩﴾
كَذَٰلِكَ أَرْسَلْنَٰكَ فِىٓ أُمَّةٍ قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِهَآ أُمَمٌ
لِّتَتْلُوَاْ عَلَيْهِمُ ٱلَّذِىٓ أَوْحَيْنَآ إِلَيْكَ وَهُمْ يَكْفُرُونَ
بِٱلرَّحْمَٰنِ ۚ قُلْ هُوَ رَبِّى لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ
وَإِلَيْهِ مَتَابِ ﴿٣٠﴾
وَلَوْ أَنَّ قُرْءَانًا سُيِّرَتْ بِهِ ٱلْجِبَالُ أَوْ قُطِّعَتْ بِهِ ٱلْأَرْضُ
أَوْ كُلِّمَ بِهِ ٱلْمَوْتَىٰ ۗ بَل لِّلَّهِ ٱلْأَمْرُ جَمِيعًا ۗ أَفَلَمْ يَاْيْـَٔسِ
ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَن لَّوْ يَشَآءُ ٱللَّهُ لَهَدَى ٱلنَّاسَ
جَمِيعًا ۗ وَلَا يَزَالُ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ تُصِيبُهُم بِمَا صَنَعُواْ
قَارِعَةٌ أَوْ تَحُلُّ قَرِيبًا مِّن دَارِهِمْ حَتَّىٰ يَأْتِىَ وَعْدُ ٱللَّهِ ۚ
إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُخْلِفُ ٱلْمِيعَادَ ﴿٣١﴾
وَلَقَدِ ٱسْتُهْزِئَ بِرُسُلٍ مِّن قَبْلِكَ فَأَمْلَيْتُ لِلَّذِينَ
كَفَرُواْ ثُمَّ أَخَذْتُهُمْ ۖ فَكَيْفَ كَانَ عِقَابِ ﴿٣٢﴾

*"Dan orang-orang kafir berkata: Mengapa tidak diturunkan kepadanya (Muhammad) suatu bukti (mu'jizat) dari Tuhannya? Katakanlah: Sesungguhnya Allah menyesatkan siapa yang dikehendaki-Nya dan memberi hidayat kepada siapa yang bertaubat kepada-Nya(27). Iaitu orang-orang yang beriman dan hati mereka tenteram dengan mengingati Allah. Ingatlah! Hanya dengan mengingati Allah hati menjadi tenang tenteram(28). Orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh akan memperolehi kebahagiaan dan tempat kembali yang baik(29). Demikianlah Kami telah mengutuskan engkau di kalangan satu umat yang telah berlalu sebelumnya beberapa umat yang lain supaya engkau membaca kepada mereka (Al-Qur'an) yang telah Kami wahyukan kepadamu, sedangkan mereka mengingkarkan Allah Yang Maha Penyayang. Katakanlah: Dialah Tuhanku dan tiada Tuhan yang lain melainkan hanya Dia, kepada-Nya aku bertawakkal dan kepada-Nya aku bertaubat(30). Dan sekiranya ada Qur'an yang dapat menggoncangkan gunung-ganang atau membelahkan bumi atau menjadikan orang-orang yang telah mati dapat bercakap, (maka itulah Al-Qur'anul-Karim), malah seluruh urusan terpulang kepada Allah. Apakah tidak (sampai masanya kepada) orang-orang yang beriman itu berputus asa (terhadap keimanan kaum Musyrikin). Sesungguhnya jika Allah kehendaki tentulah Dia memberi hidayat kepada semua manusia. Dan orang-orang yang kafir itu sentiasa ditimpa malapetaka kerana perbuatan mereka yang kufur itu atau malapetaka itu jatuh berhampiran dengan tempat tinggal mereka sehingga tibalah janji Allah. Sesungguhnya Allah tidak memungkiri janji-Nya(31). Dan sesungguhnya para rasul sebelummu juga pernah dipersenda-sendakan lalu Aku memberi tempoh kepada orang-orang yang kafir itu kemudian Aku binasakan mereka, maka bagaimanakah dahsyatnya 'azab keseksaan-Ku itu?"(32)*

Jawapan kepada permintaan mereka yang mahukan satu mu'jizat yang luar biasa itu ialah mu'jizat-mu'jizat itu sebenarnya bukanlah semestinya membawa manusia kepada keimanan, kerana keimanan itu mempunyai motif-motif yang semulajadi di dalam jiwa manusia. Ia mempunyai sebab-sebabnya yang membawa kepada keimanan dari hasil tindakan jiwa itu sendiri.

قُلْ إِنَّ ٱللَّهَ يُضِلُّ مَن يَشَآءُ وَيَهْدِىٓ إِلَيْهِ مَنْ أَنَابَ ﴿٢٧﴾

*"Katakanlah: Sesungguhnya Allah menyesatkan siapa yang dikehendaki-Nya dan memberi hidayat kepada siapa yang bertaubat kepada-Nya."(27)*

Yakni Allah memberi hidayat kepada orang-orang yang kembali atau bertaubat kepada-Nya. Jadi taubat kepada Allah itulah yang membuat mereka layak menerima hidayat-Nya. Di sini dapatlah difaham bahawa orang-orang yang tidak bertaubat kepada Allah adalah layak mendapat kesesatan. Justeru itulah Allah menyesatkan mereka. Ia (lebih dahulu) memerlukan adanya kesediaan hati untuk menerima hidayat dan adanya usaha untuk mencari Allah. Adapun hati-hati yang tidak mahu bergerak ke arah Allah, maka ia tetap jauh dari hidayat.

### *Perhubungan Dengan Allah Membawa Ketenteraman Jiwa*

Kemudian ayat yang berikut melukiskan gambaran hati orang-orang yang beriman yang amat halus, yang sentiasa berada di dalam suasana tenteram, mesra, senyum manis dan damai:

ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَتَطۡمَئِنُّ قُلُوبُهُم بِذِكۡرِ ٱللَّهِۗ

*"Iaitu orang-orang yang beriman dan hati mereka tenteram kerana mengingati Allah."(28)*

Yakni mereka merasa tenteram kerana hubungan mereka yang rapat dengan Allah, merasa mesra berada di samping-Nya dan merasa aman berada di bawah lindungan-Nya. Mereka merasa tenteram dari kegelisahan, keseorangan dan kebingungan di jalan kerana mereka memahami hikmat Allah menciptakan mereka, hikmat bermulanya hidup di dunia dan berakhirnya di Akhirat. Mereka merasa aman tenteram dengan perlindungan Allah dari segala pencerobohan, segala kemudharatan dan segala kejahatan kecuali apa yang dikehendaki Allah, serta mereka bersikap redha menerima ujian Allah dan bersabar dalam menghadapi kesusahan. Mereka merasa tenteram dengan rahmat Allah yang mengurniakan hidayat, rezeki dan perlindungan di dunia dan Akhirat:

*"Ingatlah! Hanya dengan mengingati Allah hati menjadi tenang tenteram."(28)*

Ketenteraman dengan mengingati Allah yang wujud di dalam hati orang-orang yang beriman itu merupakan satu hakikat yang amat mendalam, yang diketahui oleh mereka yang meni'mati kemanisan iman di dalam hati mereka dan membuat mereka sentiasa berhubung dengan Allah. Mereka mengetahui hakikat ini, tetapi mereka tidak berdaya mencari kata-kata untuk memindahkannya kepada orang lain yang belum mengetahuinya, kerana hakikat itu tidak boleh berpindah melalui kata-kata, malah ia meresap di dalam hati lalu membawa perasaan senang, selesa, rehat dan menimbulkan rasa ketenteraman dan kesejahteraan. Ia membuat seorang itu merasa tidak keseorangan di alam ini, kerana segala yang wujud di sekelilingnya adalah temannya belaka kerana segala-galanya itu dari ciptaan Allah yang menjadi penaung-Nya.

Tiada yang lebih malang di muka bumi dari orang-orang yang dinafikan dari ni'mat ketenteraman melalui hubungan mesra dengan Allah. Tiada yang lebih derita dan celaka dari orang-orang yang hidup terputus hubungan di bumi ini dengan segala sesuatu yang wujud di sekelilingnya di alam buana ini, kerana terputus dari tali keimanan yang kukuh yang menghubungkannya dengan segala sesuatu yang wujud di sekelilingnya yang menghubungkan dengan Allah Pencipta alam buana ini. Tiada yang lebih derita dan celaka dari orang yang hidup yang tidak mengetahui mengapa dia datang ke dunia? Mengapa dia akan hilang? Mengapa dia mengalami berbagai-bagai penderitaan di dunia ini? Tiada yang lebih malang dan lebih celaka dari orang yang berjalan di bumi ini dan merasa takut kepada segala sesuatu akibat kerana ia tidak merasa adanya hubungan yang halus di antaranya dengan segala sesuatu di alam buana ini. Tiada yang lebih malang dan derita dari orang yang berjalan seorang diri dan sesat di padang belantara, di mana ia terpaksa berusaha dan berjuang seorang diri tanpa sebarang penolong, penunjuk jalan dan pembantu.

Di sana ada detik-detik hidup yang tidak dapat dihadapi oleh seseorang melainkan apabila ia bergantung kepada Allah dan yakin kepada perlindungan-Nya, biarpun sebesar mana ia mempunyai kekuatan, ketabahan dan ketahanan. Di dalam hidup ini terdapat detik-detik yang dapat menghapuskan segala kekuatan dan ketabahan itu dan tiada siapa yang dapat menghadapinya kecuali orang-orang yang mempunyai keimanan dan keyakinan yang teguh terhadap Allah:

*"Ingatlah! Hanya dengan mengingati Allah hati menjadi tenang tenteram."(28)*

Orang-orang yang kembali atau bertaubat kepada Allah dan orang-orang yang meni'mati ketenteraman dan ketenangan kerana mengingati Allah akan dibalas dengan tempat kembali yang baik di sisi Allah sebagaimana mereka kembali dengan sebaik-baiknya kepada Allah dan mengerjakan amalan-amalan yang sebaik-baiknya di dalam kehidupan mereka:

ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ طُوبَىٰ لَهُمۡ وَحُسۡنُ مَـَٔابٖ ٢٩

*"Orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh akan memperolehi kebahagiaan dan tempat kembali yang baik."(29)*

Kata-kata "طوبى" bererti kebaikan dan kebahagiaan yang amat besar. "حسن مآب" tempat kembali yang baik kepada Allah (di Akhirat) setelah

mereka kembali kepada-Nya di dalam kehidupan dunia.

Adapun orang-orang yang terus menuntut mu'jizat yang lain, dan tidak merasa ketenteraman iman, mereka sentiasa berada di dalam kegelisahan mencari kejadian-kejadian luar biasa dan menuntut mu'jizat-mu'jizat (dari engkau (Muhammad), sedangkan engkau bukannya seorang Rasul pertama yang membawa kepada kaumnya wahyu Allah sebagaimana yang dibawa engkau hingga ia dipandang ganjil dan asing oleh mereka. Pada hal sebelum mereka terdapat berbagai-bagai umat yang telah didatangi para rasul yang terdahulu. Oleh itu jika mereka telah memilih kekufuran, maka teruskan sahaja perjuanganmu dan berserahlah kepada Allah:

### *Al-Qur'an Dan Ciri-ciri Kekuatannya Dan Keberkesanannya Yang Luar Biasa*

كَذَٰلِكَ أَرْسَلْنَٰكَ فِىٓ أُمَّةٍ قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِهَآ أُمَمٌ لِّتَتْلُوَا۟ عَلَيْهِمُ ٱلَّذِىٓ أَوْحَيْنَآ إِلَيْكَ وَهُمْ يَكْفُرُونَ بِٱلرَّحْمَٰنِ ۚ قُلْ هُوَ رَبِّى لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَإِلَيْهِ مَتَابِ ﴿٣٠﴾

*"Demikianlah, Kami telah mengutuskan engkau di kalangan satu umat yang telah berlalu sebelumnya beberapa umat yang lain supaya engkau membaca kepada mereka (Al-Qur'an) yang telah Kami wahyukan kepadamu, sedangkan mereka mengingkarkan Allah Yang Maha Penyayang. Katakanlah: Dialah Tuhanku dan tiada Tuhan yang lain melainkan hanya Dia, kepada-Nya aku bertawakkal dan kepada-Nya aku bertaubat."(30)*

Yang anehnya mereka mengingkarkan Allah Yang Maha Penyayang yang sentiasa mengurniakan rahmat yang besar dan memberi ketenteraman kepada hati yang mengingatiNya dan mencapai rahmat-Nya yang besar. Kewajipanmu (wahai Muhammad) ialah membaca segala ayat-ayat yang Kami wahyukan kepadamu dan untuk tugas inilah Aku mengutuskan engkau kepada mereka. Seandainya mereka terus kafir, maka umumkanlah kepada mereka bahawa engkau hanya bergantung kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan kembali kepada-Nya dan tidak akan bertawajjuh kepada yang lain dari-Nya,

Tujuan Kami utuskan engkau ialah supaya engkau membaca Al-Qur'an ini kepada mereka, iaitu sebuah Kitab yang amat menakjubkan, seandainya ada Qur'an yang boleh menggoncangkan gunung-ganang, membelahkan bumi dan menjadikan orang yang mati dapat bercakap, maka di dalam Al-Qur'an ini terdapat ciri-ciri dan kekuatan-kekuatan yang boleh melaksanakan mu'jizat-mu'jizat yang seperti ini, tetapi Al-Qur'an diturunkan untuk berbicara dengan para mukallaf dari makhluk-makhluk yang hidup dan seandainya orang-orang yang hidup ini tidak mahu menyambut da'wahnya, maka tibalah masa kepada orang-orang Mu'min berputus asa dari keimanan mereka dan membiarkan mereka dengan keadaan mereka sehingga tiba janji Allah terhadap para pendusta:

وَلَوْ أَنَّ قُرْءَانًا سُيِّرَتْ بِهِ ٱلْجِبَالُ أَوْ قُطِّعَتْ بِهِ ٱلْأَرْضُ أَوْ كُلِّمَ بِهِ ٱلْمَوْتَىٰ ۗ بَل لِّلَّهِ ٱلْأَمْرُ جَمِيعًا ۗ أَفَلَمْ يَا۟يْـَٔسِ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَن لَّوْ يَشَآءُ ٱللَّهُ لَهَدَى ٱلنَّاسَ جَمِيعًا ۗ وَلَا يَزَالُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ تُصِيبُهُم بِمَا صَنَعُوا۟ قَارِعَةٌ أَوْ تَحُلُّ قَرِيبًا مِّن دَارِهِمْ حَتَّىٰ يَأْتِىَ وَعْدُ ٱللَّهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُخْلِفُ ٱلْمِيعَادَ ﴿٣١﴾

*"Dan sekiranya ada Qur'an yang dapat menggoncangkan gunung-ganang atau membelahkan bumi atau menjadikan orang-orang yang telah mati dapat bercakap, (maka itulah Al-Qur'anul-Karim), malah seluruh urusan terpulang kepada Allah. Apakah tidak (sampai masanya kepada) orang-orang yang beriman itu berputus asa (terhadap keimanan kaum Musyrikin). Sesungguhnya jika Allah kehendaki tentulah Dia memberi hidayat kepada semua manusia. Dan orang-orang yang kafir itu sentiasa ditimpa malapetaka kerana perbuatan mereka yang kufur itu atau malapetaka itu jatuh berhampiran dengan tempat tinggal mereka sehingga tibalah janji Allah. Sesungguhnya Allah tidak memungkiri janji-Nya."(31)*

Sesungguhnya Al-Qur'an ini telah berjaya melahirkan kesan-kesan yang besar di dalam jiwa manusia yang menyambut da'wahnya dan menyesuaikan hidup mereka dengannya. Kesan-kesan itu lebih besar dari menggoncangkan gunung-ganang, membelah bumi dan menghidupkan orang yang mati. Al-Qur'an telah berjaya melahirkan di dalam jiwa para Mu'min mu'jizat-mu'jizat yang amat jauh kesan dan pengaruhnya di dalam destinasi hidup manusia, malah kesan dan pengaruhnya telah membawa perubahan kepada rupa bentuk bumi itu sendiri, kerana berapa banyak Islam dan kaum Muslim telah mengubahkan wajah bumi ini di samping mengubahkan wajah sejarah?

Tabi'at Al-Qur'an itu sendiri, iaitu tabi'at da'wahnya, tabi'at pengungkapannya. Tabi'at maudhu'nya, tabi'at penyampaiannya, tabi'at hakikatnya, tabi'at keberkesanan semuanya mengandungi satu kekuatan luar biasa, yang dapat dirasai oleh setiap orang yang mempunyai adirasa, wawasan dan daya kebolehan memahami isi percakapan. Ia dapat dirasai oleh setiap orang yang mempunyai kesediaan untuk memahami perintah-perintah Allah yang dituju dan disarankan kepadanya. Oleh itu orang-orang yang menyambut Al-Qur'an dan menyesuaikan hidup mereka dengannya dapat menggoncangkan sesuatu yang lebih besar dari gunung-ganang, kerana Al-Qur'an telah berjaya menggoncangkan sejarah umat-umat manusia dan generasi-generasinya. Ia telah berjaya membelah dan memotong sesuatu yang lebih keras dari bumi, iaitu ia telah berjaya membelah kejumudan

fikiran dan kebekuan adat resam yang lapuk. Ia telah berjaya menghidupkan sesuatu yang lebih kaku dari orang-orang yang mati, iaitu ia telah berjaya menghidup bangsa-bangsa yang mati, iaitu bangsa-bangsa yang dibunuh oleh kezaliman dan kepercayaan-kepercayaan yang karut marut. Sesungguhnya perubahan yang telah berlaku di dalam jiwa dan kehidupan umat Arab yang telah membawa mereka kepada satu perpindahan yang amat besar tanpa sebab-sebab zahir yang lain adalah berlaku dari pengaruh Al-Qur'an dan sistem tarbiyahnya yang meresap dalam jiwa dan kehidupan mereka. Perubahan ini adalah satu perubahan yang lebih besar dari perubahan gunung-ganang dari tapaknya yang kukuh dan dari perubahan bumi dari kejumudannya dan dari perubahan orang-orang bumi yang mati.

بَل لِّلَّهِ ٱلۡأَمۡرُ جَمِيعًاۗ

*"Malah seluruh urusan terpulang kepada Allah."(31)*

Yakni Allahlah yang memilih jenis pergerakan dan alat-alatnya di dalam segala keadaan.

Dan seandainya selepas diturunkan Al-Qur'an ini ada satu kaum yang mempunyai hati yang tidak dapat disedari dan digerakkan oleh Al-Qur'an, maka alangkah wajarnya bagi para Mu'min yang telah berusaha menyedarkan mereka supaya berputus asa sahaja dari keimanan mereka dan meninggalkan sahaja urusan itu kepada keputusan Allah. Sebenarnya jika Allah kehendaki nescaya Dia ciptakan seluruh manusia dengan persediaan yang sama yang membolehkan seluruh mereka menerima hidayat. Allah memang berkuasa memberi hidayat kepada semua manusia sebagaimana Dia memberi hidayat kepada seluruh malaikat jika Dia kehendaki, dan Dia juga memang berkuasa memaksa mereka menerima hidayat dengan undang-undang taqdir dari-Nya, tetapi kedua-duanya tidak dikehendaki oleh-Nya, kerana Allah menciptakan makhluk manusia untuk satu tugas yang istimewa yang diketahui-Nya, di mana manusia perlu dijadikan seperti keadaan yang ada ini.

Justeru itu tinggalkan sahaja orang-orang yang kafir itu kepada keputusan Allah. Seandainya Allah telah menetapkan untuk tidak membinasakan mereka secara menghapuskan generasi mereka sekaligus seperti yang telah berlaku kepada setengah-setengah kaum sebelum mereka, maka ia akan menimpa ke atas mereka malapetaka demi malapetaka yang mendatangkan kemudharatan dan kesusahan kepada mereka dan membinasakan mana-mana golongan yang telah ditetapkan kebinasaan mereka.

أَوۡ تَحُلُّ قَرِيبٗا مِّن دَارِهِمۡ

*"Atau malapetaka itu jatuh berhampiran dengan tempat tinggal mereka"(31)*

Lalu menimbulkan ketakutan kepada mereka dan membuat mereka berada dalam gelisah dan tertunggu-tunggu berulangnya malapetaka yang seperti itu, dan kadang-kadang malapetaka itu menyebabkan hati setengah-setengah mereka menjadi lembut, sedar dan hidup.

حَتَّىٰ يَأۡتِيَ وَعۡدُ ٱللَّهِۚ

*"Sehingga tibalah janji Allah."(31)*

Yakni janji yang diberikan Allah kepada mereka dan ditempohkan kepada mereka sehingga habis tempohnya.

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُخۡلِفُ ٱلۡمِيعَادَ ٣١

*"Sesungguhnya Allah tidak memungkiri janji-Nya."(31)*

Janji Allah tidak syak lagi akan tiba dan mereka tetap akan menghadapi janji itu. Berbagai-bagai contoh terbentang di hadapan mata dan pengajaran dapat diambil dari kisah-kisah umat-umat yang silam yang telah dibinasakan Allah setelah diberi tempoh kepada mereka:

وَلَقَدِ ٱسۡتُهۡزِئَ بِرُسُلٖ مِّن قَبۡلِكَ فَأَمۡلَيۡتُ لِلَّذِينَ كَفَرُواْ ثُمَّ أَخَذۡتُهُمۡۖ فَكَيۡفَ كَانَ عِقَابِ ٣٢

*"Dan sesungguhnya para rasul sebelummu juga pernah dipersenda-sendakan lalu Aku memberi tempoh kepada orang-orang yang kafir itu kemudian Aku binasakan mereka, maka bagaimanakah dahsyatnya 'azab keseksaan-Ku itu?"(32)*

Pernyataan ini tidak memerlukan jawapan kerana kedahsyatan balasan keseksaan itu telah menjadi buah mulut generasi-generasi manusia.

* * * * * *

**(Pentafsiran ayat-ayat 33 - 35)**

***Isu Tuhan-tuhan Palsu Yang Dijadikan Sekutu-sekutu Allah***

Persoalan yang kedua ialah persoalan-persoalan tuhan-tuhan palsu. Persoalan ini juga telah ditimbulkan di dalam bahagian pertama surah ini, dan di sini ia dibangkitkan sekali lagi dalam bentuk-pertanyaan ejekan apabila tuhan-tuhan palsu itu dibandingkan dengan Allah Yang Berkuasa yang mengawasi setiap individu dan membalas segala perbuatan yang dilakukan mereka di dalam kehidupan dunia. Penjelajahan ini diakhiri dengan menayangkan gambaran 'azab dunia yang mengancam orang-orang yang mengadakan pembohongan dan gambaran 'azab Akhirat yang lebih besar lagi. Balasan ini adalah berlawanan dengan balasan keamanan dan kesejahteraan yang menunggu para Muttaqin!

أَفَمَنۡ هُوَ قَآئِمٌ عَلَىٰ كُلِّ نَفۡسِۢ بِمَا كَسَبَتۡۗ وَجَعَلُواْ لِلَّهِ شُرَكَآءَ قُلۡ سَمُّوهُمۡۚ أَمۡ تُنَبِّـُٔونَهُۥ بِمَا لَا يَعۡلَمُ فِي ٱلۡأَرۡضِ

أَمْ بِظَاهِرٍ مِّنَ الْقَوْلِ ۗ بَلْ زُيِّنَ لِلَّذِينَ كَفَرُوا مَكْرُهُمْ وَصُدُّوا عَنِ السَّبِيلِ ۗ وَمَن يُضْلِلِ اللَّهُ فَمَا لَهُ مِنْ هَادٍ ﴿٣٣﴾ لَّهُمْ عَذَابٌ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا ۖ وَلَعَذَابُ الْآخِرَةِ أَشَقُّ ۖ وَمَا لَهُم مِّنَ اللَّهِ مِن وَاقٍ ﴿٣٤﴾ مَّثَلُ الْجَنَّةِ الَّتِي وُعِدَ الْمُتَّقُونَ ۖ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ ۖ أُكُلُهَا دَائِمٌ وَظِلُّهَا ۚ تِلْكَ عُقْبَى الَّذِينَ اتَّقَوا ۖ وَّعُقْبَى الْكَافِرِينَ النَّارُ ﴿٣٥﴾

*"Siapakah yang mengawasi setiap individu terhadap apa yang dilakukannya? Dan mereka mengadakan berbagai-bagai sekutu kepada Allah. Katakanlah: Sebutkanlah nama mereka atau apakah kamu hendak memberitahu kepada Allah sesuatu yang tidak diketahui-Nya di bumi ini atau (kamu mendakwanya) dengan cakap-cakap yang dangkal sahaja, malah orang-orang kafir itu telah dipesonakan oleh tipu daya mereka sendiri dan mereka telah dihalangkan dari jalan Allah dan barang siapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang dapat memberi hidayat kepadanya(33). Mereka mendapat 'azab dalam kehidupan dunia, dan sesungguhnya 'azab Akhirat itu lebih dahsyat lagi dan mereka tidak akan mendapat sesiapa pun yang akan menjadi pelindung mereka dari 'azab Allah(34). Sifat Syurga yang dijanjikan kepada orang-orang yang bertaqwa ialah (taman-taman) yang mengalir di bawahnya aneka sungai, buah-buahannya sentiasa mewah dan bayang-bayangnya sentiasa teduh. Itulah tempat kesudahan orang-orang yang bertaqwa, sedangkan tempat kesudahan orang-orang yang kafir pula ialah api Neraka."(35)*

Yakni Allah S.W.T. mengawasi setiap individu dan menguasainya dalam segala keadaan. Dia mengetahui segala perbuatan yang telah dilakukannya sama ada secara diam-diam atau secara terang-terang. Di sini pengungkapan Al-Qur'an menonjolkan aspek pengawasan dan penguasaan Allah dengan gambaran yang hidup - mengikut methodologi Al-Qur'an - iaitu gambaran yang membuat bulu-bulu roma meremang dan seram:

أَفَمَنْ هُوَ قَائِمٌ عَلَىٰ كُلِّ نَفْسٍ بِمَا كَسَبَتْ ۗ

*"Siapakah yang mengawasi setiap individu terhadap apa yang dilakukannya?"(33)*

Lantaran itu setiap individu hendaklah berfikir bahawa dia sentiasa dijaga, dikawal, diawasi dan segala perbuatan yang dilakukannya dihisab dan siapakah yang mengawasinya? Tiada pengawas yang lain melainkan Allah. Siapakah yang tidak merasa seram dengan gambaran Al-Qur'an yang benar ini? Al-Qur'an membesarkan gambaran ini supaya mudah difaham oleh manusia yang lebih mudah tertarik dengan gambaran-gambaran yang Nyata dari gambaran-gambaran yang abstrak.

Jika begitulah hakikatnya, mengapakah pula mereka mengadakan sekutu-sekutu bagi Allah? Di sini nampak jelas bahawa perbuatan mereka itu amat keji dan ganjil apabila dilihat dalam suasana pemandangan yang jelas dan menakutkan ini.

وَجَعَلُوا لِلَّهِ شُرَكَاءَ

*"Dan mereka mengadakan berbagai-bagai sekutu kepada Allah."(33)*

Yakni mengadakan sekutu-sekutu kepada Allah yang mengawasi segala perbuatan setiap individu dengan pengawasan ketat yang tidak dapat dielakkan darinya.

قُلْ سَمُّوهُمْ ۚ

*"Katakanlah! Sebutkanlah nama mereka."(33)*

Kerana mereka adalah tuhan-tuhan palsu yang tidak terkenal dan tidak diketahui, mereka mungkin mempunyai nama-nama. Tetapi ayat ini meletakkan tuhan-tuhan palsu itu pada darjat makhluk-makhluk yang tidak terkenal dan tidak diketahui nama-nama mereka.

أَمْ تُنَبِّئُونَهُ بِمَا لَا يَعْلَمُ فِي الْأَرْضِ

*"Atau apakah kamu hendak memberitahu kepada Allah sesuatu yang tidak diketahui-Nya di bumi ini?"(33)*

Alangkah tajamnya kecaman ini! Apakah kamu wahai manusia lebih mengetahui dari Allah? Apakah kamu mengetahui adanya tuhan-tuhan yang lain yang terluput dari ilmu Allah? Inilah dakwaan yang tidak sanggup difikirkan oleh mereka, namun demikian mereka terus membuat dakwaan itu dengan lidah keadaan mereka apabila Allah menjelaskan bahawa di sana tidak ada tuhan-tuhan yang lain melainkan Dia. Mereka terus mengatakan ada tuhan-tuhan yang lain walaupun telah dinafikan oleh Allah.

أَم بِظَاهِرٍ مِّنَ الْقَوْلِ ۗ

*"Atau (kamu mendakwanya) dengan cakap-cakap yang dangkal sahaja."(33)*

Yakni kamu mendakwa adanya tuhan-tuhan yang lain dengan kata-kata yang mendatar sahaja tanpa mengandungi sesuatu tujuan dan pengertian? Adakah persoalan ketuhanan suatu persoalan yang remeh-temeh atau main-mainan sahaja hingga dibicarakan orang, dengan kata-kata dangkal (yang tidak bererti).

Kemudian kecaman ini diakhiri dengan sebuah pernyataan yang serius dan tegas.

بَلْ زُيِّنَ لِلَّذِينَ كَفَرُوا مَكْرُهُمْ وَصُدُّوا عَنِ السَّبِيلِ ۗ وَمَن يُضْلِلِ اللَّهُ فَمَا لَهُ مِنْ هَادٍ ﴿٣٣﴾

*"Malah orang-orang kafir itu telah dipesonakan oleh tipu daya mereka sendiri dan mereka telah dihalangkan dari jalan*

*Allah dan barang siapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang dapat memberi hidayat kepadanya."(33)*

Yang menjadi masalah yang sebenar di sini ialah mereka mengingkar dan menyembunyikan dalil-dalil iman dari diri mereka sendiri atau mereka melindungkan diri mereka dari dalil-dalil hidayat, justeru itulah mereka wajar menerima tindakan Sunnatullah. Nafsu mereka menggambarkan kepada mereka bahawa mereka sentiasa berada di atas kebenaran dan bahawa tipu daya dan rancangan-rancangan jahat mereka terhadap da'wah itu adalah elok belaka. Sikap inilah yang sebenarnya telah menghalangi mereka dari jalan yang lurus yang menyampaikan mereka kepada Allah, dan sikap inilah yang membuat Sunnatullah bertindak menyesatkan mereka kerana mereka memilih jalan yang sesat dan tiada siapa pun lagi yang dapat menyelamatkannya. Sunnatullah tidak akan berhenti bertindak ke atas para hamba-Nya apabila cukup dengan sebab-sebabnya yang wajar.

Kesudahan yang sesuai dengan hati-hati yang sesat ini ialah balasan 'azab:

لَّهُمْ عَذَابٌ فِي الْحَيَوٰةِ الدُّنْيَا

*"Mereka mendapat 'azab dalam kehidupan dunia."(34)*

Jika malapetaka itu menimpa mereka atau menimpa berhampiran dengan tempat kediaman mereka, maka itulah 'azab dalam bentuk ketakutan, kegelisahan dan menunggu-nunggu berlakunya bala. Dan jika mereka tidak ditimpa malapetaka, maka mereka akan menerima 'azab dalam bentuk kekeringan hati dari kemanisan iman dan 'azab dalam bentuk keresahan hati yang tidak meni'mati ketenteraman iman. Menghadapi segala peristiwa tanpa memahami hikmat yang agung di sebalik peristiwa-peristiwa itu juga merupakan satu bentuk 'azab.

وَلَعَذَابُ الْآخِرَةِ أَشَقُّ

*"Dan sesungguhnya 'azab Akhirat itu lebih dahsyat lagi."(34)*

Sebutan 'azab dalam ayat ini ditinggalkan begitu sahaja tanpa ditentukan huraiannya untuk memberi peluang kepada daya khayal menggambarkannya dengan luas tanpa batas.

وَمَا لَهُم مِّنَ اللَّهِ مِن وَاقٍ ﴿٣٤﴾

*"Dan mereka tidak akan mendapat sesiapa pun yang akan menjadi pelindung mereka dari 'azab Allah."(34)*

Yakni pelindung yang dapat menyelamatkan mereka dari tindakan dan 'azab Allah. Mereka sentiasa terdedah - tanpa sebarang perlindungan - dari ditimpakan 'azab seksa.

Sementara di tebing sebelah lagi kelihatan golongan para Muttaqin iaitu lawan golongan yang tidak mendapat perlindungan dari 'azab Allah. Golongan para Muttaqin ialah orang-orang yang melindungkan diri mereka dengan keimanan dan amalan yang soleh. Oleh kerana itulah mereka terselamat dari 'azab, malah di samping keselamatan mereka memperolehi Syurga yang dijanjikan kepada mereka:

مَّثَلُ الْجَنَّةِ الَّتِي وُعِدَ الْمُتَّقُونَ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ أُكُلُهَا دَائِمٌ وَظِلُّهَا

*"Sifat Syurga yang dijanjikan kepada orang-orang yang bertaqwa ialah (taman-taman) yang mengalir di bawahnya aneka sungai, buah-buahannya sentiasa mewah dan bayang-bayangnya sentiasa teduh."(35)*

Itulah keni'matan dan kerehatan yang sempurna. Pemandangan buah-buahan yang sentiasa mewah dan bayang-bayang yang sentiasa teduh itu memberi ketenteraman dan kerehatan kepada hati. Inilah balasan yang berlawanan dengan balasan 'azab seksa yang terdapat di sana.

Itulah balasan 'azab seksa dan balasan ni'mat Syurga yang sesuai dengan kedua-dua golongan manusia itu:

تِلْكَ عُقْبَى الَّذِينَ اتَّقَوا وَّعُقْبَى الْكَافِرِينَ النَّارُ ﴿٣٥﴾

*"Itulah tempat kesudahan orang-orang yang bertaqwa, sedangkan tempat kesudahan orang-orang yang kafir pula ialah api Neraka."(35)*

* * * * * *

### (Pentafsiran ayat-ayat 36 - 40)

#### *Sikap Ahlil-Kitab Terhadap Al-Qur'an Dan Rasulullah*

Ayat-ayat yang berikut memperkatakan tentang persoalan wahyu dan persoalan tauhid. Ia menyebut pendirian Ahlil-Kitab terhadap Al-Qur'an dan Rasulullah s.a.w., dan seterusnya menjelaskan kepada beliau bahawa segala apa yang diturunkan kepadanya itulah keputusan yang muktamad mengenai perkara-perkara yang disebut dalam kitab-kitab suci sebelum Al-Qur'an. Oleh itu Al-Qur'anlah yang menjadi kitab rujukan terakhir, di mana Allah menetapkan peraturan-peraturan agama yang dikehendaki-Nya, iaitu peraturan-peraturan agama-Nya yang dibawa oleh sekalian Rasul, dan menghapuskan mana-mana peraturan yang dikehendaki-Nya kerana pemakaiannya tidak lagi mempunyai apa-apa hikmat. Justeru itu beliau hendaklah berpegang dengan peraturan-peraturan yang diturunkan kepadanya dan janganlah mengikut kehendak hawa nafsu Ahlil-Kitab sama ada dalam perkara kecil atau besar. Adapun orang-orang yang menuntut dari beliau supaya menunjukkan suatu mu'jizat yang lain, maka (katakanlah kepada mereka) bahawa mu'jizat-mu'jizat itu adalah bergantung kepada kehendak dan keizinan Allah, sedangkan tugas seseorang Rasul hanya menyampai sahaja.

وَالَّذِينَ آتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ يَفْرَحُونَ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ

وَمِنَ ٱلْأَحْزَابِ مَن يُنكِرُ بَعْضَهُۥ ۚ قُلْ إِنَّمَآ أُمِرْتُ أَنْ أَعْبُدَ ٱللَّهَ وَلَآ أُشْرِكَ بِهِۦٓ ۚ إِلَيْهِ أَدْعُوا۟ وَإِلَيْهِ مَـَٔابِ ﴿٣٦﴾

وَكَذَٰلِكَ أَنزَلْنَٰهُ حُكْمًا عَرَبِيًّا ۚ وَلَئِنِ ٱتَّبَعْتَ أَهْوَآءَهُم بَعْدَ مَا جَآءَكَ مِنَ ٱلْعِلْمِ مَا لَكَ مِنَ ٱللَّهِ مِن وَلِىٍّ وَلَا وَاقٍ ﴿٣٧﴾

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلًا مِّن قَبْلِكَ وَجَعَلْنَا لَهُمْ أَزْوَٰجًا وَذُرِّيَّةً ۚ وَمَا كَانَ لِرَسُولٍ أَن يَأْتِىَ بِـَٔايَةٍ إِلَّا بِإِذْنِ ٱللَّهِ ۗ لِكُلِّ أَجَلٍ كِتَابٌ ﴿٣٨﴾

يَمْحُوا۟ ٱللَّهُ مَا يَشَآءُ وَيُثْبِتُ ۖ وَعِندَهُۥٓ أُمُّ ٱلْكِتَٰبِ ﴿٣٩﴾
وَإِن مَّا نُرِيَنَّكَ بَعْضَ ٱلَّذِى نَعِدُهُمْ أَوْ نَتَوَفَّيَنَّكَ فَإِنَّمَا عَلَيْكَ ٱلْبَلَٰغُ وَعَلَيْنَا ٱلْحِسَابُ ﴿٤٠﴾

*"Dan orang-orang yang telah Kami kurniakan kitab kepada mereka adalah bergembira dengan wahyu yang telah diturunkan kepadamu (Muhammad) dari Tuhanmu, dan di antara golongan-golongan (Ahlil-Kitab dan Musyrikin) ada yang mengingkari sebahagian darinya. Katakanlah: Sesungguhnya aku diperintah menyembah Allah dan jangan mempersekutukan-Nya. Kepada Allah aku berseru dan kepada-Nya aku kembali(36). Dan demikianlah Kami turunkan Al-Qur'an sebagai hukum-hukum (Allah) di dalam bahasa Arab, dan jika engkau (Muhammad) mengikut kehendak hawa nafsu mereka setelah datang kepadamu pengetahuan yang benar (dari Allah), maka tiada lagi penolong dan pelindung (yang dapat menyelamatkan engkau) dari 'azab Allah(37). Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan rasul-rasul sebelum engkau (Muhammad) dan Kami jadikan untuk mereka isteri-isteri dan zuriat keturunan, dan tiada sebarang kuasa bagi seorang Rasul untuk mengadakan sesuatu mu'jizat melainkan dengan keizinan Allah. Bagi setiap zaman diturunkan kitab yang tertentu(38). Allah menghapus dan menetapkan hukum-hukum yang dikehendaki-Nya, dan di sisi-Nya tersimpan kitab induk(39). Sama ada Kami memperlihatkan kepadamu (wahai Muhammad) sebahagian dari 'azab yang Kami janjikan untuk mereka (orang kafir) atau Kami wafatkanmu sebelum melihatnya, (maka itu bukan urusanmu) kerana sesungguhnya tugasmu ialah menyampaikan da'wah dan tugas Kami ialah menjalankan hisab(40).*

Golongan Ahlil-Kitab yang benar-benar berpegang dengan agamanya akan mendapati di dalam Al-Qur'an keterangan-keterangan yang mengesah dan membenarkan dasar-dasar asasi 'aqidah tauhid, di samping keterangan-keterangan yang mengakui agama-agama dan kitab-kitab suci sebelumnya dengan penuh penghormatan, juga mengakui konsep tali hubungan yang sama yang mengikat seluruh orang-orang yang beriman kepada Allah. Justeru itu seluruh mereka bergembira dan beriman. Pernyataan perasaan gembira di sini merupakan satu keadaan kejiwaan yang sebenar yang dirasai oleh hati Ahlil-Kitab yang jernih bersih, iaitu perasaan gembira kerana dapat bertemu di atas landasan kebenaran dan kerana bertambahnya keyakinan terhadap kebenaran yang dipegang mereka dan kerana mendapat sokongan dan pengesahan kitab suci yang baru Al-Qur'an terhadap pegangan mereka.

وَمِنَ ٱلْأَحْزَابِ مَن يُنكِرُ بَعْضَهُۥ

*"Dan di antara golongan-golongan (Ahlil-Kitab dan Musyrikin) ada yang mengingkari sebahagian darinya."(36)*

Ayat ini tidak menyebut bahagian yang diingkarkan oleh setengah-setengah golongan Ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin itu, kerana tujuan di sini hanya menyebut keingkaran itu sahaja untuk dijawab (dengan ayat berikut):

قُلْ إِنَّمَآ أُمِرْتُ أَنْ أَعْبُدَ ٱللَّهَ وَلَآ أُشْرِكَ بِهِۦٓ ۚ إِلَيْهِ أَدْعُوا۟ وَإِلَيْهِ مَـَٔابِ ﴿٣٦﴾

*"Katakanlah: Sesungguhnya aku diperintah menyembah Allah dan jangan mempersekutukan-Nya. Kepada Allah aku berseru dan kepada-Nya juga aku kembali."(36)*

Yakni ibadat itu hanya untuk Allah Yang Maha Esa sahaja dan da'wah itu hanya kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan titik kembali itu hanya kepada Allah Yang Maha Esa sahaja.

Allah memerintah Rasulullah s.a.w. supaya mengumumkan cara pegangannya dalam menghadapi mereka yang mengingkarkan setengah-setengah kandungan Al-Qur'an, iaitu beliau tetap berpegang sepenuhnya dengan seluruh Al-Qur'an yang telah diturunkan Allah kepadanya sama ada Ahlil-Kitab bergembira menyambut seluruh Al-Qur'an itu atau di sana terdapat ada segolongan dari mereka yang menolak sebahagiannya. Ini berdasarkan kepada hakikat bahawa Al-Qur'an yang diturunkan Allah kepada beliau itu merupakan sebagai hukum Allah yang terakhir mengenai 'aqidah. Ia diturunkan dengan bahasa Arab yang dapat difahami beliau sepenuhnya dan dijadikannya sebagai kitab rujukan kerana ia merupakan hukum Allah yang terakhir mengenai 'aqidah:

وَكَذَٰلِكَ أَنزَلْنَٰهُ حُكْمًا عَرَبِيًّا ۚ

*"Dan demikianlah Kami turunkan Al-Qur'an sebagai hukum-hukum (Allah) di dalam bahasa Arab."(37)*

وَلَئِنِ ٱتَّبَعْتَ أَهْوَآءَهُم بَعْدَ مَا جَآءَكَ مِنَ ٱلْعِلْمِ مَا لَكَ مِنَ ٱللَّهِ مِن وَلِىٍّ وَلَا وَاقٍ ﴿٣٧﴾

*"Dan jika engkau (Muhammad) mengikut kehendak hawa nafsu mereka setelah datang kepadamu pengetahuan yang benar (dari Allah), maka tiada lagi penolong dan pelindung (yang dapat menyelamatkan engkau) dari 'azab Allah."(37)*

Ilmu pengetahuan yang datang kepadamu itu adalah ilmu pengetahuan yang diyakin kebenarannya, sedangkan pendapat yang dikatakan oleh golongan-golongan (Ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin) adalah pendapat-pendapat hawa nafsu yang tidak berasaskan ilmu pengetahuan dan keyakinan. Ugutan yang dihadapkan Allah kepada Rasulullah s.a.w. ini merupakan satu penjelasan yang lebih berkesan untuk menjelaskan hakikat ini yang menyarankan tiada tolak ansur terhadap sebarang penyelewengan walaupun dari Rasul sendiri. Amatlah jauh kemungkinan beliau berbuat begitu!

Andainya di sana ada bangkangan terhadap konsep rasul dari jenis manusia, maka seluruh rasul yang silam adalah manusia belaka:

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلًا مِّن قَبْلِكَ وَجَعَلْنَا لَهُمْ أَزْوَاجًا وَذُرِّيَّةً

*"Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan rasul-rasul sebelum engkau (Muhammad) dan Kami jadikan untuk mereka isteri-isteri dan zuriat keturunan."(38)*

Seandainya bantahan itu kerana beliau tidak membawa satu mu'jizat kebendaan yang lain, maka perkara itu bukanlah dari urusannya, malah ia adalah dari urusan Allah:

وَمَا كَانَ لِرَسُولٍ أَن يَأْتِيَ بِآيَةٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ

*"Dan tiada sebarang kuasa bagi seorang Rasul untuk mengadakan sesuatu mu'jizat melainkan dengan keizinan Allah."(38)*

Yakni mengikut kehendak kebijaksanaan-Nya dan mengikut masa yang dikehedaki-Nya.

Seandainya di sana terdapat kelainan atau perbezaan perincian di antara Al-Qur'an yang diturunkan kepada Rasulullah dengan kitab-kitab suci yang diturunkan kepada Ahlil-Kitab, (maka kelainan itu merupakan satu perkara biasa sahaja) kerana setiap zaman diturunkan (kitab suci yang sesuai dengannya) dan kitab suci Al-Qur'an ini merupakan kitab suci yang terakhir:

لِكُلِّ أَجَلٍ كِتَابٌ ﴿٣٨﴾

*"Bagi setiap zaman itu diturunkan kitab yang tertentu."(38)*

يَمْحُو اللَّهُ مَا يَشَاءُ وَيُثْبِتُ ۖ وَعِندَهُ أُمُّ الْكِتَابِ ﴿٣٩﴾

*"Allah menghapus dan menetapkan hukum-hukum yang dikehendaki-Nya dan disisi-Nya tersimpan kitab induk."(39)*

Yakni Allah menghapuskan mana-mana hukum yang tidak bijak lagi dipakai dan menetapkan mana-mana hukum yang berguna dan di sisi Allah tersimpan kitab induk yang mengandungi catatan hukum-hukum yang telah ditetap dan dihapuskan-Nya. Dari Allah terbitnya segala kitab suci. Dialah yang mengendali dan menguruskannya mengikut kebijaksanaan-Nya dan tiada siapa yang berkuasa menolak masyi'ah-Nya dan membuat bantahan terhadap-Nya.

Sama ada Allah menyeksakan orang-orang yang kafir itu semasa hayat Rasulullah s.a.w. atau Allah wafatkan beliau kembali kepada-Nya sebelum itu, maka itu tidak mengubahkan persoalan ini sedikit pun dan tidak pula mengubahkan sifat kerasulan dan sifat ketuhanan:

وَإِن مَّا نُرِيَنَّكَ بَعْضَ الَّذِي نَعِدُهُمْ أَوْ نَتَوَفَّيَنَّكَ فَإِنَّمَا عَلَيْكَ الْبَلَاغُ وَعَلَيْنَا الْحِسَابُ ﴿٤٠﴾

*"Sama ada Kami memperlihatkan kepadamu (wahai Muhammad) sebahagian dari 'azab yang Kami janjikan untuk mereka (orang kafir) atau Kami wafatkanmu sebelum melihatnya, (maka itu bukan urusanmu) kerana sesungguhnya tugasmu ialah menyampaikan da'wah dan tugas Kami ialah menjalankan hisab."(40)*

Di dalam arahan yang tegas ini diterangkan tabi'at da'wah dan tabi'at para penda'wah, iaitu tugas penda'wah-penda'wah kepada Allah itu ialah menyampaikan segala komitmen-komitmen da'wah di dalam segala peringkat perkembangannya. Tugas mereka hanyalah menyampaikan da'wah yang dikehendaki Allah sahaja. Mereka tidak berhak menggesa agar dipercepatkan langkah-langkah da'wah dan tidak wajar merasa kecewa dan hampa seandainya mereka melihat takdir Allah melambatkan mereka dari mencapai kemenangan dan mendapat kedudukan yang kukuh di bumi, kerana mereka hanya para penda'wah dan tiada lain melainkan hanya para penda'wah sahaja.

**(Pentafsiran ayat-ayat 41 - 42)**

***Tindakan Sunnatullah Terhadap Negeri-negeri Yang Besar***

Kekuasaan Allah yang amat kuat dapat dilihat kesan-kesannya yang jelas di sekeliling mereka. Ia menyerang umat-umat yang kuat dan kaya apabila umat-umat ini bertindak liar, kafir dan melakukan kerosakan di bumi. Ia mengurangkan kekuatan mereka dan mengurangkan wilayah-wilayah bumi pesaka mereka di samping mengurangkan kedudukan mereka. Ia menjadikan mereka hanya hidup dalam satu kawasan negeri yang kecil, sedangkan sebelum ini mereka merupakan kuasa-kuasa besar yang mempunyai takluk jajahan yang luas. Kini Allah telah menghukum mereka menjadi negeri yang kecil dan tiada siapa yang boleh membantah keputusan-Nya

kerana setiap keputusan-Nya pasti lulus dan berkuatkuasa.[4]

أَوَلَمْ يَرَوْا أَنَّا نَأْتِي الْأَرْضَ نَنقُصُهَا مِنْ أَطْرَافِهَا ۚ وَاللَّهُ يَحْكُمُ لَا مُعَقِّبَ لِحُكْمِهِ ۚ وَهُوَ سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿٤١﴾

*"Apakah tidak mereka melihat bahawa Kami menyerang negeri (orang-orang kafir) lalu Kami kurangkan daerah-daerah perbatasannya (sedikit demi sedikit). Allahlah yang menentukan keputusan hukum dan tiada siapa yang boleh menolak keputusan-Nya, dan Dialah yang amat cepat menjalankan hisab."(41)*

Mereka bukannya lebih pintar dalam mengatur tipu daya dan rancangan-rancangan jahat mereka dari umat-umat yang terdahulu. Justeru itu Allah bertindak membalas tipu daya mereka dan Allah mengaturkan tadbir-Nya dengan sebijak-bijaknya dan dengan sehebat-hebatnya:

وَقَدْ مَكَرَ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ فَلِلَّهِ الْمَكْرُ جَمِيعًا ۖ يَعْلَمُ مَا تَكْسِبُ كُلُّ نَفْسٍ ۗ وَسَيَعْلَمُ الْكُفَّارُ لِمَنْ عُقْبَى الدَّارِ ﴿٤٢﴾

*"Sesungguhnya orang-orang (kafir) sebelum mereka juga pernah mengaturkan rancangan jahat mereka, tetapi semua tipu daya itu adalah dalam kekuasaan Allah. Dia mengetahui apa sahaja yang dilakukan oleh seseorang dan orang-orang kafir akan mengetahui untuk siapakah tempat kesudahan yang baik itu."(42)*

Kemudian surah ini ditamatkan dengan sebuah penceritaan yang menjelaskan keingkaran orang-orang kafir terhadap kerasulan sebagaimana di permulaan surah. Ia mulakan dengan pernyataan yang membenarkan kerasulan. Di sini bertautlah awal surah dengan akhir surah. Di sini ia menjadikan Allah sebagai saksi dan cukuplah apabila Allah sendiri menjadi saksi kerana Dialah yang mempunyai ilmu yang lengkap dan sempurna tentang Al-Qur'an dan segala kitab suci yang lain:

وَيَقُولُ الَّذِينَ كَفَرُوا لَسْتَ مُرْسَلًا ۚ قُلْ كَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا بَيْنِي وَبَيْنَكُمْ وَمَنْ عِندَهُ عِلْمُ الْكِتَابِ ﴿٤٣﴾

*"Dan orang-orang yang kafir itu berkata: 'Engkau bukanlah seorang Rasul. Katakanlah (kepada mereka): Cukuplah Allah sendiri menjadi saksi di antaraku dengan kamu, juga mereka yang mempunyai ilmu al-kitab."(43)*[5]

Di sini berakhirlah surah ini setelah membawa hati manusia menjelajah di merata pelosok alam dan di pendalaman-pendalaman jiwa dan setelah melepaskan nada-nadanya yang meninggalkan kesan-kesan yang amat mendalam. Surah ini pada akhirnya yang yang meninggalkan kesan-kesan yang amat mendalam. Surah ini pada akhirnya meninggalkan hati kepada pengakuan Allah, yang pernah disebut pada awal surah. Itulah pengakuan di awal dan di akhir yang menamatkan segala perdebatan dan pembicaraan.

* * * * * *

### *Garis-garis Pokok 'Aqidah Islamiyah Dalam Surah Ini*

Kemudian di dalam surah ini terdapat garis-garis pokok 'aqidah Islamiyah dan cara Al-Qur'an membentangkan 'aqidah ini. Sepatutnya garis-garis pokok ini dibicarakan di tempatnya masing-masing jika tidak kerana kami memilih tidak mahu memutuskan aliran penjelasan ayat-ayat Al-Qur'an di dalam surah ini dengan hentian-hentian untuk membicarakan garisan-garisan itu. Oleh itu Kami tinggalkan pembicaraan-pembicaraannya di akhir surah ini supaya dapat kami memperkatakannya dengan perlahan-lahan.

Kami telah pun menyentuh garis-garis pokok ini secara sepintas lalu ketika menghuraikan ayat-ayat surah ini. Oleh itu kini kami harap dapat membicarakannya lebih panjang sekadar yang mampu.

Kepada Allah kami pohon pertolongan.

* * * * * *

Pembukaan surah dan isi maudhu' yang dibicarakan-nya serta berbagai-bagai arahan yang termuat di dalamnya adalah semuanya menunjukkan dengan jelas bahawa surah ini adalah Surah Makkiyah dan bukannya Madaniyah seperti yang disebut oleh setengah-setengah riwayat dan mushaf, juga menunjukkan bahawa surah ini adalah diturunkan di suatu masa, di mana memuncaknya penolakan, pembohongan dan cabaran dari kaum Musyrikin, di samping banyaknya cabaran-cabaran yang meminta

---

[4] *Inilah pengertian yang wajar bagi ayat ini bukannya seperti pengertian sewenang-wenang yang dibuat oleh orang-orang yang mendakwa mentafsirkan Al-Qur'an mengikut kajian sains, iaitu mereka mengatakan bahawa pengertian ini bertujuan menunjukkan kawasan kawasan bumi yang kurang di bahagian dua kutub utara dan selatan dan kawasan yang lekuk di garisan khatulistiwa dan sebagainya dari cakap-cakap yang kosong. Sebenarnya konteks penjelasan ayat Al-Qur'an itu sendiri menentukan maksud-maksud ungkapan-ungkapan yang terdapat padanya. Oleh sebab itulah orang-orang yang melakukan pentafsiran yang sewenang-wenang di bidang ini hendaklah merasa takut kepada Allah dan janganlah membuat pentafsiran tanpa memahami tabi'at Al-Qur'an dengan jelas dan teliti.*

[5] *Setengah-setengah riwayat dalam tafsir yang ma'thur menyebut bahawa maksud dengan firman Allah "*ومن عنده علم الكتاب*" (mereka yang mempunyai ilmu al-kitab) itu pengakuan-pengakuan dari Ahlil-Kitab yang beriman bahawa Al-Qur'an itu benar. Ini berdasarkan kepada ayat yang terdahulu di dalam surah ini iaitu: "Dan orang-orang yang telah Kami kurniakan kitab kepada mereka adalah bergembira dengan wahyu yang telah diturunkan kepadamu."(36). Inilah yang sebenarnya apa yang terjadi di Makkah kemudian terjadi pula di Madinah. Kami tidak menolak sudut pandangan riwayat ini. Mungkin inilah maksud ayat yang sebenar.*

mu'jizat-mu'jizat dari Rasulullah s.a.w. dan menggesakan agar disegera 'azab Allah yang diancamkan kepada mereka. Semuanya ini memerlukan kepada serangan-serangan balas untuk meneguhkan kedudukan beliau dan para pengikutnya supaya berpegang kukuh kepada ajaran-ajaran Al-Qur'an yang diturunkan Allah kepadanya untuk menghadapi tentangan, penolakan, pendustaan dan cabaran, juga untuk meletakkan agama yang benar ini, di tempat yang unggul serta berlindung pada Allah Yang Maha Esa dan mengisytiharkan Wahdaniyah-Nya sebagai Tuhan yang disembah dan sebagai Tuhan yang memerintah dan mentadbir, eterusnya untuk berdiri teguh di atas hakikat kebenaran Al-Qur'an dan mengi'tiqadkannya sebagai satu-satunya yang benar walaupun didustakan oleh kaum Musyrikin. Serangan-serangan balas itu juga bertujuan untuk menghadapi kaum Musyrikin dengan mengemukakan dalil-dalil kebenarannya yang terdapat di seluruh alam buana, di dalam diri, di dalam sejarah umat-umat manusia dan peristiwa-peristiwanya, di samping mengembelengkan segala faktor yang berkesan dan berbicara secara langsung dengan jiwa manusia dengan pembicaraan yang berkesan dan menarik dan dengan nada-nada yang mendalam dan kuat pengertiannya.

Di bawah ini ialah contoh-contoh ayat yang membawa pernyataan yang tegas bahawa kitab Al-Qur'an ini adalah satu-satunya kitab yang benar dan bahawa penolakan, pendustaan, cabaran, kelambatan mendapat sambutan dan kesukaran jalan perjuangan tidak menjejaskan hakikat Al-Qur'an yang agung itu:

الٓمٓر ۚ تِلْكَ ءَايَٰتُ ٱلْكِتَٰبِ ۗ وَٱلَّذِىٓ أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ ٱلْحَقُّ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١﴾

*"Alif, Laam, Miim, Raa'. Itulah ayat-ayat kitab (Al-Qur'an). Dan apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu itu adalah benar, tetapi kebanyakan manusia tidak beriman."(1)*

وَيَسْتَعْجِلُونَكَ بِٱلسَّيِّئَةِ قَبْلَ ٱلْحَسَنَةِ وَقَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِهِمُ ٱلْمَثُلَٰتُ ۗ وَإِنَّ رَبَّكَ لَذُو مَغْفِرَةٍ لِّلنَّاسِ عَلَىٰ ظُلْمِهِمْ ۖ وَإِنَّ رَبَّكَ لَشَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٦﴾ وَيَقُولُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَوْلَآ أُنزِلَ عَلَيْهِ ءَايَةٌ مِّن رَّبِّهِۦٓ ۗ إِنَّمَآ أَنتَ مُنذِرٌ ۖ وَلِكُلِّ قَوْمٍ هَادٍ ﴿٧﴾

*"Dan mereka telah meminta kepadamu supaya dipercepatkan 'azab sebelum mereka (meminta) rahmat, sedangkan sebelum mereka telah pun berlaku berbagai-bagai contoh teladan, dan sesungguhnya Tuhanmu itu sentiasa memberi keampunan kepada manusia walaupun mereka zalim, dan sesungguhnya Tuhanmu itu amat berat balasan-Nya."(6) Dan berkatalah orang-orang yang kafir: Mengapakah tidak diturunkan kepadanya suatu bukti (mu'jizat) dari Tuhannya? Sesungguhnya engkau hanya seorang Rasul yang memberi amaran dan setiap kaum mempunyai Rasul yang memberi hidayat."(7)*

لَهُۥ دَعْوَةُ ٱلْحَقِّ ۖ وَٱلَّذِينَ يَدْعُونَ مِن دُونِهِۦ لَا يَسْتَجِيبُونَ لَهُم بِشَىْءٍ إِلَّا كَبَٰسِطِ كَفَّيْهِ إِلَى ٱلْمَآءِ لِيَبْلُغَ فَاهُ وَمَا هُوَ بِبَٰلِغِهِۦ ۚ وَمَا دُعَآءُ ٱلْكَٰفِرِينَ إِلَّا فِى ضَلَٰلٍ ﴿١٤﴾

*"Do'a yang sebenar itu ialah kepada Allah, sedangkan tuhan-tuhan palsu yang mereka berdo'a kepadanya selain Allah tidak dapat memperkenankan sedikit pun do'a mereka melainkan seperti seorang yang menghulurkan kedua telapak tangannya ke dalam air supaya air sampai ke mulutnya dan tentulah ia tidak akan sampai ke mulutnya. Dan tiada do'a orang-orang yang kafir itu melainkan semuanya berada dalam kesia-siaan belaka."(14)*

أَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَسَالَتْ أَوْدِيَةٌۢ بِقَدَرِهَا فَٱحْتَمَلَ ٱلسَّيْلُ زَبَدًا رَّابِيًا ۚ وَمِمَّا يُوقِدُونَ عَلَيْهِ فِى ٱلنَّارِ ٱبْتِغَآءَ حِلْيَةٍ أَوْ مَتَٰعٍ زَبَدٌ مِّثْلُهُۥ ۚ كَذَٰلِكَ يَضْرِبُ ٱللَّهُ ٱلْحَقَّ وَٱلْبَٰطِلَ ۚ فَأَمَّا ٱلزَّبَدُ فَيَذْهَبُ جُفَآءً ۖ وَأَمَّا مَا يَنفَعُ ٱلنَّاسَ فَيَمْكُثُ فِى ٱلْأَرْضِ ۚ كَذَٰلِكَ يَضْرِبُ ٱللَّهُ ٱلْأَمْثَالَ ﴿١٧﴾

*"Dialah yang telah menurunkan hujan dari langit lalu mengalir di wadi-wadi menurut kadar yang ditentukan-Nya, kemudian banjir membawa buih-buih yang kembang, dan dari logam-logam yang mereka leburkannya di dalam api untuk membuat perhiasan dan perkakas-perkakas itu juga terdapat buih-buih yang sama dengannya. Demikianlah Allah membuat perbandingan di antara kebenaran dan kebatilan. Adapun buih, maka ia akan hilang lenyap terbuang dan adapun yang berguna kepada manusia, maka ia akan tetap di bumi. Demikian-lah Allah membuat perbandingan-perbandingan."(17)*

أَفَمَن يَعْلَمُ أَنَّمَآ أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ ٱلْحَقُّ كَمَنْ هُوَ أَعْمَىٰٓ ۚ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُو۟لُوا۟ ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿١٩﴾

*"Apakah orang yang mengetahui bahawa apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu itu adalah benar sama dengan orang yang buta? Hanya orang yang berakal sahaja yang dapat mengambil pengajaran."(19)*

ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُم بِذِكْرِ ٱللَّهِ ۗ أَلَا بِذِكْرِ ٱللَّهِ تَطْمَئِنُّ ٱلْقُلُوبُ ﴿٢٨﴾

*"Iaitu orang-orang yang beriman dan hati mereka tenteram dengan mengingati Allah. Ingatlah! Hanya dengan mengingati Allah hati menjadi tenang tenteram."(28)*

كَذَٰلِكَ أَرْسَلْنَٰكَ فِىٓ أُمَّةٍ قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِهَآ أُمَمٌ لِّتَتْلُوَا۟ عَلَيْهِمُ ٱلَّذِىٓ أَوْحَيْنَآ إِلَيْكَ وَهُمْ يَكْفُرُونَ بِٱلرَّحْمَٰنِ ۚ قُلْ هُوَ رَبِّى لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَإِلَيْهِ مَتَابِ ﴿٣٠﴾

*"Demikianlah Kami telah mengutuskan engkau di kalangan satu umat yang telah berlalu sebelumnya beberapa umat yang lain supaya engkau membaca kepada mereka (Al-Qur'an) yang telah Kami wahyukan kepadamu, sedangkan mereka mengingkarkan Allah Yang Maha Penyayang. Katakanlah: Dialah Tuhanku dan tiada Tuhan yang lain melainkan hanya Dia, kepada-Nya aku bertawakkal dan kepada-Nya aku bertaubat."(30)*

وَٱلَّذِينَ ءَاتَيْنَٰهُمُ ٱلْكِتَٰبَ يَفْرَحُونَ بِمَآ أُنزِلَ إِلَيْكَ ۖ وَمِنَ ٱلْأَحْزَابِ مَن يُنكِرُ بَعْضَهُۥ ۚ قُلْ إِنَّمَآ أُمِرْتُ أَنْ أَعْبُدَ ٱللَّهَ وَلَآ أُشْرِكَ بِهِۦٓ ۚ إِلَيْهِ أَدْعُوا۟ وَإِلَيْهِ مَـَٔابِ ﴿٣٦﴾

وَكَذَٰلِكَ أَنزَلْنَٰهُ حُكْمًا عَرَبِيًّا ۚ وَلَئِنِ ٱتَّبَعْتَ أَهْوَآءَهُم بَعْدَ مَا جَآءَكَ مِنَ ٱلْعِلْمِ مَا لَكَ مِنَ ٱللَّهِ مِن وَلِىٍّ وَلَا وَاقٍ ﴿٣٧﴾

*"Dan orang-orang yang telah Kami kurniakan kitab kepada mereka adalah bergembira dengan wahyu yang telah diturunkan kepadamu (Muhammad) dari Tuhan-mu, dan di antara golongan-golongan (Ahlil-Kitab dan Musyrikin) ada yang mengingkari sebahagian darinya. Katakanlah: Sesungguhnya aku diperintah menyembah Allah dan jangan mempersekutukan-Nya. Kepada Allah aku berseru dan kepada-Nya juga aku kembali."(36) Dan demikianlah Kami turunkan Al-Qur'an sebagai hukum-hukum (Allah) di dalam bahasa Arab, dan jika engkau (Muhammad) mengikut kehendak hawa nafsu mereka setelah datang kepadamu pengetahuan yang benar (dari Allah), maka tiada lagi penolong dan pelindung (yang dapat menyelamatkan engkau) dari 'azab Allah."(37)*

وَإِن مَّا نُرِيَنَّكَ بَعْضَ ٱلَّذِى نَعِدُهُمْ أَوْ نَتَوَفَّيَنَّكَ فَإِنَّمَا عَلَيْكَ ٱلْبَلَٰغُ وَعَلَيْنَا ٱلْحِسَابُ ﴿٤٠﴾

*"Sama ada Kami memperlihatkan kepadamu (wahai Muhammad) sebahagian dari 'azab yang Kami janjikan untuk mereka (orang kafir) atau Kami wafatkanmu sebelum melihatnya, (maka itu bukan urusanmu), kerana sesungguhnya tugasmu ialah menyampaikan da'wah dan tugas Kami ialah menjalankan hisab."(40)*

وَيَقُولُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَسْتَ مُرْسَلًا ۚ قُلْ كَفَىٰ بِٱللَّهِ شَهِيدًۢا بَيْنِى وَبَيْنَكُمْ وَمَنْ عِندَهُۥ عِلْمُ ٱلْكِتَٰبِ ﴿٤٣﴾

*"Dan orang-orang yang kafir itu berkata: Engkau bukanlah seorang Rasul. Katakanlah (kepada mereka): Cukuplah Allah sendiri menjadi saksi di antaraku dengan kamu, juga mereka yang mempunyai ilmu al-kitab."(43)*

Demikianlah kita dapat mengetahui dari kumpulan ayat-ayat yang telah kami sebutkan tadi bentuk penentangan yang telah digunakan oleh kaum Musyrikin untuk mencabar Rasulullah s.a.w. dan mencabar Al-Qur'an. Kemudian makna cabaran ini dan makna arahan Rabbani untuk menghadapi cabaran itu telah menggambarkan pula tabi'at dan keadaan masa diturunkan surah ini di zaman Makkiyah.

Di antara anjuran yang jelas yang terkandung di dalam arahan Rabbani kepada Rasulullah s.a.w. dalam menghadapi penolakan, pendustaan, cabaran, kelambatan mendapat sambutan dan kesulitan jalan perjuangan ialah menyuruh beliau supaya mengemukakan konsep yang benar yang diperjuangkannya dengan sempurna dan terus terang, iaitu konsep tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah, dan tiada Tuhan yang mentadbir melainkan Allah, tiada Tuhan yang disembah melainkan-Nya dan konsep Allah Maha Esa dan Maha Gagah Perkasa, dan konsep seluruh manusia akan dipulangkan kepada Allah sama ada ke Syurga atau ke Neraka. Itulah sekumpulan hakikat-hakikat yang ditolak dan dicabar oleh kaum Musyrikin. Beliau juga disuruh supaya jangan mengikut kehendak hawa nafsu mereka dengan bertindak mengampu-ngampu dan mengambil hati mereka dengan menyembunyikan sebahagian dari hakikat-hakikat yang benar ini atau menangguhkan pengumumannya, di samping itu beliau juga diancam dengan tindakan dari Allah jika beliau cuba mengikut kehendak hawa nafsu mereka di dalam mana-mana perkara ini setelah beliau mendapat ilmu yang diyakini benarnya dari Allah.

Anjuran yang jelas ini mendedahkan kepada para penda'wah ke jalan Allah tabi'at methodologi da'wah Islamiyah ini yang tidak membolehkan mereka menggunakan ijtihad mereka sendiri, malah mereka harus tampil mengemukakan hakikat-hakikat asasi agama ini dengan terus terang dan tanpa menyembunyi dan menangguhkan pengumuman sesuatu apa pun darinya terutama hakikat-hakikat mengenai konsep tiada Uluhiyah dan tiada Rububiyah melainkan bagi Allah. Lantaran itu tiada keta'atan dan kepatuhan melainkan bagi Allah. Inilah hakikat asasi yang pasti diisytiharkan walau apa sahaja tentangan dan cabaran dan walau apa sahaja penolakan dari para pendusta. Ia pasti diisytiharkan biarpun bagaimana sulit dan sukar jalan perjuangannya. Bukanlah dari ciri hikmat dan pengajaran yang baik menyembunyi atau menangguhkan pengumuman sebahagian dari hakikat-hakikat ini dengan alasan-

alasan kerana para Taghut di bumi ini tidak sukakannya atau akan menindas orang-orang yang mengisytiharkannya atau menolak agama ini dengan sebab pengisytiharan itu atau akan merancangkan tipu daya dan langkah-langkah jahat terhadap agama ini dan terhadap para penda'wahnya. Semuanya ini tidak seharusnya mendorong para penda'wah agama ini bertindak menyembunyikan sesuatu dari hakikat-hakikat asasinya atau menangguhkan pengumumannya, atau memulakannya dengan hanya mengemukakan perkara-perkara syi'ar agama, akhlak, tingkahlaku dan asuhan rohani sahaja untuk menjauhi kemurkaan para Taghut di bumi apabila mereka mula dengan mengumumkan konsep tauhid Uluhiyah dan Rububiyah, dan dari sinilah munculnya konsep tauhid keta'atan dan kepatuhan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja.

Inilah methodologi haraki untuk mempeluangkan 'aqidah Islam sebagaimana yang dikehendaki Allah dan inilah methodologi da'wah kepada Allah sebagaimana yang telah dijalani oleh penghulu kita Nabi Muhammad s.a.w. dengan arahan Allah. Setiap penda'wah kepada Allah tidak seharusnya menyeleweng dari methodologi ini atau mengikuti methodologi yang lain. Selain dari itu Allahlah Penjamin agama ini dan para penda'wah-Nya. Cukuplah Allah sendiri menjadi Penjamin dan Pelindung mereka dari kejahatan para Taghut itu.

* * * * * *

### *Methodologi Da'wah Al-Qur'an*

Methodologi da'wah Al-Qur'an ialah mencantumkan di antara penerangan kitab Allah yang dibaca iaitu Al-Qur'anul-Karim dengan saranan-saranan kitab alam buana yang terbuka. Ia menjadikan seluruh alam buana ini sebagai sumber inspirasi kepada manusia kerana ia mengandungi dalil-dalil dan bukti-bukti yang jelas yang menggambarkan kekuasaan, perencanaan dan pentadbiran Allah Yang Maha Halus. Methodologi ini juga mencantumkan kepada dua kitab ini catatan-catatan sejarah manusia yang merakamkan bukti-bukti yang jelas yang juga menggambarkan kekuasaan, perencanaan dan pentadbiran Allah yang rapi. Dengan seluruh dalil-dalil dan bukti-bukti inilah Al-Qur'an menghadapi entiti manusia dan mengepungi mereka dari segenap penjuru, di mana ia berbicara dengan pancaindera mereka, dengan hati mereka dan dengan akal mereka.

Surah ini mengandungi banyak contoh-contoh yang cantik yang dibentangkan dalam lembaran kitab alam buana selepas dibentangkan oleh Al-Qur'an untuk menghadapi seluruh entiti manusia. Di antara contoh-contoh itu ialah:

الٓمٓرۚ تِلۡكَ ءَايَٰتُ ٱلۡكِتَٰبِۗ وَٱلَّذِيٓ أُنزِلَ إِلَيۡكَ مِن رَّبِّكَ ٱلۡحَقُّ وَلَٰكِنَّ أَكۡثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يُؤۡمِنُونَ ﴿١﴾

ٱللَّهُ ٱلَّذِي رَفَعَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ بِغَيۡرِ عَمَدٖ تَرَوۡنَهَاۖ ثُمَّ ٱسۡتَوَىٰ عَلَى ٱلۡعَرۡشِۖ وَسَخَّرَ ٱلشَّمۡسَ وَٱلۡقَمَرَۖ كُلّٞ يَجۡرِي لِأَجَلٖ مُّسَمّٗىۚ يُدَبِّرُ ٱلۡأَمۡرَ يُفَصِّلُ ٱلۡأٓيَٰتِ لَعَلَّكُم بِلِقَآءِ رَبِّكُمۡ تُوقِنُونَ ﴿٢﴾

وَهُوَ ٱلَّذِي مَدَّ ٱلۡأَرۡضَ وَجَعَلَ فِيهَا رَوَٰسِيَ وَأَنۡهَٰرٗاۖ وَمِن كُلِّ ٱلثَّمَرَٰتِ جَعَلَ فِيهَا زَوۡجَيۡنِ ٱثۡنَيۡنِۖ يُغۡشِي ٱلَّيۡلَ ٱلنَّهَارَۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَأٓيَٰتٖ لِّقَوۡمٖ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٣﴾

وَفِي ٱلۡأَرۡضِ قِطَعٞ مُّتَجَٰوِرَٰتٞ وَجَنَّٰتٞ مِّنۡ أَعۡنَٰبٖ وَزَرۡعٞ وَنَخِيلٞ صِنۡوَانٞ وَغَيۡرُ صِنۡوَانٖ يُسۡقَىٰ بِمَآءٖ وَٰحِدٖ وَنُفَضِّلُ بَعۡضَهَا عَلَىٰ بَعۡضٖ فِي ٱلۡأُكُلِۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَأٓيَٰتٖ لِّقَوۡمٖ يَعۡقِلُونَ ﴿٤﴾

*"Alif, Laam, Miim, Raa'. Itulah ayat-ayat kitab (Al-Qur'an). Dan apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu itu adalah benar, tetapi kebanyakan manusia tidak beriman(1). Allahlah yang mengangkatkan langit tanpa tiang yang dapat dilihat oleh kamu, kemudian Dia bersemayam di atas 'Arasy. Dan Dialah yang menundukkan matahari dan bulan, masing-masing beredar mengikut masa yang telah ditentukan. Dialah yang mentadbirkan segala urusan, menjelaskan ayat-ayat dengan terperinci supaya kamu yakin terhadap pertemuan dengan Tuhan kamu(2). Dan Dialah yang membentangkan bumi dan menciptakan padanya gunung-ganang dan sungai-sungai. Dan dari setiap buah-buahan Dia ciptakan jantan betina dua sepasang. Dialah yang menjadikan malam dan siang saling menyelubungi. Sesungguhnya dalam kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang berfikir(3). Dan di bumi terdapat ruang-ruang tanah yang berdampingan dan kebun-kebun anggur, tanaman-tanaman dan pokok-pokok kurma yang bercabang dan yang tidak bercabang yang disirami dengan air yang sama dan Kami lebihkan satu sama dari segi rasa. Sesungguhnya dalam kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang mengerti."(4)*

Ayat-ayat ini mengumpulkan pemandangan-pemandangan alam untuk menjadikan seluruh alam buana ini sebagai saksi dan bukti yang jelas yang menunjukkan kekuasaan Allah dalam urusan penciptaan, perencanaan dan pentadbiran. Kemudian ia menyatakan kehairanannya terhadap kaum Musyrikin yang melihat seluruh bukti-bukti kekuasaan Allah ini kemudian memustahilkan persoalan kebangkitan selepas mati dan alam Akhirat. Mereka mendustakan wahyu Allah kerana wahyu itu telah menjelaskan hakikat yang amat dekat itu. Ia

merupakan satu hakikat yang amat dekat di bawah bayangan pemandangan-pemandangan alam buana yang mena'jubkan itu.

وَإِن تَعْجَبْ فَعَجَبٌ قَوْلُهُمْ أَءِذَا كُنَّا تُرَٰبًا أَءِنَّا لَفِى خَلْقٍ جَدِيدٍ ۗ أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِرَبِّهِمْ ۖ وَأُو۟لَٰٓئِكَ ٱلْأَغْلَٰلُ فِىٓ أَعْنَاقِهِمْ ۖ وَأُو۟لَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِ ۖ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٥﴾

*"Dan jika engkau merasa hairan, maka yang wajar dihairankan lagi ialah perkataan mereka: Seandainya jika kami telah menjadi tanah apakah kami akan diciptakan semula? Merekalah orang-orang yang mengingkarkan Tuhan mereka dan merekalah orang-orang yang dipasang belenggu-belenggu di leher mereka dan merekalah penghuni Neraka, di mana mereka kekal abadi."(5)*

هُوَ ٱلَّذِى يُرِيكُمُ ٱلْبَرْقَ خَوْفًا وَطَمَعًا وَيُنشِئُ ٱلسَّحَابَ ٱلثِّقَالَ ﴿١٢﴾

وَيُسَبِّحُ ٱلرَّعْدُ بِحَمْدِهِۦ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةُ مِنْ خِيفَتِهِۦ وَيُرْسِلُ ٱلصَّوَٰعِقَ فَيُصِيبُ بِهَا مَن يَشَآءُ

*"Dialah yang memperlihatkan kilat kepada kamu untuk menimbulkan ketakutan dan harapan dan Dialah yang menciptakan awan-awan yang berat(12). Dan guruh bertasbih memuji-Nya dan malaikat juga (bertasbih) kerana takut kepada-Nya dan Dialah yang melepaskan halilintar lalu mengenai sesiapa yang dikehendaki-Nya."(13)*

Ayat yang berikut membentang lembaran alam buana untuk menyatakan kehairanannya terhadap perbuatan kaum Musyrikin yang mempertikaikan keesaan Allah dan mempersekutukan-Nya, sedangkan mereka melihat kesan-kesan Rububiyah Allah, qudrat dan kuasa-Nya, mereka melihat kepatuhan seluruh alam kepada-Nya, dan seterusnya mereka melihat bagaimana Allah mengendali dan mengaturkan tadbir-Nya terhadap urusan para hamba-Nya, dan melihat kelemahan seluruh yang lain dari Allah dalam urusan mencipta dan mengaturkan pentadbiran dan perencanaan itu:

وَهُمْ يُجَٰدِلُونَ فِى ٱللَّهِ وَهُوَ شَدِيدُ ٱلْمِحَالِ ﴿١٣﴾

*"Sedangkan mereka mempertikaikan tentang Allah dan Dia amat berat penyeksaan-Nya."(13)*

لَهُۥ دَعْوَةُ ٱلْحَقِّ ۖ وَٱلَّذِينَ يَدْعُونَ مِن دُونِهِۦ لَا يَسْتَجِيبُونَ لَهُم بِشَىْءٍ إِلَّا كَبَٰسِطِ كَفَّيْهِ إِلَى ٱلْمَآءِ لِيَبْلُغَ فَاهُ وَمَا هُوَ بِبَٰلِغِهِۦ ۚ وَمَا دُعَآءُ ٱلْكَٰفِرِينَ إِلَّا فِى ضَلَٰلٍ ﴿١٤﴾

وَلِلَّهِ يَسْجُدُ مَن فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَظِلَٰلُهُم بِٱلْغُدُوِّ وَٱلْءَاصَالِ ﴿١٥﴾

قُلْ مَن رَّبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ قُلِ ٱللَّهُ ۚ قُلْ أَفَٱتَّخَذْتُم مِّن دُونِهِۦٓ أَوْلِيَآءَ لَا يَمْلِكُونَ لِأَنفُسِهِمْ نَفْعًا وَلَا ضَرًّا ۚ قُلْ هَلْ يَسْتَوِى ٱلْأَعْمَىٰ وَٱلْبَصِيرُ أَمْ هَلْ تَسْتَوِى ٱلظُّلُمَٰتُ وَٱلنُّورُ ۗ أَمْ جَعَلُوا۟ لِلَّهِ شُرَكَآءَ خَلَقُوا۟ كَخَلْقِهِۦ فَتَشَٰبَهَ ٱلْخَلْقُ عَلَيْهِمْ ۚ قُلِ ٱللَّهُ خَٰلِقُ كُلِّ شَىْءٍ وَهُوَ ٱلْوَٰحِدُ ٱلْقَهَّٰرُ ﴿١٦﴾

*"Do'a yang sebenar itu ialah kepada Allah, sedangkan tuhan-tuhan palsu yang mereka berdo'a kepadanya selain Allah itu tidak dapat memperkenankan sedikit pun do'a mereka memperkenankan seperti seorang yang menghulurkan kedua telapak tangannya ke dalam air supaya air sampai ke mulutnya dan tentulah ia tidak akan sampai ke mulutnya. Dan tiada do'a orang-orang yang kafir itu melainkan semuanya berada dalam kesia-siaan belaka(14). Dan hanya kepada Allah jua sujudnya sekalian penghuni langit dan bumi sama ada secara sukarela atau terpaksa, dan bayang-bayang mereka (juga turut sujud) di waktu pagi dan petang(15). Katakanlah: Siapakah Tuhan langit dan bumi? Jawablah: Allah. Katakanlah: Apakah patut kamu mengambil selain Allah pelindung-pelindung yang tidak terdaya menentukan manfa'at dan mudharat kepada diri mereka sendiri? Katakanlah: Apakah sama orang yang buta dengan orang yang celik atau apakah sama gelap-gelita dengan cahaya yang terang? Atau apakah mereka mengadakan bagi Allah sekutu-sekutu yang berkuasa mencipta sama seperti ciptaan-Nya sehingga ia mengerjakan mereka? Katakanlah: Hanya Allah sahaja yang berkuasa menciptakan segala sesuatu dan Dia Maha Esa dan Maha Gagah Perkasa."(16)*

Demikianlah seluruh alam berubah menjadi sebuah pameran yang indah yang memperlihatkan bukti-bukti qudrat Allah dan inspirasi-inspirasi ke arah keimanan. Ia berbicara dengan fitrah manusia dengan menggunakan logik yang menyeluruh dan mendalam. Ia berbicara dengan seluruh entiti manusia yang merangkumi segala daya berfikir dan memahami lahir dan batin dengan keselarasan yang menarik.

Kemudian ayat-ayat berikut menambahkan kepada lembaran-lembaran kitab alam buana lembaran-lembaran sejarah manusia, di mana ia menayangkan kesan-kesan qudrat kuasa Allah, perencanaan dan pentadbiran-Nya di dalam kehidupan manusia:

وَيَسْتَعْجِلُونَكَ بِٱلسَّيِّئَةِ قَبْلَ ٱلْحَسَنَةِ وَقَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِهِمُ ٱلْمَثُلَٰتُ ۗ

*"Dan mereka telah meminta kepadamu supaya dipercepatkan 'azab sebelum mereka (meminta) rahmat, sedangkan sebelum mereka telah pun berlalu berbagai-bagai contoh teladan."(6)*

ٱللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَحْمِلُ كُلُّ أُنثَىٰ وَمَا تَغِيضُ ٱلْأَرْحَامُ
وَمَا تَزْدَادُ ۖ وَكُلُّ شَيْءٍ عِندَهُۥ بِمِقْدَارٍ ﴿٨﴾
عَٰلِمُ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ ٱلْكَبِيرُ ٱلْمُتَعَالِ ﴿٩﴾
سَوَآءٌ مِّنكُم مَّنْ أَسَرَّ ٱلْقَوْلَ وَمَن جَهَرَ بِهِۦ
وَمَنْ هُوَ مُسْتَخْفٍۭ بِٱلَّيْلِ وَسَارِبٌۢ بِٱلنَّهَارِ ﴿١٠﴾
لَهُۥ مُعَقِّبَٰتٌ مِّنۢ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِۦ
يَحْفَظُونَهُۥ مِنْ أَمْرِ ٱللَّهِ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ
يُغَيِّرُوا۟ مَا بِأَنفُسِهِمْ ۗ وَإِذَآ أَرَادَ ٱللَّهُ بِقَوْمٍ سُوٓءًا
فَلَا مَرَدَّ لَهُۥ ۚ وَمَا لَهُم مِّن دُونِهِۦ مِن وَالٍ ﴿١١﴾

*"Allah mengetahui apa yang dikandung setiap perempuan dan setiap kandungan rahim yang kurang dan kandungan rahim yang bertambah. Dan segala sesuatu (diatur) di sisi-Nya dengan ukuran yang rapi(8). Allah Maha Mengetahui segala yang tersembunyi dan segala yang ketara, dan Dia Maha Besar dan Maha Tinggi(9). Sama sahaja (kepada Allah) sesiapa dari kamu yang menyembunyikan perkataannya dan sesiapa yang mengucapkannya dengan lantang dan sesiapa yang bersembunyi di malam hari dan yang muncul pergi di hari siang(10). Setiap manusia mempunyai malaikat-malaikat pengiring dari urusan Allah yang mengikutinya dari hadapan dan dari belakangnya untuk mengawasinya. Sesungguhnya Allah tidak mengubahkan keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubahkan keadaan yang ada pada diri mereka sendiri, dan apabila Allah menghendaki sesuatu keburukan terhadap sesuatu kaum, maka tiada siapa yang dapat menolakkannya, dan tiada siapa yang dapat menjadi pelindung mereka selain daripada-Nya."(11)*

ٱللَّهُ يَبْسُطُ ٱلرِّزْقَ لِمَن يَشَآءُ وَيَقْدِرُ ۚ وَفَرِحُوا۟ بِٱلْحَيَوٰةِ
ٱلدُّنْيَا وَمَا ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَا فِى ٱلْءَاخِرَةِ إِلَّا مَتَٰعٌ ﴿٢٦﴾

*"Allahlah yang melapangkan rezeki dan menyempitkannya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Mereka bergembira dengan kehidupan dunia, sedangkan kehidupan dunia itu dibandingkan dengan kehidupan Akhirat hanya sekelumit keni'matan."(26)*

وَلَا يَزَالُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ تُصِيبُهُم بِمَا صَنَعُوا۟ قَارِعَةٌ
أَوْ تَحُلُّ قَرِيبًا مِّن دَارِهِمْ حَتَّىٰ يَأْتِىَ وَعْدُ ٱللَّهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ
لَا يُخْلِفُ ٱلْمِيعَادَ ﴿٣١﴾

*"Dan orang-orang yang kafir itu sentiasa ditimpa malapetaka kerana perbuatan mereka yang kufur itu atau malapetaka itu jatuh berhampiran dengan tempat tinggal mereka sehingga tibalah janji Allah. Sesungguhnya Allah tidak memungkiri janji-Nya."(31)*

وَلَقَدِ ٱسْتُهْزِئَ بِرُسُلٍ مِّن قَبْلِكَ فَأَمْلَيْتُ لِلَّذِينَ
كَفَرُوا۟ ثُمَّ أَخَذْتُهُمْ ۖ فَكَيْفَ كَانَ عِقَابِ ﴿٣٢﴾

*"Dan sesungguhnya para rasul sebelummu juga pernah dipersenda-sendakan lalu Aku memberi tempoh kepada orang-orang yang kafir itu kemudian Aku binasakan mereka, maka bagaimanakah dahsyatnya 'azab keseksaan-Ku itu?"(32)*

أَوَلَمْ يَرَوْا۟ أَنَّا نَأْتِى ٱلْأَرْضَ نَنقُصُهَا مِنْ أَطْرَافِهَا ۚ وَٱللَّهُ
يَحْكُمُ لَا مُعَقِّبَ لِحُكْمِهِۦ ۚ وَهُوَ سَرِيعُ ٱلْحِسَابِ ﴿٤١﴾
وَقَدْ مَكَرَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ فَلِلَّهِ ٱلْمَكْرُ جَمِيعًا ۖ يَعْلَمُ
مَا تَكْسِبُ كُلُّ نَفْسٍ ۗ وَسَيَعْلَمُ ٱلْكُفَّٰرُ لِمَنْ عُقْبَى
ٱلدَّارِ ﴿٤٢﴾

*"Apakah tidak mereka melihat bahawa Kami menyerang negeri (orang-orang kafir) lalu Kami kurangkan daerah-daerah perbatasannya (sedikit demi sedikit). Allahlah yang menentukan keputusan dan tiada siapa yang boleh menolak keputusan-Nya dan Dialah yang amat cepat menjalankan hisab(41). Sesungguhnya orang-orang (kafir) sebelum mereka juga pernah mengaturkan rancangan jahat mereka, tetapi semua tipu daya itu adalah dalam kekuasaan Allah. Dia mengetahui apa sahaja yang dilakukan oleh seseorang, dan orang-orang kafir akan mengetahui untuk siapakah tempat kesudahan yang baik itu."(42)*

Demikianlah methodologi Al-Qur'an mengumpulkan dalil-dalil dan bukti-bukti dari sejarah manusia dan mengubahkannya menjadi faktor-faktor yang berkesan dan penyaran-penyaran yang berbicara dengan seluruh entiti manusia dengan teratur dan selaras.

Dari kumpulan dalil-dalil dan bukti-bukti ini kita dapat mengetahui salah satu garis pokok dari methodologi berda'wah kepada Allah dengan pandangan yang jelas, iaitu da'wah yang berbicara dengan seluruh entiti manusia bukan hanya berbicara dengan mereka dari aspek daya-daya fikiran dan mental mereka sahaja atau berbicara dengan mereka dari aspek ilham dan mata hati mereka sahaja atau berbicara dengan mereka dari aspek pancaindera dan perasaan mereka sahaja.

Kitab suci Al-Qur'an ini harus dijadikan pedoman da'wah ini, yang wajib dipegang oleh para penda'wah kepada Allah sebelum merujukkan kepada sumber-sumber yang lain, dan mereka harus mempelajari dari Al-Qur'an bagaimana hendak berda'wah kepada orang ramai, bagaimana hendak menyedarkan hati mereka yang lalai dan bagaimana hendak menghidupkan jiwa mereka yang mati.

Yang mewahyukan Al-Qur'an ini ialah Allah Pencipta manusia Yang Maha Mengetahui tabi'at,

kejadian mereka dan amat arif dengan liku-liku hati mereka. Jika para penda'wah kepada Allah itu wajib mengikut methodologi da'wah Allah yang bermula dengan menjelaskan sifat-sifat Uluhiyah Allah S.W.T., Rububiyah-Nya, kuasa Hakimiyah-Nya dan kuatkuasa-Nya, maka begitu juga mereka wajib memasuki hati manusia mengikut cara Al-Qur'an, iaitu dengan cara memperkenalkan kepada manusia Tuhan mereka yang sebenar supaya seluruh hati mereka berakhir dengan memberi keta'atan dan kepatuhan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan mengakui Rububiyah-Nya dan kuatkuasa-Nya yang tunggal sahaja.

* * * * * *

Dalam usaha memperkenalkan kepada manusia Tuhan mereka yang sebenar dan menolak segala bentuk syirik, maka methodologi Al-Qur'an memberi perhatiannya yang berat kepada penjelasan mengenai hakikat kerasulan dan hakikat Rasul, kerana kebanyakan penyelewengan dalam kefahaman i'tikad yang berlaku kepada kaum Ahlil-Kitab sebelum ini adalah berpunca dari perbuatan mencampuradukkan di antara sifat-sifat Uluhiyah dengan sifat-sifat nubuwwah terutama di dalam i'tikad orang-orang Kristian yang telah menyalutkan 'Isa a.s. dengan ciri-ciri Uluhiyah dan Rububiyah menyebabkan para pengikut berbagai-bagai gereja telah terjerumus dalam perselisihan-perselisihan 'aqidah dari berbagai-bagai mazhab yang membingungkan akibat campur aduk yang bertentangan dengan hakikat yang sebenar.

Bukan 'aqidah orang-orang Kristian sahaja yang terjerumus di dalam perselisihan-perselisihan yang membingungkan itu, malah berbagai-bagai kepercayaan paganisme juga telah turut terjerumus dalam perselisihan itu, di mana nubuwwah telah digambarkan dengan sifat-sifat yang kabur, setengah-setengahnya menghubungkan nubuwwah dengan sihir, dan setengah-setengahnya pula menghubungkan nubuwwah dengan ramalan-ramalan ghaib, sementara setengah-setengah yang lain menghubungkan nubuwwah dengan jin dan roh-roh yang tersembunyi.

Banyak di antara kefahaman-kefahaman itu masuk dan bercampuraduk dalam kepercayaan paganisme orang-orang Arab. Oleh sebab itulah setengah-setengah orang Arab mencabar Rasulullah s.a.w. supaya memberitahu kepada mereka perkara-perkara, yang ghaib dan setengahnya pula mencadangkan kepada beliau supaya menunjukkan kepada mereka mu'jizat-mu'jizat fizikal yang tertentu. Di samping itu mereka juga pernah menuduh beliau sebagai "tukang sihir" atau "orang gila" yang ada hubungan dengan makhluk jin. Setengahnya pula menuntut supaya diturunkan malaikat bersama beliau dan sebagainya dari bermacam-macam cadangan, cabaran dan tuduhan-tuduhan yang bercampuraduk dengan kefahaman-kefahaman paganisme terhadap hakikat nabi dan hakikat nubuwwah.

Al-Qur'an ini datang untuk menjelaskan hakikat yang sempurna tentang sifat nubuwwah dan sifat nabi, tentang sifat kerasulan dan sifat Rasul, tentang hakikat Uluhiyah Allah Yang Maha Esa dan hakikat 'Ubudiyah segala makhluk yang telah dijadikan Allah termasuk para Anbiya' dan para rasul-Nya. Mereka adalah golongan hamba-hamba Allah yang soleh dan bukannya makhluk-makhluk yang berlainan dari manusia. Mereka tidak mempunyai ciri-ciri Uluhiyah dan tidak pula mempunyai hubungan dengan alam-alam jin yang ghaib dan terkena sihir. Segala (apa yang disampaikan) adalah wahyu dari Allah S.W.T. Mereka tidak mempunyai sebarang qudrat kuasa-Nya untuk menunjukkan mu'jizat-mu'jizat kecuali dengan keizinan Allah apabila dikehendaki-Nya. Mereka adalah makhluk manusia yang telah dipilih Allah dan sifat basyariyah mereka dan sifat 'Ubudiyah mereka kepada Allah tetap kekal pada mereka seperti makhluk-makhluk Allah yang lain juga.

Di dalam surah ini terdapat contoh-contoh penjelasan mengenai sifat nubuwwah dan kerasulan, garis-garis batas seseorang nabi dan rasul, juga contoh-contoh penjelasan untuk membersihkan akal fikiran manusia dari semua keladak kepercayaan paganisme dan membebaskannya dari dongeng-dongeng yang telah merosakkan 'aqidah-'aqidah Ahlil-Kitab sebelum ini dan memulangkan 'aqidah-'aqidah ini kepada kepercayaan paganisme dengan segala kepercayaannya dan dongeng-dongengnya yang karut- marut.

Penjelasan-penjelasan itu adalah dituju untuk menghadapi cabaran-cabaran kaum Musyrikin yang realistik bukannya berupa perdebatan mental dan bukan pula berupa perbahasan falsafah metafizikal. Penjelasan-penjelasan itu merupakan pergerakan untuk menghadapi "realiti" dan ber-juang menanganinya dengan perjuangan yang realistik waqi'i:

وَيَقُولُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَوْلَآ أُنزِلَ عَلَيْهِ ءَايَةٌ مِّن رَّبِّهِۦٓ ۗ إِنَّمَآ أَنتَ مُنذِرٌ ۖ وَلِكُلِّ قَوْمٍ هَادٍ ﴿٧﴾

*"Dan berkatalah orang-orang yang kafir: Mengapakah tidak diturunkan kepadanya suatu bukti (mu'jizat dari Tuhannya)? Sesungguhnya engkau hanya seorang Rasul yang memberi amaran, dan setiap kaum mempunyai Rasul yang memberi hidayat."(7)*

وَيَقُولُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَوْلَآ أُنزِلَ عَلَيْهِ ءَايَةٌ مِّن رَّبِّهِۦ ۗ قُلْ إِنَّ ٱللَّهَ يُضِلُّ مَن يَشَآءُ وَيَهْدِىٓ إِلَيْهِ مَنْ أَنَابَ ﴿٢٧﴾

*"Dan orang-orang kafir berkata: Mengapa tidak diturunkan kepadanya (Muhammad) suatu bukti (mu'jizat) dari Tuhannya? Katakanlah: Sesungguhnya Allah menyesatkan siapa yang dikehendaki-Nya dan memberi hidayat kepada siapa yang bertaubat kepada-Nya."(27)*

كَذَٰلِكَ أَرْسَلْنَٰكَ فِىٓ أُمَّةٍ قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِهَآ أُمَمٌ

لِّتَتْلُوَا۟ عَلَيْهِمُ ٱلَّذِىٓ أَوْحَيْنَآ إِلَيْكَ وَهُمْ يَكْفُرُونَ بِٱلرَّحْمَٰنِ ۚ قُلْ هُوَ رَبِّى لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَإِلَيْهِ مَتَابِ ﴿٣٠﴾

*"Demikianlah, Kami telah mengutuskan engkau di kalangan satu umat yang telah berlalu sebelumnya beberapa umat yang lain supaya engkau membaca kepada mereka (Al-Qur'an) yang telah Kami wahyukan kepadamu, sedangkan mereka mengingkarkan Allah Yang Maha Penyayang. Katakanlah: Dialah Tuhanku dan tiada Tuhan yang lain melainkan hanya Dia, kepada-Nya aku bertawakkal dan kepada-Nya aku bertaubat."(30)*

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلًا مِّن قَبْلِكَ وَجَعَلْنَا لَهُمْ أَزْوَٰجًا وَذُرِّيَّةً ۚ وَمَا كَانَ لِرَسُولٍ أَن يَأْتِىَ بِـَٔايَةٍ إِلَّا بِإِذْنِ ٱللَّهِ ۗ لِكُلِّ أَجَلٍ كِتَابٌ ﴿٣٨﴾

*"Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan rasul-rasul sebelum engkau (Muhammad) dan Kami jadikan untuk mereka isteri-isteri dan zuriat keturunan dan tiada sebarang kuasa bagi seorang Rasul untuk mengadakan sesuatu mu'jizat melainkan dengan keizinan Allah. Bagi setiap zaman itu diturunkan kitab yang tertentu."(38)*

وَإِن مَّا نُرِيَنَّكَ بَعْضَ ٱلَّذِى نَعِدُهُمْ أَوْ نَتَوَفَّيَنَّكَ فَإِنَّمَا عَلَيْكَ ٱلْبَلَٰغُ وَعَلَيْنَا ٱلْحِسَابُ ﴿٤٠﴾

*"Sama ada Kami memperlihatkan kepadamu (wahai Muhammad) sebahagian dari 'azab yang Kami janjikan untuk mereka (orang kafir) atau Kami wafatkanmu sebelum melihatnya, (maka itu bukan urusanmu) kerana sesungguhnya tugasmu ialah menyampaikan da'wah dan tugas Kami ialah menjalankan hisab."(40)*

Demikianlah tersingkapnya sifat kerasulan dan garis-garis batas seorang Rasul dengan jelas. Tugas seorang Rasul ialah menyampaikan perutusan Allah. Dia hanya ditugas membaca perutusan-perutusan yang diwahyukan Allah. Dia tidak berkuasa membawa sesuatu mu'jizat melainkan dengan keizinan Allah, kemudian Rasul itu hanya seorang hamba Allah dan Allah itulah Tuhannya dan kepada Allah dia akan kembali. Dia adalah sama dengan manusia-manusia yang lain, dia berkahwin dan beranak-pinak, mempraktikkan sifat-sifat basyariyahnya dengan sempurna dengan segala komitmen basyariyah, di samping menunjukkan 'Ubudiyahnya yang sempurna kepada Allah dengan segala komitmen 'Ubudiyah.

Dengan penjelasan-penjelasan 'aqidah Islam yang terang dan sempurna ini terhapuslah segala kepercayaan dan dongeng-dongeng yang karut-marut yang selama ini meraba-raba dalam ruang kosong dan di dalam gelap-gelita di sekitar sifat nubuwwah dan sifat seseorang nabi, dan bersihlah 'aqidah dari kefahaman-kefahaman yang membingungkan yang memenuhi 'aqidah-'aqidah gereja dan kepercayaan-kepercayaan paganisme. Itulah kefahaman (karut) yang telah menjadikan 'aqidah Kristian sejak abadnya yang pertama lagi sebagai salah satu 'aqidah paganisme baik dari segi tabi'at mahupun dari segi hakikatnya setelah menjadi agama samawi di tangan 'Isa al-Masih a.s., iaitu agama yang menjadikan 'Isa al-Masih sebagai hamba Allah yang tidak berkuasa membawa mu'jizat melainkan dengan keizinan Allah.

Sebelum kami mengakhiri pembicaraan ini, kami ingin menjelaskan perhatian yang ditonjol dalam firman-Nya yang berikut:

وَإِن مَّا نُرِيَنَّكَ بَعْضَ ٱلَّذِى نَعِدُهُمْ أَوْ نَتَوَفَّيَنَّكَ فَإِنَّمَا عَلَيْكَ ٱلْبَلَٰغُ وَعَلَيْنَا ٱلْحِسَابُ ﴿٤٠﴾

*"Sama ada Kami memperlihatkan kepadamu (wahai Muhammad) sebahagian dari 'azab yang Kami janjikan untuk mereka (orang kafir) atau Kami wafatkanmu sebelum melihatnya, (maka itu bukan urusanmu) kerana sesungguhnya tugasmu ialah menyampaikan da'wah dan tugas Kami ialah menjalankan hisab."(40)*

Peringatan ini ditujukan kepada Nabi s.a.w, yang menerima wahyu dari Allah dan ditugas, menyampaikan agama ini kepada manusia. Intisari dari peringatan ini ialah urusan agama ini bukan kepunyaan beliau dan kesudahan agama ini juga bukan dari tanggungjawabnya, malah satu-satunya tugas beliau ialah menyampaikan perutusan Allah dan bukannya memberi hidayat kepada manusia, kerana Allah sahaja yang memiliki teraju hidayat. Oleh itu sama ada Allah melaksanakan setengah-setengah janji-Nya kepada beliau untuk menyeksakan kaum Musyrikin itu atau beliau sampai ajal sebelum janji itu disempurnakan Allah, maka kedua-duanya tidak mengubahkan tabi'at tugas beliau, Tugas beliau hanya menyampaikan perutusan Allah dan hisab mereka selepas itu adalah terserah kepada Allah dan ini tidak bererti tabi'at penda'wah itu dilucutkan dan tugasnya dibataskan, kerana tugasnya memang terbatas dan segala urusan dalam da'wah ini dan dalam semua perkara yang lain adalah terpulang oleh Allah.

Dengan penjelasan ayat ini para penda'wah kepada Allah dapat mempelajari peradaban-peradaban terhadap Allah, iaitu mereka tidak berhak menggesa supaya Allah mempercepatkan hasil kejayaan da'wah dan tidak pula berhak menggesa supaya Allah mempercepatkan hasil kejayaan hidayat yang disampaikan kepada orang ramai. Mereka tidak berhak menggesakan Allah supaya segera melaksanakan janji-Nya yang baik terhadap orang-orang yang menerima hidayat dan supaya segera menimpakan janji 'azab-Nya terhadap para pendusta. Mereka tidak berhak bersungut: Kami telah berda'wah sekian banyak, tetapi malangnya ia hanya disambut oleh segelintir manusia sahaja. Atau

bersungut: Kami telah lama bersabar, tetapi Allah belum lagi bertindak ke atas orang yang zalim itu semasa kami masih hidup. (Mereka tidak berhak berkata begitu) kerana tugas mereka hanya menyampaikan perutusan Allah, sedangkan tugas menghisabkan manusia di dunia atau di Akhirat bukanlah urusan para hamba. Ia adalah dari urusan Allah. Oleh itu untuk menghormati adab sopan terhadap Allah dan mengakui 'Ubudiyah kepada Allah, maka persoalan itu seharusnya diserahkan kepada Allah sahaja. Dialah yang akan bertindak mengikut kehendak dan pilihan-Nya.

Surah ini ialah Surah Makkiyah, oleh sebab itulah di dalam surah ini tugas Rasulullah s.a.w. dibataskan dengan "penyampaian da'wah" sahaja, kerana tugas "berjihad" belum lagi difardhukan, tetapi selepas itu beliau ditugaskan pula supaya berjihad selepas menyampaikan perutusan Allah. Inilah yang harus diperhatikan dalam tabi'at harakiyah agama ini, kerana nas-nas mengenai jihad merupakan nas-nas yang bersifat harakiyah untuk diselaraskan dengan pergerakan da'wah dan dengan realiti yang dihadapinya, juga untuk menentukan arah harakat da'wah dan arah realiti yang dihadapinya. Inilah yang diabaikan oleh sebilangan ramai para pengkaji agama Islam di zaman sekarang. Mereka membuat kajian-kajian tetapi mereka tidak mengatur "pergerakan". Oleh sebab itulah mereka tidak memahami kedudukan-kedudukan nas-nas Al-Qur'an dan hubungannya dengan realiti pergerakan agama ini.

Ramai yang membaca nas yang seperti ini:

فَإِنَّمَا عَلَيْكَ ٱلْبَلَٰغُ وَعَلَيْنَا ٱلْحِسَابُ ﴿٤٠﴾

*"Sesungguhnya tugasmu ialah menyampaikan da'wah dan tugas Kami ialah menjalankan hisab"(40)*

lalu mereka memahami dari nas ini bahawa tugas para penda'wah kepada Allah hanya berakhir setakat menyampaikan da'wah sahaja dan apabila mereka bertindak menyampaikan da'wah, maka bererti mereka telah menunaikan tugas yang terbeban ke atas mereka. Adapun pergerakan "berjihad", maka saya tidak tahu di manakah duduknya di dalam kefahaman mereka.

Begitu juga ramai yang membaca nas yang seperti ini, mereka tidak menghapuskan jihad dengan nas ini, tetapi mereka mengikatkannya tanpa memahami bahawa nas ini ialah nas Makkiyah yang diturun sebelum difardhukan jihad dan tanpa memahami tabi'at hubungan di antara nas-nas Al-Qur'an dengan harakat da'wah Islamiyah. Ini disebabkan kerana mereka tidak mengaturkan harakat memperjuangkan agama ini, malah mereka hanya membaca agama ini di dalam kertas-kertas sahaja sambil duduk, sedangkan agama ini tidak dapat difahami oleh orang-orang yang duduk kerana agama Islam bukanlah agama untuk orang-orang yang duduk.

Walau bagaimanapun, namun tugas "menyampai da'wah" tetap merupakan dasar amalan Rasulullah s.a.w. dan dasar amalan para penda'wah kepada agama ini selepas beliau, kerana usaha menyampaikan da'wah merupakan langkah pertama dari langkah-langkah berjihad. Apabila langkah penyampaian da'wah itu betul dan menjurus ke arah menyampaikan hakikat-hakikat asasi agama sebelum disampaikan hakikat-hakikat far'iyah yang lain, yakni apabila langkah penyampaian da'wah itu menjurus dari langkah yang pertama ke arah menjelaskan bahawa ciri-ciri Uluhiyah, Rububiyah dan Hakimiyah adalah kepunyaan Allah Yang Maha Esa sahaja, di samping menjurus ke arah menjadikan seluruh manusia itu hamba kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, di mana mereka membuat keta'atan dan kepatuhan kepada-Nya sahaja serta mencabut keta'atan dan kepatuhan kepada yang lain dari-Nya, maka sudah tentu jahiliyah akan bangkit menentang para penda'wah yang menyampaikan da'wah yang sebenar itu. Mereka akan menolak dan mencabar para penda'wah dan seterusnya akan bertindak menindas dan menghapuskan mereka. Di sini barulah tiba peringkat berjihad pada waktunya yang tepat sebagai hasil yang tabi'i dari penyampaian da'wah yang sebenar:

وَكَذَٰلِكَ جَعَلْنَا لِكُلِّ نَبِيٍّ عَدُوًّا مِّنَ ٱلْمُجْرِمِينَ ۗ
وَكَفَىٰ بِرَبِّكَ هَادِيًا وَنَصِيرًا ﴿٣١﴾

*"Demikianlah Kami jadikan bagi setiap nabi itu musuh-musuh dari orang-orang yang berdosa (para Kafirin) dan cukuplah Tuhanmu sendiri menjadi Pemimpin dan Penolong."*

(Surah al-Furqan: 31)

Inilah jalan perjuangan da'wah dan tiada jalan yang lain darinya.

* * * * * *

Kemudian marilah kita berhenti pula untuk membicarakan satu lagi garis pokok 'aqidah yang dibicarakan di dalam surah ini di mana Ia memberi kata pemutus mengenai hubungan yang wujud di antara arah tujuan dan pergerakan seseorang manusia dengan penentuan destini dan nasib kesudahannya dan menjelaskan bahawa kehendak masyi'ah Allah adalah terlaksana dalam gerak langkah yang diambil oleh seseorang manusia itu sendiri, di samping menjelaskan bahawa tiap-tiap kejadian adalah berlaku dan terlaksana mengikut perencanaan Allah. Kumpulan nas-nas khusus bagi maudhu' ini yang dibicara di dalam surah ini adalah cukup untuk menjelaskan pandangan Islam terhadap persoalan yang amat penting ini. Inilah di antara contoh-contohnya yang mencukupi:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا۟ مَا بِأَنفُسِهِمْ ۗ
وَإِذَآ أَرَادَ ٱللَّهُ بِقَوْمٍ سُوٓءًا فَلَا مَرَدَّ لَهُۥ ۚ وَمَا لَهُم
مِّن دُونِهِۦ مِن وَالٍ ﴿١١﴾

*"Sesungguhnya Allah tidak mengubahkan keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubahkan keadaan yang ada pada diri mereka sendiri, dan apabila Allah menghendaki sesuatu keburukan terhadap sesuatu kaum, maka tiada siapa yang dapat menolakkannya, dan tiada siapa yang dapat menjadi pelindung mereka selain daripada-Nya."(11)*

لِلَّذِينَ ٱسْتَجَابُوا۟ لِرَبِّهِمُ ٱلْحُسْنَىٰ ۚ وَٱلَّذِينَ لَمْ يَسْتَجِيبُوا۟ لَهُۥ لَوْ أَنَّ لَهُم مَّا فِى ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا وَمِثْلَهُۥ مَعَهُۥ لَٱفْتَدَوْا۟ بِهِۦٓ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ سُوٓءُ ٱلْحِسَابِ وَمَأْوَىٰهُمْ جَهَنَّمُ ۖ وَبِئْسَ ٱلْمِهَادُ ١٨

*"Bagi orang-orang yang menyahut seruan Tuhan mereka (dikurniakan) balasan yang terbaik dan bagi orang-orang yang tidak menyahut seruan itu (disediakan 'azab), dan jika mereka memiliki kekayaan yang ada di bumi ini dan (ditambahkan pula) sebanyak itu lagi ber-samanya nescaya mereka akan menebuskan diri mereka dengannya. Merekalah yang akan menghadapi hisab yang berat dan tempat kediaman mereka ialah Neraka Jahannam seburuk-buruk tempat kediaman."(18)*

قُلْ إِنَّ ٱللَّهَ يُضِلُّ مَن يَشَآءُ وَيَهْدِىٓ إِلَيْهِ مَنْ أَنَابَ ٢٧

*"Katakanlah: Sesungguhnya Allah menyesatkan siapa yang dikehendaki-Nya dan memberi hidayat kepada siapa yang bertaubat kepada-Nya."(27)*

ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُم بِذِكْرِ ٱللَّهِ ۗ أَلَا بِذِكْرِ ٱللَّهِ تَطْمَئِنُّ ٱلْقُلُوبُ ٢٨

*"Iaitu orang-orang yang beriman dan hati mereka tenteram dengan mengingati Allah. Ingatlah! Hanya dengan mengingati Allah hati menjadi tenang tenteram."(28)*

أَفَلَمْ يَا۟يْـَٔسِ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَن لَّوْ يَشَآءُ ٱللَّهُ لَهَدَى ٱلنَّاسَ جَمِيعًا ۗ

*"Tidakkah (sampai masanya kepada) orang-orang yang beriman itu berputus asa (terhadap keimanan kaum Musyrikin). Sesungguhnya jika Allah kehendaki tentulah Dia memberi hidayat kepada semua manusia."(31)*

بَلْ زُيِّنَ لِلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مَكْرُهُمْ وَصُدُّوا۟ عَنِ ٱلسَّبِيلِ ۗ وَمَن يُضْلِلِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِنْ هَادٍ ٣٣

*"Malah bagi orang-orang yang kafir itu telah dipesonakan oleh tipu daya mereka sendiri dan mereka telah dihalangkan dari jalan Allah, dan barang siapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang dapat memberi hidayat kepadanya."(33)*

Jelaslah dari nas yang pertama dari nas-nas ini bahawa kehendak masyi'ah Allah dalam mengubahkan keadaan satu kaum itu adalah berlaku dan terlaksana dari tindakan yang diambil oleh kaum itu sendiri. Iaitu mereka mengubahkan arah tujuan dan perilaku mereka dengan kesedaran dan amalan. Oleh itu apabila sesuatu kaum itu mengubahkan keadaan diri mereka dari segi arah tujuan dan amalan, maka Allah akan mengubahkan keadaan mereka mengikut perubahan yang telah dilakukan mereka terhadap diri mereka. Apabila keadaan mereka menghendaki iradat Allah bertindak buruk terhadap mereka, maka terlaksanalah iradat Allah dan tiada siapa pun yang dapat menghalanginya dan tiada siapa pun yang dapat melindungi mereka dari 'azab Allah dan mereka tidak akan mendapat sebarang perlindungan dan penolongan selain dari Allah.

Tetapi jika mereka menyambut da'wah Allah dan mengubahkan diri mereka dengan sambutan ini, nescaya iradat Allah menghendaki balasan yang baik kepada mereka dan melaksanakan balasan itu di dunia atau di Akhirat atau kedua-duanya sekali. Dan jika mereka tidak menyambut da'wah Allah nescaya iradat Allah menghendaki balasan yang buruk terhadap mereka dan mereka akan dihisabkan dengan seburuk-buruknya dan tiada sebarang tebusan yang dapat menyelamatkan mereka jika mereka datang menemui Allah pada hari hisab tanpa menyambut da'wah-Nya.

Amatlah jelas dari nas yang kedua itu bahawa tindakan menyambut atau tidak menyambut da'wah Allah adalah terpulang kepada arah tujuan dan gerak langkah yang diambil mereka sendiri dan bahawa kehendak masyi'ah Allah terhadap mereka adalah berlaku atau terlaksana melalui gerak langkah dan arah tujuan yang diambil mereka sendiri.

Mengenai nas yang ketiga pula, maka permulaan nas ini memperkatakan tentang kebebasan kehendak masyi'ah Allah dalam menyesatkan sesiapa sahaja yang dikehendaki-Nya, tetapi Ia iringi pula dengan pernyataan bahawa Allah "memberi hidayat kepada orang yang bertaubat kepada-Nya". Ini menjelaskan bahawa Allah S.W.T. menghendaki memberi hidayat kepada orang yang bertaubat atau kembali kepada-Nya. Keterangan ini membuktikan bahawa Allah hanya menyesatkan mereka yang enggan pulang kepada-Nya dan mereka yang tidak menyambut da'wah-Nya dan Dia tidak sekali-kali menyesatkan orang yang pulang kepada-Nya dan menyambut da'wah-Nya. Ini sesuai dengan janji-Nya yang tersebut di dalam firman-Nya:

وَٱلَّذِينَ جَٰهَدُوا۟ فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا ۚ

*"Dan orang-orang yang berjuang untuk mendapatkan keredhaan Kami, nescaya Kami akan tunjukkan jalan Kami kepada mereka."*

(Surah al-Ankabut: 69)

(Di sini jelaslah) bahawa pemberian hidayat dan penyesatan itu kedua-duanya merupakan kehendak masyi'ah Allah belaka terhadap para hamba-Nya dan kehendak masyi'ah Allah itu adalah berlaku dan

terlaksana melalui tindakan mereka sendiri yang mengubahkan keadaan diri mereka dan melalui arah tujuan yang dipilih mereka sendiri sama ada ke arah menyambut atau menolak.

Nas yang keempat menjelaskan bahawa jika Allah kehendaki nescaya Dia memberi hidayat kepada seluruh manusia. Di bawah bayangan nas-nas ini ternyatalah bahawa maksud dari nas ini ialah jika Allah S.W.T. kehendaki nescaya Dia menjadikan seluruh manusia itu mempunyai kesediaan yang sama untuk menerima hidayat atau untuk memaksa mereka menerima hidayat, tetapi Allah S.W.T. menghendaki menjadikan manusia seperti keadaan mereka yang ada sekarang ini, iaitu mereka mempunyai kesediaan untuk memilih hidayat atau memilih kesesatan dan selepas itu Allah tidak berkehendak memaksa mereka memilih hidayat dan tidak pula berkehendak memaksa mereka memilih kesesatan. Maha Sucilah Allah! Allah menjadikan iradat-Nya terhadap manusia berlaku menerusi keputusan mereka menerima atau tidak menerima dalil-dalil hidayat dan penyaran-penyaran keimanan.

Nas yang kelima pula menjelaskan bahawa orang yang kafir itu telah dipesonakan oleh tipu daya mereka sendiri dan mereka dihalang dari jalan yang benar. Mengambil nas-nas yang seperti ini secara berasingan atau menunggal itulah yang telah mengheret kepada perdebatan-perdebatan yang terkenal di dalam sejarah pemikiran Islam di sekitar persoalan terpaksa dan bebas atau al-jabr dan al-ikhtiar, tetapi jika nas ini diambil atau difaham bersama-sama dengan kumpulan nas-nas yang lain seperti yang telah kita lihat tadi, maka ia akan dapat memberi satu kefahaman dan gambaran yang lengkap dan menyeluruh, iaitu keterpesonaan kepada amalan yang buruk dan penghalangan dari jalan yang benar itu adalah akibat dari kekufuran dan keengganan menyambut da'wah Allah yakni akibat dari tindakan orang-orang kafir itu sendiri yang telah mengubahkan keadaan diri mereka kepada keadaan yang menghendaki masyi'ah Allah bertindak terhadap mereka dengan membuat mereka terpesona kepada amalan yang buruk, menghalangkan mereka dari jalan yang benar dan membuat mereka menjadi sesat.

Tinggal lagi satu kata tambahan yang perlu untuk menjelaskan maudhu' ini yang telah menimbulkan banyak perdebatan di dalam semua agama, iaitu arah tujuan yang dipilih oleh manusia tidaklah automatik menentukan kesudahan mereka, kerana nasib-nasib kesudahan itu merupakan kejadian-kejadian yang diciptakan oleh perencanaan-perencanaan Allah. Segala sesuatu yang berlaku di alam buana ini adalah terjadi, berlaku dan terlaksana dengan perencanaan-perencanaan Allah yang khusus yang merealisasi dan menyempurnakan iradat dan masyi'ah Allah. Firman-Nya:

إِنَّا كُلَّ شَيْءٍ خَلَقْنَٰهُ بِقَدَرٍ ﴿٤٩﴾

*"Sesungguhnya Kami telah ciptakan segala sesuatu itu dengan perencanaan yang rapi."*

(Surah al-Qamar: 49)

Di sana tidak ada gerak automatik di dalam seluruh peraturan alam buana dan tidak ada kepastian bagi penyebab-penyebab yang dapat melahirkan kesan-kesan secara automatik, kerana penyebab itu sama dengan kesan kedua-duanya diciptakan dengan perencanaan Allah. Apa yang dibuat oleh arah tujuan yang dipilih oleh manusia itu ialah memperlakukan kehendak masyi'ah Allah terhadap mereka melalui arah tujuan yang dipilih mereka. Adapun berlakunya kehendak masyi'ah ini dan kesan-kesannya yang waqii, maka ia adalah terlaksana dengan perencanaan yang diatur khusus oleh Allah bagi setiap kejadian. (Firman-Nya):

وَكُلُّ شَيْءٍ عِندَهُۥ بِمِقْدَارٍ ﴿٨﴾

*"Dan segala sesuatu (diatur) di sisi-Nya dengan ukuran yang rapi."(8)*

Kefahaman yang seperti ini - sebagaimana telah Kami terangkan ketika membicarakan nas ini di dalam rangkaian surah ini - menambahkan lagi beban tanggungjawab yang besar yang terletak di atas bahu makhluk insan di samping menimbulkan lagi darjat kemuliaan insan dalam sistem seluruh alam buana ini, kerana makhluk insan merupakan satu-satunya makhluk, di mana berlakunya kehendak masyi'ah Allah terhadapnya melalui arah tujuan dan gerak langkah yang dipilih mereka. Alangkah beratnya beban tanggungawab itu dan alangkah besarnya kemuliaan manusia! [6]

* * * * * *

Di dalam surah ini juga terdapat kata pemutus bahawa kekufuran dan keengganan menyambut ajaran yang benar yang dibawa oleh agama ini adalah menunjukkan bahawa entiti manusia itu telah rosak, alat penerima semulajadi yang ada padanya tidak lagi berfungsi dan tabi'atnya tidak menentu dan menyeleweng dari jalan yang betul. Tidak mungkin berlaku kepada manusia yang mempunyai struktur jiwa yang normal, tidak mati, tidak rosak dan cacat mengambil sikap enggan menyambut ajaran yang benar dengan beriman dan memeluk Islam apabila dibentangkan kepada mereka dengan penjelasan yang sama dengan penjelasan yang dilakukan Al-Qur'an, kerana tabi'at fitrah manusia sentiasa menerima ajaran yang benar. Oleh sebab itu apabila fitrah mereka dihalangi dari ajaran yang benar, maka itulah tanda bahawa tuannya sendiri yang menghalanginya kerana menghidap sesuatu penyakit yang menyebabkannya memilih jalan yang lain dari jalan hidayat yang benar ini, dan dengan pilihan itu dia wajar mendapat kesesatan dan menerima

---

[6] *Lihat huraian yang lebih luas dalam bab* "حقيقة الإنسان" *dalam bahagian yang kedua kitab* "خصائص التصور الإسلامي ومقوماته".

ke'azaban sebagaimana firman Allah S.W.T. di dalam surah yang lain:

سَأَصْرِفُ عَنْ آيَاتِيَ الَّذِينَ يَتَكَبَّرُونَ فِي الْأَرْضِ بِغَيْرِ الْحَقِّ وَإِنْ يَرَوْا كُلَّ آيَةٍ لَا يُؤْمِنُوا بِهَا وَإِنْ يَرَوْا سَبِيلَ الرُّشْدِ لَا يَتَّخِذُوهُ سَبِيلًا وَإِنْ يَرَوْا سَبِيلَ الْغَيِّ يَتَّخِذُوهُ سَبِيلًا ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا وَكَانُوا عَنْهَا غَافِلِينَ ﴿١٤٦﴾

*"Aku akan memalingkan sekalian mereka yang berlagak angkuh di muka bumi ini tanpa alasan yang benar dari bukti-bukti Uluhiyah-Ku dan andainya mereka melihat segala bukti Uluhiyah-Ku nescaya mereka tidak juga beriman dan andainya mereka melihat jalan hidayat, mereka tidak mengambilnya sebagai jalan (yang benar) dan andainya mereka melihat jalan kesesatan, mereka mengambilnya sebagai jalan (jalan yang benar). Itu disebabkan kerana mereka mendustakan ayat-ayat Kami dan kerana mereka sentiasa lalai darinya."*

(Surah al-A'raf: 146)

Di dalam surah ini juga terdapat ayat-ayat yang seperti ini yang menerangkan hakikat kekufuran. Ayat-ayat ini menjelaskan bahawa kekufuran itu suatu kebutaan dan kematian matahati. Sementara hidayat menandakan diri manusia itu terselamat dari kebutaan, juga menandakan daya-daya pemikirannya berada dalam keadaan selamat. Ayat-ayat itu juga menerangkan bahawa di dalam lembaran alam buana ini terdapat bukti-bukti yang menunjukkan kebenaran kepada mereka yang berfikir dan menggunakan akal:

أَفَمَنْ يَعْلَمُ أَنَّمَا أُنْزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ الْحَقُّ كَمَنْ هُوَ أَعْمَىٰ ۚ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿١٩﴾

الَّذِينَ يُوفُونَ بِعَهْدِ اللَّهِ وَلَا يَنْقُضُونَ الْمِيثَاقَ ﴿٢٠﴾

وَالَّذِينَ يَصِلُونَ مَا أَمَرَ اللَّهُ بِهِ أَنْ يُوصَلَ وَيَخْشَوْنَ رَبَّهُمْ وَيَخَافُونَ سُوءَ الْحِسَابِ ﴿٢١﴾

وَالَّذِينَ صَبَرُوا ابْتِغَاءَ وَجْهِ رَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنْفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً وَيَدْرَءُونَ بِالْحَسَنَةِ السَّيِّئَةَ أُولَٰئِكَ لَهُمْ عُقْبَى الدَّارِ ﴿٢٢﴾

*"Apakah orang yang mengetahui bahawa apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu itu adalah benar sama dengan orang yang buta? Hanya orang yang berakal sahaja yang dapat mengambil pengajaran(19). Iaitu orang yang memenuhi janji Allah dan tidak membatalkan perjanjian(20). Dan orang-orang yang menyambungkan apa yang diperintahkan Allah supaya disambungkannya dan mereka takut kepada Tuhan mereka dan takut kepada hisab yang buruk(21). Dan orang-orang yang sabar kerana mencari keredhaan Tuhan mereka dan mendirikan solat dan membelanjakan sebahagian dari rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka secara sembunyi-sembunyi dan secara terang-terangan serta menolak kejahatan dengan kebaikan. Merekalah orang-orang yang akan mendapat tempat kesudahan yang baik."(22)*

وَيَقُولُ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْلَا أُنْزِلَ عَلَيْهِ آيَةٌ مِنْ رَبِّهِ ۚ قُلْ إِنَّ اللَّهَ يُضِلُّ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي إِلَيْهِ مَنْ أَنَابَ ﴿٢٧﴾

الَّذِينَ آمَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ ۗ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ ﴿٢٨﴾

الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ طُوبَىٰ لَهُمْ وَحُسْنُ مَآبٍ ﴿٢٩﴾

*"Dan orang-orang kafir berkata: Mengapa tidak diturunkan kepadanya (Muhammad) suatu bukti (mu'jizat) dari Tuhannya? Katakanlah: Sesungguhnya Allah menyesatkan siapa yang dikehendaki-Nya dan memberi hidayat kepada siapa yang bertaubat kepada-Nya(27). Iaitu orang-orang yang beriman dan hati mereka tenteram dengan mengingati Allah. Ingatilah! Hanya dengan mengingati Allah, hati menjadi tenang tenteram(28). Orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh akan memperolehi kebahagiaan dan tempat kembali yang baik."(29)*

وَهُوَ الَّذِي مَدَّ الْأَرْضَ وَجَعَلَ فِيهَا رَوَاسِيَ وَأَنْهَارًا ۖ وَمِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ جَعَلَ فِيهَا زَوْجَيْنِ اثْنَيْنِ ۖ يُغْشِي اللَّيْلَ النَّهَارَ ۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٣﴾

وَفِي الْأَرْضِ قِطَعٌ مُتَجَاوِرَاتٌ وَجَنَّاتٌ مِنْ أَعْنَابٍ وَزَرْعٌ وَنَخِيلٌ صِنْوَانٌ وَغَيْرُ صِنْوَانٍ يُسْقَىٰ بِمَاءٍ وَاحِدٍ وَنُفَضِّلُ بَعْضَهَا عَلَىٰ بَعْضٍ فِي الْأُكُلِ ۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿٤﴾

*"Dan Dialah yang membentangkan bumi dan menciptakan padanya gunung-ganang dan sungai-sungai. Dan dari setiap buah-buahan Dia ciptakan jantan betina dua sepasang. Dialah yang menjadikan malam dan siang saling menyelubungi. Sesungguhnya dalam kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang berfikir(3). Dan di bumi terdapat ruang-ruang tanah yang berdampingan dan kebun-kebun anggur, tanaman-tanaman dan pokok-pokok kurma yang bercabang*

*dan yang tidak bercabang yang disirami dengan air yang sama dan Kami lebihkan satu sama lain dari segi rasa. Sesungguhnya dalam kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang mengerti."(4)*

Demikianlah ternyata dengan pengakuan Allah S.W.T. bahawa orang-orang yang tidak menyambut da'wah yang benar adalah orang-orang yang buta yang tidak berfikir dan menggunakan akal, dan orang-orang yang menyambut da'wah itu adalah orang-orang yang berakal. Mereka mempunyai hati yang tenang tenteram kerana mereka sentiasa mengingati Allah dan berhubung rapat dengan kebenaran yang dikenali dan diterimanya dengan fitrah mereka yang mendalam. Inilah yang membuat hati mereka tenang dan tenteram.

Bukti kebenaran firman ini boleh didapati oleh seseorang pada sesiapa sahaja yang ditemuinya menolak ajaran yang benar yang terkandung di dalam agama Allah dan dibawa Muhammad Rasulullah dalam bentuknya yang sempurna. Penolakan itu adalah terbit dari tabi'at yang sakit dan buta dan terbit dari jiwa yang rosak bahagian-bahagiannya yang terpenting menyebabkannya tidak dapat lagi menerima dan menangkap nada-nada alam buana di sekelilingnya yang bergema bertasbih memuji Allah dan mengakui wahdaniyah-Nya, qudrat kuasa-Nya, pentadbiran dan perencanaan-Nya (yang rapi).

Andainya orang-orang yang tidak beriman kepada ajaran yang benar ini disifatkan sebagai orang-orang buta dengan pengakuan dari Allah S.W.T. sendiri, maka tentulah tidak seharusnya bagi seseorang Muslim, yang mendakwa beriman kepada Rasulullah dan beriman bahawa al-Qur'an ini wahyu dari Allah, menerima sesuatu peraturan dalam mana-mana urusan hidupnya dari manusia yang buta itu terutama dalam urusan yang ada hubungan dengan peraturan-peraturan yang mengendali dan mentadbirkan kehidupan manusia atau dengan nilai-nilai dan ukuran-ukuran yang menjadi asas hidup mereka atau mempunyai hubungan dengan adat resam, tingkahlaku dan adab sopan yang menguasai masyarakat mereka.

Inilah sikap kami terhadap seluruh hasil-hasil pemikiran yang bukan Islam kecuali hasil-hasil pemikiran yang berupa ilmu-ilmu kebendaan semata-mata dan penggunaan-penggunaan amalinya yang dimaksudkan oleh Rasulullah s.a.w. dengan sabdanya:

انتم اعلم بشئون دنياكم

*"Kamu lebih tahu tentang urusan-urusan dunia kamu."*

Oleh itu tidak seharusnya bagi seorang Muslim yang mengetahui hidayat Allah dan mengetahui ajaran yang benar yang dibawa oleh Rasulullah duduk di bangku sebagai seorang murid untuk menerima ajaran dari sebarang manusia yang tidak menerima hidayat Allah dan tidak mengakuinya sebagai ajaran yang benar, kerana manusia ini adalah manusia yang buta dengan pengakuan dari Allah S.W.T. sendiri. Tiada seorang Muslim yang berani menolak pengakuan Allah kemudian mendakwa dirinya sebagai seorang Muslim.

Kita pastilah mengambil agama ini dengan cara yang sungguh-sungguh dan mengambil segala ketetapannya dengan tegas dan teguh. Segala pendirian yang lembik terhadap persoalan ini mencerminkan pendirian yang lembik dalam 'aqidah itu sendiri jika tidak mencerminkan sebagai penolakan terhadap pengakuan Allah S.W.T. sendiri, dan sudah tentu penolakan ini mengertikan kekufuran yang terus terang.

Yang paling anehnya ada golongan manusia pada hari ini mendakwa diri mereka sebagai orang-orang Islam kemudian dalam waktu yang sama mereka mengambil peraturan-peraturan hidup mereka dari si anu dan si anu, iaitu orang-orang yang disifatkan Allah sebagai orang-orang yang buta dan namun demikian mereka masih menganggap diri mereka sebagai orang-orang Islam.

Agama Islam ini adalah agama yang sungguh-sungguh, yang tidak menerima sikap main-mainan, dan agama yang tegas yang tidak menerima sikap yang lembik, dan agama yang benar dalam setiap nas dan kalimatnya. Oleh itu sesiapa yang tidak menemui dalam dirinya kesungguhan, ketegasan dan kepercayaan yang sekuat ini, maka alangkah terkaya agama ini darinya. Sesungguhnya Allah itu Maha Kaya dari semesta alam.[7]

Tidak seharusnya pengaruh jahiliyah itu menekan begitu berat ke atas hati seorang Muslim sehingga dia sanggup menerima peraturan-peraturan jahiliyah di dalam sistem hidup-nya, sedangkan dia sedar bahawa peraturan yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. itulah peraturan yang benar dan bahawa orang yang tidak mengetahui peraturan yang dibawa beliau itu sebagai peraturan yang benar itu adalah seorang yang buta, kemudian dia masih sanggup mengikut orang yang buta ini dan menerima ajaran-ajaran darinya walau-pun Allah S.W.T. sendiri telah pun memberi pengakuan-Nya.

* * * * * *

Pada akhirnya marilah kita berhenti di hadapan satu garis pokok agama Islam yang terakhir yang digariskan oleh surah ini:

Di sana ada hubungan yang rapat di antara kerosakan yang menimpa kehidupan manusia di dunia ini dengan kebutaan dari memandang ajaran yang benar yang datang dari Allah untuk membimbing manusia ke arah kebenaran, kebaikan dan kebajikan. Orang-orang yang tidak mematuhi perjanjian Allah dengan fitrah mereka dan tidak menyambut ajaran yang benar yang datang dari

---

[7] *Lihat bab* "التصور الإسلامي والثقافة" *dalam buku* "معالم في الطريق".

Allah, sedangkan mereka sedar bahawa itulah satu-satunya ajaran yang benar, maka merekalah golongan manusia yang melakukan kerosakan di bumi, sebaliknya orang-orang yang mengetahui bahawa ajaran yang datang dari Allah itulah satu-satunya ajaran yang benar dan menyambutnya, maka merekalah orang-orang yang melakukan kebaikan di bumi ini dan menyuburkan kehidupan:

أَفَمَن يَعْلَمُ أَنَّمَآ أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ ٱلْحَقُّ كَمَنْ هُوَ أَعْمَىٰٓ ۚ إِنَّمَا
يَتَذَكَّرُ أُو۟لُوا۟ ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿١٩﴾
ٱلَّذِينَ يُوفُونَ بِعَهْدِ ٱللَّهِ وَلَا يَنقُضُونَ ٱلْمِيثَٰقَ ﴿٢٠﴾
وَٱلَّذِينَ يَصِلُونَ مَآ أَمَرَ ٱللَّهُ بِهِۦٓ أَن يُوصَلَ وَيَخْشَوْنَ
رَبَّهُمْ وَيَخَافُونَ سُوٓءَ ٱلْحِسَابِ ﴿٢١﴾
وَٱلَّذِينَ صَبَرُوا۟ ٱبْتِغَآءَ وَجْهِ رَبِّهِمْ وَأَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ
وَأَنفَقُوا۟ مِمَّا رَزَقْنَٰهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً وَيَدْرَءُونَ بِٱلْحَسَنَةِ
ٱلسَّيِّئَةَ أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ عُقْبَى ٱلدَّارِ ﴿٢٢﴾

*"Apakah orang yang mengetahui bahawa apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu itu adalah benar sama dengan orang yang buta? Hanya orang yang berakal sahaja yang dapat mengambil pengajaran(19). Iaitu orang yang memenuhi janji Allah dan tidak membatalkan perjanjian(20). Dan orang-orang yang menyambungkan apa yang diperintahkan Allah supaya disambungkannya dan mereka takut kepada Tuhan mereka dan takut kepada hisab yang buruk(21). Dan orang-orang yang sabar kerana mencari keredhaan Tuhan mereka dan mendirikan solat dan membelanjakan sebahagian dari rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka secara sembunyi-sembunyi dan secara terang-terangan serta menolak kejahatan dengan kebaikan. Merekalah orang-orang yang akan mendapat tempat kesudahan yang baik."(22)*

وَٱلَّذِينَ يَنقُضُونَ عَهْدَ ٱللَّهِ مِنۢ بَعْدِ مِيثَٰقِهِۦ
وَيَقْطَعُونَ مَآ أَمَرَ ٱللَّهُ بِهِۦٓ أَن يُوصَلَ وَيُفْسِدُونَ
فِى ٱلْأَرْضِ ۙ أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمُ ٱللَّعْنَةُ وَلَهُمْ سُوٓءُ ٱلدَّارِ ﴿٢٥﴾

*"Dan orang-orang yang membatalkan janji Allah setelah diikatkannya dengan teguh dan memutuskan hubungan yang diperintahkan Allah supaya disambungkannya dan melakukan kerosakan di bumi merekalah orang-orang yang mendapat kutukan Allah dan akan memperolehi seburuk-buruk tempat kesudahan."(25)*

Teraju kehidupan manusia tidak layak dipimpin melainkan oleh orang-orang yang celik dan berakal yang mengetahui bahawa ajaran yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. itulah ajaran yang benar. Justeru itu mereka mematuhi perjanjian Allah dengan fitrah mereka dan perjanjian Allah dengan 'Adam dan zuriatnya bahawa mereka akan menyembah Allah Yang Maha Esa sahaja dan memberi kepatuhan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan tidak akan mengikut melainkan suruhan dan larangan-Nya sahaja. Oleh sebab itulah mereka menyambung apa yang diperintahkan Allah supaya disambungkannya, mereka takut kepada Allah dan takut berlaku dari mereka sesuatu perbuatan yang dilarangkan Allah atau sesuatu perbuatan yang dimurkai-Nya. Mereka bersabar dengan penuh kejujuran memelihara janji Allah. Mereka mendirikan solat dan membelanjakan sebahagian dari rezeki yang dikurniakan Allah kepada mereka sama ada secara diam-diam atau secara terang-terangan. Mereka menolak kejahatan dan kerosakan di bumi dengan melakukan kebaikan-kebaikan.

Kehidupan manusia di bumi ini tidak akan menjadi baik melainkan dengan kepimpinan yang celik yang berjalan mengikut hidayat Allah Yang Maha Esa sahaja, iaitu kepimpinan yang mengatur dan menyusun seluruh kehidupan mengikut agama dan hidayat Allah. Kehidupan manusia tidak boleh menjadi sihat dengan kepimpinan-kepimpinan yang sesat dan buta, kepimpinan yang tidak mengetahui bahawa peraturan-peraturan yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. itulah satu-satunya peraturan yang benar, kepimpinan yang mengikut sistem-sistem hidup yang lain dari sistem hidup Allah yang dipilih untuk para hamba-Nya yang soleh. Kehidupan manusia tidak boleh menjadi betul dengan sistem feudalis dan kapitalis, tidak juga boleh menjadi baik dengan sistem komunis dan sosialis ilmiyah. Semua sistem ini merupakan sistem-sistem orang-orang yang buta yang tidak sedar bahawa peraturan yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. itulah satu-satunya peraturan yang benar, yang tidak seharusnya dielakkan darinya dan tidak seharusnya pula dibuat apa-apa pindaan kepadanya. Kehidupan manusia tidak akan menjadi baik dengan sistem teokrasi dan tidak pula dengan sistem diktator atau sistem demokrasi. Semuanya sama sahaja, iaitu semuanya dari sistem-sistem orang yang buta yang meletakkan diri sendiri sebagai tuhan-tuhan yang lain dari Allah. Semuanya cuba mengadakan sistem-sistem pemerintahan dan sistem hidup yang tersendiri. Semuanya membuat undang-undang dan peraturan-peraturan yang tidak diizinkan Allah. Semuanya memperhambakan manusia kepada undang-undang yang diciptakan mereka dan semua-nya membuat manusia ta'at kepada yang lain dari Allah.

Sebagai bukti kebenaran perkataan kami yang diambil dari nas Al-Qur'an tadi ialah kerosakan hidup yang meliputi seluruh dunia hari ini yang berada di dalam jahiliyah abad dua puluh, iaitu kecelakaan dan penderitaan hidup yang dialami umat manusia di timur dan di barat sama ada di dalam sistem feudalis, kapitalis, komunis, sosialis ilmiyah, diktator atau

demokrasi. Semuanya sama sahaja, iaitu sama-sama menimbulkan kerosakan, keruntuhan akhlak, kesengsaraan jiwa dan kegelisahan yang dialami oleh manusia. Kerana semuanya dari ciptaan orang-orang yang buta yang tidak tahu bahawa peraturan yang diturunkan Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w. itulah satu-satunya peraturan yang benar. Justeru itu sistem-sistem ini tidak mematuhi perjanjian Allah dan syari'at-Nya dan tidak hidup mengikut agama Allah dan hidayat-Nya.

Berdasarkan kepada keimanannya kepada Allah dan kepada kesedarannya bahawa peraturan yang diturunkan Allah kepada Nabi Muhammad itulah satu-satunya peraturan yang benar, maka seorang Muslim menolak segala mazhab sosial dan ekonomi dan menolak segala peraturan politik kecuali satu sistem sahaja, satu mazhab sahaja dan satu undang-undang sahaja yang diatur dan dipilih oleh Allah untuk para hamba-Nya yang soleh.

Perbuatan mengakui kesahihan sesuatu sistem atau sesuatu undang-undang atau suatu sistem pemerintahan yang diciptakan oleh yang lain dari Allah adalah terkeluar dari lingkungan Islam kerana Allah, lantaran Islam kerana Allah ialah menumpukan keta'atan dan kepatuhan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja.

Pengakuan ini selain dari bertentangan secara pasti dengan konsep Islam yang asasi, maka dalam waktu yang sama juga bererti menyerahkan teraju khilafah di bumi ini kepada orang-orang yang buta, iaitu orang-orang yang membatalkan perjanjian Allah yang telah dimeteraikannya dan memutuskan apa yang telah diperintahkan Allah supaya disambungkannya dan melakukan kerosakan di bumi. Oleh kerana itu kerosakan di bumi mempunyai pertalian yang amat rapat dengan kepimpinan orang-orang buta!

Umat manusia telah menderita di sepanjang sejarahnya kerana mereka terumbang-ambing dan meraba-raba di antara berbagai-bagai sistem, berbagai-bagai peraturan dan berbagai-bagai undang-undang yang dipimpin oleh orang-orang yang buta, iaitu orang-orang yang memakai baju ahli falsafah, ahli fikir, ahli undang-undang dan ahli-ahli politik di sepanjang abad. Manusia tidak pernah bahagia dan insaniyah mereka tidak pernah meningkat, mereka tidak pernah mencapai tahap sebagai khalifah Allah di muka bumi melainkan di bawah naungan sistem Rabbani di dalam beberapa waktu ketika mereka kembali kepada sistem yang lurus itu.[8]

Inilah setengah-setengah garis pokok 'aqidah yang menonjol di dalam surah ini, di mana kita membicarakannya dalam hentian-hentian yang pendek ini dan walaupun pembicaraannya tidak sampai ke batas sutnya, tetapi cukuplah ia memberi isyarat kepadanya.

---

[8] *Lihat huraian ini yang lebih luas dalam fasal* "تخبط واضطراب" *dalam buku* "الإسلام ومشكلات الحضارة"